

# PENGASINGAN DAN KETANDUSAN

KEADAAN PENAHANAN ORANG YANG DIJATUHKAN HUKUMAN MATI

# MALAYSIA

CAROLE BERRIH  
NGEOW CHOW YING



ANTI  
DEATH  
PENALTY  
ASIA  
NETWORK

ECPM  
ensemble contre  
la peine de mort  
together against  
the death penalty

# PENGASINGAN DAN KETANDUSAN

## KEADAAN PENAHANAN ORANG YANG DIJATUHKAN HUKUMAN MATI

# MALAYSIA

**CAROLE BERRIH**  
**NGEOW CHOW YING**

Pengarah Penerbit: **Raphaël Chenuil-Hazan**

Koordinator: **Marie-Lina Samuel**

Pengarang: **Carole Berrih** – Pengarah Synergies Coopération

Ketua pasukan penyelidikan: **Ngeow Chow Ying**

Pasukan penyelidikan: **Siti Nurizzah Binti Mohd Tazali** dan **Amirah Haziqah Binti Amran**

Penyunting Salinan: **Ngeow Chow Ying, Alain Morvan, Nicolas Perron, Mathilde Millier**

Susun atur: **Olivier Déchaud**

Penterjemah: **Chua Heaw Eng**

Ilustrasi dan penutup oleh **Marty**

Projek ini dibiayai bersama  
oleh Kesatuan Eropah



Norwegian Ministry  
of Foreign Affairs



Australian Government  
Department of Foreign Affairs and Trade

**ANTI  
DEATH  
PENALTY  
ASIA  
NETWORK**

Dalam kerjasama dengan



ECPM

62 bis, avenue Parmentier  
75011 Paris

[www.ecpm.org](http://www.ecpm.org)

© ECPM, 2019

ISBN: 978-2-491354-11-4

### Pengarang

Sebagai seorang penasihat undang-undang yang mengkhusus dalam undang-undang awam antarabangsa dan seorang graduan sosiologi, **Carole Berrih** bertindak sebagai Ketua Wakil (*Delegation Leader*) dan Koordinator Projek untuk pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan antarabangsa, sebelum mengasaskan dan menjalankan *Synergies Coopération*, sebuah pusat penyelidikan yang bertujuan untuk mempromosikan dan melindungi hak-hak asasi manusia. Secara khususnya, beliau menjalankan penyelidikan dan pentaksiran untuk pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan agensi-agensi antarabangsa PBB dalam bidang keadilan jenayah dan pencegahan penyeksaan dan layanan zalim dalam penjara-penjara. Beliau merupakan pengarang di *Institut des Hautes Etudes de Défense Nationale [Institute of Advanced Studies in National Defence]*.

### Ketua Pasukan Penyelidikan

**Ngeow Chow Ying** ialah seorang peguam yang beramal di Malaysia. Timbalan Presiden Jawatankuasa Hak Sivil Kuala Lumpur & Dewan Perhimpunan Cina Selangor (*Civil Rights Committee of the Kuala Lumpur & Selangor Chinese Assembly Hall*), Chow Ying memulakan advokasi beliau atas pemansuhan hukuman mati 10 tahun yang lalu, dengan kempen pengampunan seorang warganegara Malaysia muda yang dijatuhkan hukuman mati di Singapura bagi pengedaran dadah. Beliau telah dilihat dalam bulatan pemansuhan sejak itu. Beliau adalah ahli Jawatankuasa Eksekutif *Anti Death Penalty Asia Network* (ADPAN) daripada 2015-2019 dan telah mewakili ADPAN dalam beberapa persidangan-persidangan antarabangsa. Beliau telah menghadiri Kongres Sedunia Menentang Hukuman Mati bagi tiga penggal berturut-turut. Beliau berusaha sebahagian besarnya atas peningkatan pendidikan awam, kempen bagi kes-kes individu, berhubung dengan media dan pembuat polisi, penyelidikan dan telah membantu dalam memajukan strategi untuk rangkaian yang lebih luas bagi pergerakan pemansuhan.

## SENARAI AKRONIM-AKRONIM

<b>ADPAN</b>	<i>Anti-Death Penalty Asia Network</i>
<b>ASEAN</b>	Persatuan Negara-negara Asia Tenggara ( <i>Association of Southeast Asian Nations</i> )
<b>DAP</b>	Parti Tindakan Demokratik ( <i>Democratic Action Party</i> )
<b>ECPM</b>	<i>Together Against the Death Penalty (Ensemble Contre la Peine de Mort)</i>
<b>ESCAR</b>	Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) [ <i>Essential (Security Cases) Regulations</i> ]
<b>HAKAM</b>	Persatuan Kebangsaan Hak Asasi Manusia Malaysia ( <i>National Human Rights Society of Malaysia</i> )
<b>ICCPR</b>	Kovenan Antarabangsa Hak Sivil dan Politik ( <i>International Covenant on Civil and Political Rights</i> )
<b>ICRC</b>	Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah ( <i>International Committee of the Red Cross</i> )
<b>IPC</b>	Kanun Keseksaan India ( <i>Indian Penal Code</i> )
<b>ISA</b>	Akta Keselamatan Dalam Negeri ( <i>Internal Security Act</i> )
<b>MADPET</b>	Malaysia Menentang Hukuman Mati dan Penyeksaan ( <i>Malaysians Against the Death Penalty and Torture</i> )
<b>MCA</b>	Persatuan Cina Malaysia ( <i>Malayan Chinese Association</i> )
<b>MCP</b>	Parti Komunis Malaya ( <i>Malayan Communist Party</i> )
<b>MIC</b>	Kongres India Malaya ( <i>Malayan Indian Congress</i> )
<b>MRLA</b>	Tentera Pembebasan Rakyat Malaya ( <i>Malayan Races Liberation Army</i> )
<b>NEP</b>	Dasar Ekonomi Baru ( <i>New Economic Policy</i> )
<b>OPCAT</b>	Protokol Pilihan kepada Konvensyen Menentang Penyeksaan ( <i>Optional Protocol to Convention Against Torture</i> )
<b>PAS</b>	Parti Islam Se Malaysia
<b>POTA</b>	Akta Pencegahan Jenayah ( <i>Prevention of Terrorism Act</i> )
<b>SOSMA</b>	Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) [ <i>Security Offences (Special Measures) Act</i> ]
<b>SUARAM</b>	Suara Rakyat Malaysia
<b>SUHAKAM</b>	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia ( <i>Human Rights Commission of Malaysia</i> )
<b>UMNO</b>	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu ( <i>United Malays National Organisation</i> )

# JADUAL KANDUNGAN

• Hukuman Mati di Malaysia: cabaran yang baru	9	<b>KEADAAN-KEADAAN PENAHANAN ORANG YANG DIHUKUM MATI YANG AMAT KEKURANGAN</b>	<b>85</b>
• Pengenalan	13	• Tempat-tempat tahanan orang-orang yang dijatuhkan hukuman mati di Malaysia	86
• Rasional laporan ini	13	• Banduan-banduan atas hukuman mati, tiada daripada pembaharuan penjara	88
• Pembentangan Malaysia	13	• Kegunaan kurungan bersendirian bagi banduan-banduan hukuman mati	90
• Gambaran keseluruhan hukuman mati di Malaysia	16	• Infrastruktur yang berkualiti rendah	98
• Metodologi	29	• Keperluan wang	99
<b>SEJARAH MALAYSIA DAN HUKUMAN MATI</b>	<b>33</b>	• Akses yang terhad kepada cahaya dan makanan sebagai langkah-langkah disiplin	100
• Undang-undang hukuman mati di Negeri-negeri Malaysia pra-penjajahan	34	• Akses kepada penjagaan kesihatan yang tidak mencukupi	101
• Hukuman mati sebagai alat politik semasa penjajahan British	35	• Sindrom Hukuman Mati: Tekanan psikologi ekstrem terhadap orang yang dijatuhkan hukuman mati	102
• Kelahiran Persekutuan Berbilang-Etnik dan tempoh pertama selepas kemerdekaan (1957-1975)	40	<b>KELUARGA-KELUARGA ORANG YANG DIJATUHKAN HUKUMAN MATI: PERGELUTAN</b>	<b>107</b>
• Peningkatan dalam pelaksanaan hukuman mati (1975-1996): lebih daripada 350 orang digantung sampai mati dalam 20 tahun	46	<b>PELAKSANAAN-PELAKSANAAN HUKUMAN MATI YANG TERGESA-GESADAN BERAHSIA</b>	<b>111</b>
• Perang terhadap dadah dan penganan hukuman mati mandatori bagi jenayah-jenayah berkaitan dadah	48	• Kesimpulan	115
• Suatu dinamik yang baru (1997-2018)	54	• Kata Pengantar	117
• "Malaysia Baharu" (2018-2020)	62	• Cadangan-cadangan	123
<b>PERJALANAN YANG PANJANG MELALUI SISTEM KEADILAN JENAYAH</b>	<b>67</b>	• Cadangan-cadangan kepada Malaysian	123
• Satu sistem keadilan jenayah yang tidak sempurna	68	• Cadangan-cadangan kepada SUHAKAM	126
• Penungguan yang tidak menentu: 63 orang menunggu pelaksanaan hukuman mati lebih daripada 10 tahun	74	• Cadangan-cadangan kepada pergerakan pemansuhan	126
• Cadangan-cadangan kepada penyokong-penyokong yang bekerja dalam pembangunan serantau dan antarabangsa	74	• Cadangan-cadangan kepada penyokong-penyokong yang bekerja dalam pembangunan serantau dan antarabangsa	127
• Temu ramah dengan Andrew Khoo	78	• Lampiran	129
• Temu ramah dengan Khaizan Sharizad Bt Ab Razak (Sherrie)	81	• Lampiran 1: Status ratifikasi instrumen-instrumen hak-hak asasi manusia (Malaysia)	129
		• Lampiran 2: Bibliografi	130

# HUKUMAN MATI DI MALAYSIA: CABARAN YANG BARU

**Alain Morvan**

*Presiden ECPM*

Kita sudah pun mengetahui bahawa pemansuhan hukuman mati adalah bukan satu tugas yang senang. Kita mengambil dua langkah ke hadapan dan secara tiba-tiba lima langkah ke belakang. Ianya mungkin satu perjalanan panjang yang tidak ramai ingin untuk mengikuti atas pelbagai alasan. Namun, sebagai Pengerusi ECPM, saya ingin menyatakan dengan tegas sokongan ECPM kepada Malaysia dalam kesusahan yang dihadapi bagi memansuhkan hukuman mati.

ECPM telah memerhatikan usaha positif yang telah diambil oleh kerajaan Malaysia untuk memansuhkan hukuman mati. Pernyataan mengenai pemansuhan hukuman mati, yang telah dibuat pada Oktober 2018 oleh Datuk Liew Vui Keong, bekas Menteri Dalam Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang), merupakan satu langkah yang berani untuk mempertahankan hak untuk kehidupan. Perkara ini telah memberikan satu kejutan dan harapan yang tinggi untuk berharap hukuman mati akan dimansuhkan di Malaysia. Langkah pertama ini telah diikuti dengan pengundian pihak berkuasa Malaysia, untuk kali pertama, menyokong *United Nations Resolutions* untuk penggunaan hukuman mati. Hukuman mati dan pemansuhannya sering menjadi satu isu utama dalam politik dan juga perdebatan sosial di Malaysia, dimana ia menunjukkan sokongan yang kukuh kepada Menteri yang berkenaan daripada arena antarabangsa dan pihak dari Malaysia yang mempunyai kepentingan dalam isu pemansuhan, tetapi pada masa yang sama menerima rintangan yang kuat daripada parti-parti politik dan sebahagian golongan masyarakat.

Hubungan di antara badan-badan bukan kerajaan, ahli-ahli parlimen, persatuan-persatuan masyarakat awam (*civil society organisations*) dan peguam-peguam adalah kukuh. Semenjak *Regional Congress* yang dianjurkan oleh ECPM di Kuala Lumpur pada 2015, ECPM bersama persatuan rakannya, ADPAN telah mengambil beberapa inisiatif: perbincangan meja bulat di parlimen yang telah dianjurkan

bersama *Parliamentarians for Global Action (PGA)*; persidangan-persidangan kebangsaan, bengkel-bengkel, dan acara-acara sampingan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 2018 di Geneva bagi *Malaysia Universal Periodic Review*, dan di New York bagi *UN Resolution* dalam penggunaan hukuman mati. Pada November 2019, ECPM, ADPAN dan PGA berasa bangga untuk dijemput oleh pejabat Menteri Dalam Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang) untuk menyertai satu sesi taklimat bersama ahli-ahli jawatnakuasa khas bagi mengkaji hukuman alternatif untuk hukuman mati (*Special Committee to Review Alternative Punishment to the Mandatory Death Penalty*). Jawatankuasa ini dianggotai dikalangan bekas-bekas hakim Mahkamah Tinggi, ahli-ahli kriminologi, wakil-wakil Majlis Peguam Negara dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dan ahli-ahli akedemik, yang diberi tugas untuk mengkaji hukuman alternatif bagi hukuman mati mandatori, melalui perundingan bersama masyarakat awam, dan telah menghantar laporan terakhir pada Februari 2020. Kami telah menggunakan peluang ini untuk berkongsi apa yang telah dialami oleh Perancis apabila kami memansuhkan hukuman mati pada 1981, lebih kurang 40 tahun yang lalu.

Pertukaran kerajaan terbaru yang berlaku pada akhir Februari 2020 mungkin akan memperlambatkan usaha-usaha yang dalam pelaksanaan. Kerajaan terdahulu, yang dipimpin oleh Pakatan Harapan, merupakan satu simbol harapan selepas 60 tahun diperintah oleh satu kerajaan yang konservatif, yang diperintah oleh United Malays National Organisation (UMNO). Kami akan menggalakkan Kabinet yang baru berkuasa ini, yang disokong oleh UMNO, untuk meneruskan kerja-kerja yang telah dilakukan oleh Jawatankuasa Khas dan memulakan semula perbincangan-perbincangan yang boleh membawa hasil dalam pemansuhan hukuman mati. ECPM dan ADPAN adalah bersedia untuk berinteraksi dengan kerajaan baru dalam isu ini dan menjalankan apa yang telah dicapai selama ini. *Isolation and Desolation – Conditions of Detention of People Sentenced to Death* di Malaysia adalah satu-satunya laporan berasaskan misi mengkaji fakta (*fact-finding mission*) mengenai keadaan-keadaan penahanan bagi banduan-banduan hukuman mati di Malaysia. Laporan ini mengkaji pelaksanaan hukuman mati di Malaysia dan juga keadaan sebenar orang-orang yang dijatuhkan hukuman mati. Laporan ini bukan bertujuan untuk menunding jari terhadap mana-mana pihak, tetapi bertujuan untuk memberi pencerahan kepada fakta-fakta yang ditemui dan berusaha ke

atasnya. Laporan ini bertujuan utama sebagai alat advokasi kepada semua pihak yang mempunyai kepentingan dalam pemansuhan, bermula dari ahli persatuan kemasyarakatan sehingga ahli parlimen yang akan berusaha berterusan untuk memansuhkan hukuman mati. Langkah demi langkah dan secara berhati-hati, pejuang-pejuang hak asasi manusia yang berani, ahli-ahli persatuan kemasyarakatan and ahli-ahli parlimen telah berusaha untuk mencari jalan ke arah pemansuhan. Dalam keadaan yang tegang, mereka telah bergabung dan mencari sumber, bukti-bukti berasaskan data dan peralatan, dan telah meluangkan masa yang panjang untuk bekerja keras dalam memperkuatkan usaha mereka dan mengubah keadaan.

Apa yang kita perlukan adalah orang-orang yang sesuai untuk bertindak pada masa yang tepat dalam keadaan yang betul. Namun, kita tidak ada satu keadaan yang betul untuk memansuhkan hukuman mati. Kerajaan perlu membuat apa yang betul dalam apa jua keadaan.

Kami akan meneruskan untuk berkerja keras pada masa yang akan datang untuk mencapai tujuan bersama kita dan saya berharap ianya dapat dilakukan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua rakan seperjuangan di sini, semua persatuan masyarakat awam yang berkerja di Asia atas keinginan, kekuatan dan semangat mereka dalam perjuangan bersama ini.

# PENGENALAN


## RASIONAL LAPORAN INI

Keadaan-keadaan di mana banduan-banduan hukuman mati ditahan di Malaysia adalah kurang diketahui. Kini terdapat 1,280 orang lelaki dan wanita yang berada di bawah hukuman mati dalam negara, berikutan kepada perbicaraan-perbicaraan yang tidak selalunya menghormati prinsip-prinsip asas antarabangsa. Laporan-laporan kebelakangan ini telah diterbitkan, menggambarkan pelanggaran hak kepada perbicaraan yang adil dalam kes-kes hukuman mati<sup>1</sup> Laporan kami tidak berniat untuk menduplikasikan apa-apa yang telah dilaporkan dalam kajian-kajian yang lain. Lanya menyasar, melalui testimoni-testimoni beberapa banduan-banduan hukuman mati yang masih berada dalam tahanan, keluarga-keluarga mereka, dan organisasi-organisasi keagamaan yang bertugas dalam penjara, untuk merenung situasi mereka yang telah dijatuhkan dengan hukuman mati, pada masa apabila pihak-pihak berkuasa sedang mempersoalkan pemansuhan mutlak hukuman mati. Bahagian pertama laporan ini akan menganalisis sejarah hukuman mati dalam negara ini. Bahagian kedua akan mengkaji semula peringkat-peringkat utama proses-proses jenayah dan pengampunan. Bahagian ketiga akan membutirkan keadaan-keadaan penahanan orang-orang yang dijatuhkan hukuman mati. Bahagian keempat akan memberikan peluang luahan kepada keluarga-keluarga orang-orang yang telah dijatuhkan hukuman mati. Bahagian kelima dan terakhir akan memperuntukkan sedikit informasi berkenaan proses pelaksanaan hukuman mati.

## PEMBENTANGAN MALAYSIA

Malaysia adalah sebuah negara berbilang etnik dan dengan pelbagai budaya, terletak di Asia Tenggara. Lanya terdiri daripada

<sup>1</sup> Lihat sebagai contoh, Amnesty Antarabangsa, *Kecacatan Yang Membawa Maut: Mengapa Malaysia Mesti Mansuhkan Hukuman Mati* [ACT 50/1078/2019], 2019



13 Negeri dan 3 Wilayah Persekutuan, dipisahkan oleh Laut China Selatan kepada dua wilayah, Semenanjung Malaysia dan Malaysia Timur.

Populasi Malaysia, yang melebihi 32,000,000 penduduk,<sup>2</sup> terdiri daripada tiga kumpulan etnik utama: 62% Bumiputera (mewakili orang Melayu dan orang asli dari Sabah dan Sarawak), 21% orang Cina dan 6% orang India.<sup>3</sup> Keetnikan memainkan peranan yang penting dalam politik Malaysia. Semenjak kemerdekaan, kerajaan-kerajaan turun temurun telah mengambil tindakan-tindakan afirmatif untuk mendahulukan hak-hak Bumiputera berbanding kumpulan-kumpulan lain dengan memberikan mereka layanan keutamaan di banyak bidang, termasuklah pendidikan, pekerjaan atau perniagaan. Islam diiktirafkan sebagai agama rasmi Malaysia. Perlembagaan Malaysia memberikan kebebasan beragama kepada warga bukan Muslim.

Malaysia adalah satu monarki berperlembagaan. Ketua Negara adalah Yang di-Pertuan Agong, secara amnya dirujuk sebagai

2 Agensi Perisikan Pusat (CIA), Buku Fakta Dunia (*The World Factbook*), 2020

3 *Ibid.*

“Raja”, yang kebiasaannya memainkan peranan keagamaan, tetapi adalah amat penting dalam proses pengampunan dalam kes-kes hukuman mati. Malaysia diperintah oleh Perdana Menteri. Semenjak kemerdekaan pada 1957 hingga 2018, negara ini telah diperintah oleh parti-parti gabungan yang diketuai oleh Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO). Dalam tempoh ini, bilangan jenayah-jenayah yang boleh dihukum dengan hukuman mati secara mandatori<sup>4</sup> atau atas budi bicara telah meningkat secara stabil dan merangkumi pelbagai kesalahan-kesalahan seperti: pembunuhan, kesalahan-kesalahan senjata api, pengedaran dadah, keganasan, dan sebagainya, menjadikan Malaysia salah satu negara-negara yang melaksanakan hukuman mati terhadap pesalah-pesalah yang terbanyak dalam dunia. 469 orang telah dilaksanakan dengan hukuman mati semenjak kemerdekaan Malaysia, termasuklah 229 bagi pengedaran dadah.<sup>5</sup>

4 Hukuman mati adalah mandatori apabila badan kehakiman tiada kuasa budi bicara dalam kes-kes hukuman kapital: hakim-hakim tiada pilihan tetapi untuk mengenakan hukuman mati bagi jenayah-jenayah sebegitu, tidak kira keadaan-keadaan jenayah tersebut atau situasi tertuduh

5 Amnesti Antarabangsa, *op. cit.*, 2019, m/s 15.



Pada 2018, parti gabungan yang baru, Pakatan Harapan telah memenangi pilihan raya, menamatkan pemerintahan UMNO bagi tempoh melebihi 60 tahun. Meskipun dengan pernyataan-pernyataan yang mengumumkan pemansuhan mutlak hukuman mati, kerajaan yang baru tersebut, yang diketuai oleh Perdana Menteri Mahathir Mohamad, mengisytiharkan pada 2019 bahawa ianya hanya akan memansuhkan hukuman mati mandatori. Satu Jawatankuasa Khas Kajian Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori telah ditubuhkan dan telah mengemukakan laporannya, yang mana masih belum dibuka kepada orang awam. Pada Februari 2020, selepas 2 tahun harapan untuk pembaharuan dalam negara, Mahathir Mohamad meletak jawatan, dilemahkan oleh pertikaian dalaman di dalam parti pemerintah dan ketidakupayaan beliau untuk memenuhi janji-janji pilihan rayanya. Pada Mac 2020, beliau diganti oleh Muhyiddin Yassin, yang telah berpaling tadah kepada gabungan yang memerintah dan bersekutu dirinya dengan parti UMNO.

## GAMBARAN KESELURUHAN HUKUMAN MATI DI MALAYSIA

### Kerangka perundangan hukuman mati

Sementara Perlembagaan Persekutuan mengiktiraf hak asasi kepada kehidupan, ianya juga memperuntukkan pengecualian. Seksyen 5 Perlembagaan menyatakan bahawa: *“Tiada seorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang.”*<sup>6</sup> Undang-undang Malaysia memperuntukkan hukuman mati bagi 20 dan lebih kesalahan-kesalahan. Hukuman mati adalah mandatori dalam undang-undang bagi beberapa kesalahan-kesalahan, termasuklah pembunuhan dan kesalahan-kesalahan berkaitan keganasan, menjadikan Malaysia sebagai salah satu daripada beberapa negara-negara di mana badan kehakiman tidak mempunyai kuasa budi bicara dalam kes-kes kapital. Malaysia membenarkan pemakaian undang-undang Syariah dalam mahkamah-mahkamah syariah, tetapi mahkamah-mahkamah ini tidak boleh membicarakan kes-kes kapital.

<sup>6</sup> Perlembagaan Persekutuan Malaysia, Seksyen 5.

**Jadual 1:** Kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan hukuman mati di Malaysia (2020)

Sumber	Senarai Kesalahan-kesalahan	Hukuman mati mandatori / Budi bicara
<b>Kanun Keseksaan</b>		
	Melancarkan serangan terhadap Malaysia (Seksyen 121)	Hukuman mati budi bicara
	Kesalahan terhadap Raja (Seksyen 121(A))	Hukuman mati mandatori
	Kesalahan-kesalahan pengganas (Seksyen-seksyen 130(C), 130(I), 130(N), 130(O), 130(QA), 130(ZB))	Hukuman mati mandatori
	Pemberontakan (Seksyen 132)	Hukuman mati budi bicara
	Keterangan palsu yang mengakibatkan pelaksanaan hukuman mati orang yang tidak bersalah (Seksyen 194)	Hukuman mati budi bicara
	Pembunuhan (Seksyen 302)	Hukuman mati mandatori
	Persubahatan membunuh diri (Seksyen 305)	Hukuman mati budi bicara
	Percubaan membunuh sekiranya pesalah sedang menjalani hukuman 20 tahun atau lebih pada ketika kesalahan tersebut dilakukan (Seksyen 307(2))	Hukuman mati mandatori
	Menculik dengan tujuan untuk membunuh orang atau meletakkan orang dalam bahaya untuk dibunuh (Seksyen 364)	Hukuman mati budi bicara
	Penyanderaan tebusan mengakibatkan kematian [Seksyen 374(A)]	Hukuman mati mandatori
	Rogol mengakibatkan kematian (Seksyen 376(4))	Hukuman mati budi bicara
	Rompak berkumpul serta membunuh (Seksyen 396)	Hukuman mati budi bicara

Teks kebangsaan yang lain		
Akta Angkatan Tentera 1972	Kesalahan ketenteraan: Membantu musuh, mengambil bahagian dalam pemberontakan, dan sebagainya (Seksyen-seksyen 38, 41, 47 dan 88)	Hukuman mati budi bicara
Akta Senjata Api 1960	Pengilangan amunisi (Seksyen 14(1))	Hukuman mati budi bicara
Akta Dadah Berbahaya 1952	Pengedaran dadah (Seksyen 39(b))	Hukuman mati mandatori atau budi bicara, bergantung kepada keadaan
Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971	Jenayah [menculik, percubaan membunuh, merompak, mengelak tangkapan) dilakukan dengan pelepasan senjata api (Seksyen-seksyen 3 dan 3(a))	Hukuman mati mandatori
	Perdagangan senjata api dan pemilikan melebihi dua senjata api secara menyalahi undang-undang (Seksyen 7)	Hukuman mati budi bicara
Akta Penculikan 1961	Menculik untuk wang tebusan (Seksyen 3)	Hukuman mati budi bicara
Akta Industri Perkhidmatan Air 2006	Pencemaran air (Seksyen 121(2))	Hukuman mati budi bicara
Akta Perdagangan Strategik 2010	Kesalahan-kesalahan berkaitan barang strategik atau tidak tersenarai (termasuk senjata api) (Seksyen-seksyen 6, 10, 11, 12)	Hukuman mati budi bicara

Kebanyakan kesalahan-kesalahan kapital ini tidak melibatkan sebarang unsur pembunuhan dengan niat, seperti pengedaran dadah atau penculikan. Pengenaan hukuman mati dalam kes-kes sebegini adalah bertentangan dengan piawaian-piawaian hak-hak asasi manusia antarabangsa yang diiktiraf, khususnya, cadangan-cadangan Perlindungan Hukuman Mati Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations (UN) Death Penalty*

*Safeguards recommendations*), yang disokong oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 1984, yang menyatakan bahawa “Hukuman kapital hanya boleh dikenakan untuk jenayah-jenayah yang paling serius, ianya difahamkan bahawa skop mereka tidak seharusnya mencapai melebihi jenayah-jenayah yang diniatkan dengan akibat kematian atau akibat lain yang amat teruk”.<sup>7</sup> Larangan untuk mengenakan hukuman mati bagi kesemua kecuali “Jenayah-jenayah yang paling serius” juga diperuntukkan di bawah Artikel 6 Kovenan Antarabangsa Hak Sivill dan Politik (ICCPR). Walaupun Malaysia belum meratifikasikan beberapa triti antarabangsa hak-hak asasi manusia,<sup>8</sup> termasuklah ICCPR, kerajaan Malaysia telah berulang kali menegaskan bahawa perundangannya adalah mematuhi ICCPR.<sup>9</sup> Pada Oktober 2018, Jawatankuasa Hak-Hak Asasi Manusia PBB menjelaskan terma “Jenayah-jenayah yang paling serius”: “Terma ‘jenayah-jenayah yang paling serius’ mesti dibaca secara terhad dan hanya

7 Perlindungan Untuk Menjamin Perlindungan Hak-Hak Asasi Orang Yang Berhadapan Hukuman Mati (*Safeguards Guaranteeing Protection of the Rights of Those Facing the Death Penalty*), yang diterima pakai oleh Majlis Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam resolusi 1984/50 pada 25 Mei 1984 dan diterima pakai oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam resolusi 39/118, diterima pakai tanpa undian pada 14 Disember 1984, Perlindungan No. 1.

8 Sila lihat status ratifikasi instrumen-instrumen hak-hak asasi manusia oleh Malaysia di Lampiran 1. Walaupun Malaysia belum meratifikasikan ICCPR atau Konvensyen Menentang Penyeksaan dan Layanan atau Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah, ianya telah meratifikasikan Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) dan Konvensyen Hak Kanak-Kanak dengan sedikit reservasi. Pada 1998, pertubuhan bukan kerajaan SUARAM telah mempertimbangkan bahawa ratifikasi-ratifikasi ini menandakan “Suatu penerimaan penting oleh kerajaan Malaysia bahawa masyarakat global memang berkongsi piawaian-piawaian umum dan nilai-nilai hak-hak asasi manusia, tidak mengambil kira asal budaya dan geografi.” Peerenboom R., Petersen C.J., Chen A.H.Y., *Human Rights in Asia: A Comparative Legal Study of Twelve Asian Jurisdictions, France and the USA*, Routledge, 2006, m/s 192.

9 Pada 2013, Malaysia menyatakan dalam laporannya sewaktu proses Semakan Berkala Sejagat: “Malaysia mengulangi bahawa hukuman mati hanya dikenakan pada jenayah-jenayah yang paling serius seperti yang diperuntukkan di bawah undang-undang dan hanya selepas kesemua hak rayuan telah dilupuskan. Kerangka undang-undang yang sedia ada memperuntukkan perlindungan (*safeguards*) yang ketat yang mesti dipatuhi sebelum hukuman mati dijalankan. Kerajaan mengekalkan bahawa perlindungan (*safeguards*) sebegini adalah selaras dengan piawaian-piawaian antarabangsa, khususnya Artikel 6 ICCPR.” Majlis Hak Asasi Manusia PBB, *Laporan Nasional Dihantar Menurut Perenggan 5 Lampiran kepada Resolusi Majlis Hak Asasi 16/12 [Semakan Berkala Sejagat]*: Malaysia [A/HRC/WG.6/17/MYS/1], 2013, perenggan 45. Lihat juga Majlis Hak Asasi Manusia PBB, *Laporan Nasional Dihantar Menurut Perenggan 15(A) Lampiran kepada Resolusi Majlis Hak Asasi 5/1, Malaysia* [A/HRC/WG.6/4/MYS/1/Rev.1], 2008, perenggan. 89; dan Majlis Hak Asasi Manusia PBB, *Laporan Nasional Dihantar Menurut Perenggan 5 Lampiran kepada Resolusi Majlis Hak Asasi Manusia 16/21, Malaysia* [A/HRC/WG.6/31/MYS/1], 2018, perenggan 10.

berkait dengan jenayah-jenayah dengan graviti yang melampau (*extreme gravity*), melibatkan pembunuhan dengan niat. Jenayah-jenayah yang tidak mengakibatkan kematian secara langsung dan dengan niat, seperti [...] dadah dan kesalahan-kesalahan seksual, walaupun bersifat serius, tidak mungkin membentuk dasar, dalam kerangka Artikel 6, untuk penganan hukuman mati.”<sup>10</sup> Tambahan lagi, kegunaan hukuman mati untuk melawan jenayah-jenayah berkaitan dadah dan penganan hukuman mati mandatori telah dikenal pasti sebagai pelanggaran yang jelas undang-undang antarabangsa oleh Pelapor Khas PBB atas Pelaksanaan Hukuman Mati Terus dan atas Penyeksaan (*UN Special Rapporteurs on Summary Executions and on Torture*).<sup>11</sup>

Sesetengah kategori orang adalah dikecualikan daripada hukuman kapital. Pelaksanaan hukuman mati atas wanita mengandung adalah dilarang: undang-undang memperuntukkan peringanan hukuman mati kepada penjara seumur hidup apabila kehamilan dibuktikan.<sup>12</sup> Tiada hukuman mati boleh diluluskan atas orang yang melakukan kesalahan apabila mereka berusia kurang daripada 18

10 Jawatankuasa Hak Asasi Manusia, “Ulasan am No. 36 (2018) atas artikel 6 of the Kovenan Antarabangsa Hak Sivill dan Politik, atas hak asasi kepada kehidupan” [CCPR/C/GC/36], perenggan 35.

11 Berkenaan penganan hukuman mati untuk jenayah-jenayah dadah, lihat Suruhanjaya Hak Asasi Manusia PBB, *Luar Bidang Kehakiman, Pelaksanaan Hukuman Mati Yang Terus atau Arbitrari: Laporan oleh Pelapor Khas, (Extrajudicial, Summary or Arbitrary Executions: Report by the Special Rapporteur)*, dihantar menurut Resolusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1996/74 [E/CN.4/1997/60], 2018, perenggan 92 dan Majlis Hak Asasi Manusia PBB, *Laporan oleh Pelapor Khas atas Penyeksaan dan Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah, Manfred Nowak* [A/HRC/10/44], 2009, perenggan 66. Berkenaan penganan hukuman mati mandatori, lihat Majlis Hak Asasi Manusia PBB, *Laporan oleh Pelapor Khas atas Luar Bidang Kehakiman, Pelaksanaan Hukuman Mati Yang Terus dan Arbitrari (Extrajudicial, Summary or Arbitrary Executions)* [A/HRC/14/24], 2010, perenggan 51, mengingat kembali (*recalling*) Suruhanjaya Hak Asasi Manusia PBB, *Luar Bidang Kehakiman, Pelaksanaan Hukuman Mati Yang Terus dan Arbitrari (Summary or Arbitrary Executions)* [E/CN.4/2005/7], 2004, perenggan-perenggan 63-64 dan 80, dan Majlis Hak Asasi Manusia PBB, *Laporan oleh Pelapor Khas atas Luar Bidang Kuasa, Pelaksanaan Hukuman Mati Yang Terus dan Arbitrari (Extrajudicial, Summary or Arbitrary Executions)*, Philip Alston: tambahan (*addendum*): Misi ke Kenya (*Mission to Kenya*) [A/HRC/11/2/Add.6], 2009, perenggan-perenggan 83-84 dan 115.

12 Kanun Prosedur Jenayah, Seksyen 275, memperuntukkan: “Di mana seorang wanita disabitkan dengan kesalahan yang boleh dihukum dengan kematian didakwa adalah hamil, atau di mana di hadapan Mahkamah seorang wanita yang disabitkan anggap sesuai, Mahkamah tersebut hendaklah mengarahkan satu atau lebih pengamal perubatan untuk mengambil sumpah untuk memeriksa wanita tersebut dalam tempat persendirian dan untuk menyiasat sama ada beliau adalah hamil atau tidak, dan sekiranya selepas laporan oleh salah seorang mereka ianya kelihatan beliau adalah hamil hukuman yang akan dikenakan atas beliau hendaklah suatu hukuman penjara seumur hidup daripada hukuman mati”

tahun.<sup>13</sup> Sebagai tambahan, perundangan memperuntukkan bahawa orang, “atas alasan tidak siuman (*unsoundness of mind*), adalah tidak berupaya untuk mengetahui sifat tindakan tersebut, atau bahawa [mereka sedang] melakukan apa yang sama ada salah atau bertentangan dengan undang-undang”, tidak melakukan kesalahan-kesalahan jenayah.<sup>14</sup> Oleh itu, menurut undang-undang, mereka tidak boleh dikenakan hukuman mati. Walau bagaimanapun, ini tidak selalunya berlaku. Osariakhi Ernest Obyangbon, seorang warganegara Nigeria yang dikenakan hukuman mati pada 2000, telah didiagnosis dengan penyakit skizofrenia pada 2007, sebelum rayuan beliau. Hukuman mati beliau telah disahkan oleh mahkamah. Beliau dihindarkan (*spared*) daripada pelaksanaan hukuman mati pada 2014 selepas bantahan yang kuat daripada organisasi-organisasi hak-hak asasi manusia. Hukuman beliau telah diringankan pada 2017, 10 tahun selepas diagnosisnya.<sup>15</sup>

Kaedah pelaksanaan hukuman mati adalah melalui penggantungan.<sup>16</sup>

### 1,280 orang di bawah hukuman mati pada Disember 2019

Sehingga kebelakangan ini, pihak-pihak berkuasa tidak menerbitkan data terperinci berkenaan penganan hukuman mati di dalam negara. Data berkenaan hukuman mati oleh itu telah dianggarkan oleh pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, berdasarkan maklumat terhad yang diberikan pihak-pihak berkuasa atau keluarga-keluarga

13 Akta Kanak-Kanak 2001, Seksyen 97(1): “Hukuman mati tidak boleh diumumkan atau direkodkan terhadap seseorang yang disabitkan atas sesuatu kesalahan jika pada hemat Mahkamah dia ialah seorang kanak-kanak pada masa kesalahan itu dilakukan.” Walau bagaimanapun, kanak-kanak masih boleh didakwa bagi kesalahan kapital. Ini berlaku dalam kes berkenaan dua lelaki 16 tahun dituduh membunuh selepas dituduh untuk memulakan api yang membunuh 23 orang dalam sekolah Tahfiz pada 2017. Pada masa penulisan, satu telah dibebaskan, yang lain telah memasukkan pembelaan. Lihat *Free Malaysia Today*, “Accused in Tahfiz fire ordered to enter defence, another acquitted”, 2020, boleh didapati di: <https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2020/01/28/accused-in-tahfiz-fire-ordered-to-enter-defence-another-acquitted/> (kunjungan terakhir pada Februari 13, 2020). Lihat juga *Malay Mail*, “Murder in Tahfiz school fire case transferred to High Court”, 2018, boleh didapati di: <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2018/01/03/murder-in-tahfiz-school-fire-case-transferred-to-high-court/1545437> (kunjungan terakhir pada Februari 13, 2020).

14 Kanun Keseksaan, Seksyen-seksyen 84, 309(A) dan 309(B).

15 Amnesti Antarabangsa, “Malaysia: Commutation of Death Sentence Must Lead to a Moratorium on Further Executions”, Penyataan Awam [ACT 50/5656/2017], 2017. Amnesti Antarabangsa, “Death Sentence of Mentally Ill Prisoner Commuted in Malaysia”, 2017.

16 Kanun Prosedur Jenayah, Artikel 277: “Apabila seseorang dijatuhkan dengan hukuman mati, hukuman tersebut hendaklah mengarahkan bahawa dia digantung pada leher sehingga mati, tetapi hendaklah tidak menyatakan tempat di mana mahupun masa bila hukuman itu akan dijalankan.”

orang yang dikenakan hukuman mati. Kekurangan ketelusan ini tidak mematuhi Resolusi 1989 Majlis Ekonomi dan Sosial PBB, yang mana mendesak Negara Ahli “Untuk menerbitkan, bagi setiap kategori kesalahan di mana hukuman mati tersebut adalah diberi kuasa, dan sekiranya mungkin pada setiap tahun, maklumat mengenai kegunaan hukuman mati, termasuklah bilangan orang yang dikenakan hukuman mati, bilangan pelaksanaan hukuman mati yang dijalankan, bilangan orang di bawah hukuman mati, bilangan hukuman mati yang dibalikkan atau diringkankan selepas rayuan dan bilangan keadaan di mana pengampunan diberikan, dan untuk merangkumi maklumat tahap di mana perlindungan-perindungan (safeguards) yang dirujuk di atas adalah diperbadankan di dalam undang-undang nasional”<sup>17</sup> Pada 2018, data yang tidak agregat telah pada akhirnya dikemukakan buat kali pertama kepada pertubuhan-pertubuhan antarabangsa hak-hak asasi manusia, yang menunjukkan bahawa bilangan orang-orang yang dikenakan hukuman mati adalah jauh lebih tinggi berbanding apa yang direkodkan sebelum ini. Data yang dianggarkan yang telah dibentangkan dalam Jadual 2 di bawah oleh itu adalah separa, tetapi juga membekalkan arah aliran yang menarik.

Pada tempoh 10 tahun yang lalu, bilangan hukuman mati telah meningkat dengan ketara, berikutan kepada dasar yang tegas terhadap jenayah-jenayah berkaitan dengan dadah.<sup>18</sup> 72% daripada kesemua hukuman-hukuman mati yang direkodkan pada 2018 adalah berkaitan dengan kesalahan-kesalahan dadah.<sup>19</sup> Seperti yang dinyatakan oleh Pengurangan Kemudaratan Antarabangsa dalam laporan 2019, “Sementara keseluruhan populasi hukuman mati telah meningkat 13.8% di antara 2017 dan 2018, banduan-banduan hukuman mati bagi kesalahan-kesalahan dadah secara khususnya meningkat sebanyak 38% dalam tempoh yang sama.”<sup>20</sup> Pada

17 Resolusi Majlis Ekonomi dan Sosial PBB 1989/64 yang diterima pakai pada 24 Mei 1989.

18 Lihat di bawah, Sub-seksyen “Perang terhadap dadah dan penganan hukuman mati mandatori dalam jenayah-jenayah dadah”.

19 190 orang telah dijatuhkan hukuman mati pada 2018 semata-mata, daripada mana sebanyak 72% telah dijatuhkan hukuman mati bagi pendedaran dadah (136 orang), 25% pembunuhan (48 orang), 2% untuk kesalahan-kesalahan senjata api (3 orang) dan 2% untuk penculikan dan pembunuhan (3 orang), seperti yang ditunjukkan di graf yang berikut. Pada masa laporan ini ditulis pada Februari 2020, data bagi tahun 2019 adalah tidak tersedia. Amnesti Antarabangsa, *Death Sentences and Executions in 2018*, 2019, m/s 23.

20 Girelli G., *The Death Penalty for Drug Offences: Global Overview 2018*, Pengurangan Kemudaratan Antarabangsa, 2019, m/s 14.

Disember 2019, Menteri Dalam Negeri melaporkan kepada Parlimen bahawa seramai 1,280 orang sedang menunggu pelaksanaan hukuman mati di dalam penjara-penjara Malaysia,<sup>21</sup> 70% daripada mereka adalah disabitkan untuk pendedaran dadah. Ini adalah peningkatan yang ketara semenjak 2011, apabila seramai 696 orang menunggu pelaksanaan hukuman mati di dalam penjara-penjara Malaysia.<sup>22</sup> Itu adalah bilangan yang sangat besar untuk orang yang berada di bawah hukuman mati, dan salah satu bilangan yang paling tinggi dalam dunia.<sup>23</sup> Berbanding dengan situasi di negara-negara lain, perkadaran orang yang berada di bawah hukuman mati antara populasi penjara adalah 14 kali ganda lebih tinggi di Malaysia berbanding dengan Amerika Syarikat.<sup>24</sup> Tambahan lagi, sementara seramai 1,280 orang berada di bawah hukuman mati di Malaysia, bilangan orang yang berada di bawah hukuman mati di Amerika Syarikat adalah seramai 2,656 pada 2019, dengan populasi sepuluh kali ganda lebih tinggi.<sup>25</sup>

21 Jawapan Menteri Dalam Negeri kepada Parlimen pada Disember 3, 2019, m/s 30, boleh didapati di: <https://vdokumen.net/penyata-rasmi-parlimen-dewan-rakyat-parlimen-dr-3122019-4-tun-dr-mahathir-bin.html> (kunjungan terakhir pada Februari 13, 2020). Lihat juga *Malay Mail*, “Minister: Putrajaya aims to reduce prison population, not build more jails”, 2019, boleh didapati di: <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2019/03/09/minister-putrajaya-aims-to-reduce-prison-population-not-build-more-jails/1730804> (kunjungan terakhir pada Januari 24, 2020).

22 *Free Malaysia Today*, “Time to abolish death sentence”, 2011, boleh didapati di: <https://www.malaysia-today.net/2011/04/03/time-to-abolish-death-sentence/> (kunjungan terakhir pada Januari 22, 2020).

23 Malaysia adalah negara Asia keempat dengan bilangan yang paling tinggi bagi orang di bawah hukuman mati selepas Pakistan (4,864), Bangladesh (1,500+) dan Sri Lanka (1,299). China tidak direpresentasikan dalam kedudukan (*ranking*) ini kerana tiada angka rasmi. Amnesti Antarabangsa, *op. cit.*, 2019, m/s 19.

24 Setakat Disember 2019, populasi hukuman mati di Amerika Syarikat mewakili 0.12% populasi penjara (2,656 orang di bawah hukuman mati, untuk jumlah populasi penjara sebanyak 2,121,600). Sumber: *Prison Studies, World Prison Brief: Malaysia, 2019*, boleh didapati di: <https://www.prisonstudies.org/country/malaysia> (kunjungan terakhir pada Januari 23, 2020) dan *NAACP Death Row U.S.A.*, laporan, 2019. Populasi hukuman mati di Malaysia mewakili 1.73% populasi penjara (1,280 orang di bawah hukuman mati, bagi jumlah populasi penjara seramai 74,000).

25 Setakat Disember, terdapat 2,656 orang di bawah hukuman mati di Amerika Syarikat, bagi jumlah populasi seramai 323,000,000. Terdapat 1,280 orang di bawah hukuman mati di Malaysia, bagi jumlah populasi seramai 32,000,000.

**Jadual 2:** Evolusi hukuman-hukuman mati di Malaysia 2007-2018<sup>26</sup>

	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018
# hukuman mati yang direkodkan	12	22+	68+	114+	108+	60+	76+	38+	39+	14+	38+	190
# hukuman mati bagi kesalahan-kesalahan dadah yang direkodkan	N/A	22	50+	63	83	N/A	47	16	24	5	21	136


Majoriti besar daripada 1,280 orang yang berada di bawah hukuman mati telah disabitkan untuk pengedaran dadah. Menurut data pada Disember 2019, orang yang berada di bawah hukuman mati telah disabitkan atas kesalahan-kesalahan yang berikut: 70% bagi pengedaran dadah (899 orang), 27% bagi pembunuhan (350 orang), 1% bagi kesalahan-kesalahan senjata api (15 orang), 0.6% bagi jenayah-jenayah terhadap pemerintah Negeri<sup>27</sup> (8), 0.4% bagi penculikan (5), 0.2% bagi rompakan berkumpulan dan pembunuhan (2), dan 0.1% bagi satu kesalahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) (1 orang) – satu kesalahan yang telahpun dimansuhkan.<sup>28</sup>

26 Kami menggunakan notasi “+” Amnesti Antarabangsa, untuk menunjukkan bahawa data hanya mewakili minima. Amnesti Antarabangsa, Laporan-laporan tahunan atas hukuman mati dan pelaksanaan-pelaksanaan pada data 2007, 2008, 2009, 2010, 2011, 2012; 2013 hingga 2018: Amnesti Antarabangsa, *op. cit.*, 2019, m/s 16. Lihat juga Pengurangan Kemudaratan Antarabangsa, *op. cit.*, (2019). Bagi data 2009-2011 atas kesalahan-kesalahan dadah, lihat Gallahue P., Gunawan R., Rahman F., El Mufti K., U Din N., Felten R., *The Death Penalty for Drug Offences: Global Overview 2012, Tipping the Scale for Abolition*, Pengurangan Kemudaratan Antarabangsa, 2012, m/s 30. Bagi data 2008 atas kesalahan-kesalahan data, lihat Gallahue P., Lines R., *The Death Penalty for Drug Offences: Global Overview 2010*, Pengurangan Kemudaratan Antarabangsa, 2010, m/s 29.

27 Sembilan lelaki Filipina dijatuhkan hukuman mati berhubung dengan pencerobohan Lahad Datu. Lihat *The Star Online*, “Nine in Lahad Datu intrusion to hang”, 2018, boleh didapati di: <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/01/16/nine-in-lahad-datu-intrusion-to-hang-federal-court-dismisses-prosecutions-appeal-against-acquittal> (kunjungan terakhir pada Januari 24, 2020).


28 Jawapan Menteri Dalam Negeri kepada Parlimen pada Disember 3, 2019, m/s 30.

**Rajah 1:** % orang di bawah hukuman mati di Malaysia, mengikut kesalahan (Disember 2019)



Hukuman mati amat bergantung kepada jantina orang yang disabitkan. 141 wanita berada di bawah hukuman mati, mewakili 11% populasi orang di bawah hukuman mati.<sup>29</sup> Peratusan wanita di bawah hukuman mati di Malaysia adalah amat tinggi berbanding negara-negara lain seperti Sri Lanka (6.5%), Indonesia (2.2%) atau Amerika Syarikat (2.0%).<sup>30</sup> Angka yang dikeluarkan pada Mac 2019 menunjukkan bahawa wanita adalah diwakili secara berlebihan (*over-represented*) dalam populasi orang yang dikenakan hukuman mati bagi jenayah-jenayah berkaitan dadah: 95% wanita berada di bawah hukuman mati telah disabitkan bagi jenayah-jenayah berkaitan dadah, berbanding 70% lelaki.<sup>31</sup> Orang yang berada di bawah hukuman mati kebanyakannya adalah muda: 397 orang yang sedang menunggu pelaksanaan hukuman mati adalah di antara 21 dan 30 tahun (31%). 17 orang di bawah hukuman mati adalah melebihi 60 (1%).<sup>32</sup>

**Rajah 2:** % orang di bawah hukuman mati di Malaysia, mengikut kumpulan umur (Disember 2019)



29 Amnesti Antarabangsa, *op. cit.*, 2019, m/s 19.


30 Pada 2018, 84 wanita berada di bawah hukuman mati di Sri Lanka (jumlah populasi hukuman mati sebanyak 1,299 orang), 6 wanita di Indonesia (jumlah populasi hukuman mati sebanyak 268 orang) dan 53 di Amerika Syarikat (jumlah populasi hukuman mati sebanyak 2,656).

31 *Ibid.*, m/s 5.

32 Jawapan Menteri Dalam Negeri kepada Parlimen pada Disember 3, 2019.

Dari segi kewarganegaraan, 43% orang yang berada di bawah hukuman mati adalah warga asing daripada 43 negara (546 orang).<sup>33</sup> 73% daripada warga asing telah disabitkan untuk kesalahan-kesalahan berkaitan dadah dan 25% bagi pembunuhan. Menurut Amnesti Antarabangsa, warganegara yang paling banyak diwakili adalah warga Nigeria (21%), warga Indonesia (16%), warga Iran (15%), warga India (10%), warga Filipina (8%) dan warga Thailand (6%).<sup>34</sup> Populasi warganegara Malaysia adalah terbahagi antara orang Melayu, (349), orang India (193), orang Cina (158) dan kumpulan etnik yang lain (34).<sup>35</sup>

**Rajah 3:** % orang di bawah hukuman mati di Malaysia, mengikut kewarganegaraan<sup>36</sup>



Satu analisis yang dijalankan oleh Jabatan Penjara antara 48% populasi orang yang berada di bawah hukuman mati mendedahkan bahawa kumpulan yang paling banyak diwakili adalah penganggur (240 orang daripada 613 yang dianalisis). Kumpulan yang lain adalah terbahagi di antara pekerja-pekerja (143), peniaga (140) dan orang yang memiliki bisnes sendiri (90).<sup>37</sup>

### Evolusi pelaksanaan-pelaksanaan hukuman mati di Malaysia

Kekurangan ketelusan dalam pemakaian hukuman mati telah menghalang pertubuhan-pertubuhan hak-hak asasi manusia antarabangsa dan nasional daripada memantau dengan teliti pengenaannya untuk berdekad-dekad. Tambahan pula,

<sup>33</sup> *Ibid.*

<sup>34</sup> Amnesti Antarabangsa, *op. cit.*, 2019, m/s 19.


<sup>35</sup> Jawapan Menteri Dalam Negeri kepada Parlimen pada Disember 3, 2019.

<sup>36</sup> *Ibid.*

<sup>37</sup> Jawapan Menteri Dalam Negeri kepada Parlimen pada Disember 3, 2019. Pembahagian Jabatan Penjara antara dua kumpulan yang akhir adalah amat tidak jelas. Tidak juga ianya jelas mengapa analisis yang dijalankan atas kurang daripada separuh individu-individu hukuman mati. Data tersebut oleh itu harus diambil secara berhati-hati.

pelaksanaan-pelaksanaan hukuman mati dijalankan secara rahsia, tanpa notis awal – suatu amalan yang selalu dikecam oleh institusi-institusi hak-hak asasi manusia antarabangsa dan nasional dan keluarga-keluarga orang yang telah dilaksanakan hukuman mati.<sup>38</sup> 469 orang telah dilaksanakan dengan hukuman mati sejak kemerdekaan pada 1957.<sup>39</sup> Rajah berikut menunjukkan penurunan yang ketara dalam pelaksanaan hukuman mati sejak pertengahan tahun 1990-an. 20 orang telah digantung oleh pihak-pihak berkuasa Malaysia dalam 10 tahun yang lalu, antara 2010 dan 2019.<sup>40</sup>

**Rajah 4:** Evolusi bilangan pelaksanaan-pelaksanaan hukuman mati di Malaysia 1980-2019<sup>41</sup>



Tiada pelaksanaan hukuman mati dijalankan semenjak 2017. Satu moratorium rasmi atas pelaksanaan hukuman mati telah dikenakan pada 2018, beberapa minggu selepas pengundian kerajaan baharu, yang diketuai oleh parti Pakatan Harapan.<sup>42</sup> Menurut kerajaan tersebut, setakat Disember 2019, kesemua mereka yang dikenakan hukuman mati sama ada mempunyai rayuan undang-undang yang sedang berjalan (827 orang) atau yang sedang memohon pengampunan (453 orang).<sup>43</sup> Memandangkan bahawa pelaksanaan

<sup>38</sup> Informasi lanjut atas proses pelaksanaan hukuman mati *infra*, "Bahagian 5: Pelaksanaan-pelaksanaan hukuman mati yang tergesa-gesa dan berahsia".

<sup>39</sup> Amnesti Antarabangsa, *op. cit.*, 2019, m/s 15.

<sup>40</sup> Informasi lanjut atas sejarah pegenaan hukuman mati *infra*, "Bahagian 1: Sejarah Malaysia dan hukuman mati".

<sup>41</sup> Data 1980-2012: Pascoe D., *Last Chance for Life: Clemency in Southeast Asian Death Penalty Cases*, Oxford University Press, 2019, m/s 129; Data 2013, 2017 dan 2019: lihat laporan-laporan tahunan Amnesti Antarabangsa, nota *supra*. Data 2014 hingga 2016: lihat Amnesti Antarabangsa, *Death Sentences and Executions in 2016, 2017*, yang memetik angka-angka rasmi.

<sup>42</sup> Amnesti Antarabangsa, *op. cit.*, 2019, m/s 11.

<sup>43</sup> Jawapan Menteri Dalam Negeri kepada Parlimen pada Disember 3, 2019.

hukuman mati sementara tindakan undang-undang dan prosedur pengampunan adalah berterusan adalah dilarang oleh piawaian-piawaian antarabangsa, tiada pelaksanaan hukuman mati boleh dijalankan secara sah. Ianya harus diingati, walau bagaimanapun, bahawa dua banduan, adik-beradik Batumalai, telah dilaksanakan hukuman mati pada Mac 2017, sementara permohonan-permohonan mereka untuk pengampunan masih belum dilupuskan.<sup>44</sup>

### Pendirian Malaysia atas moratorium hukuman mati

Sehingga 2018, Malaysia secara berterusan telah mengundi menentang terhadap Resolusi PBB untuk moratorium sejagat atas pelaksanaan hukuman mati. Pada Disember 2018, buat kali pertamanya dalam sejarah negara, Malaysia membalikkan undinya daripada “menentang” kepada “memihak” kepada resolusi tersebut. Beberapa bulan kemudian, pada peristiwa sesi ke-31 Semakan Berkala Sejagat, Malaysia telah menerima beberapa cadangan-cadangan daripada komuniti antarabangsa untuk meminda perundangannya atas hukuman mati, tetapi bukan bagi kesemua jenayah-jenayah.<sup>45</sup>

44 Informasi lanjut atas pelaksanaan-pelaksanaan hukuman mati yang salah di sisi undang-undang *infra*, “Pelaksanaan-pelaksanaan hukuman mati yang tergesa-gesa dan berahsia”. Malaysia Kini, “Batumalai brothers hanged at dawn today”, 2017, boleh didapati di: <https://www.malaysiakini.com/news/375744> (kunjungan terakhir pada Februari 10, 2020).

45 Malaysia menyokong cadangan-cadangan 12 negara untuk memansuhkan hukuman mati (Moldova, Albania, Portugal, Romania, Sepanyol, Cyprus, Georgia, Fiji, Italy, Switzerland, Norway dan Paraguay) dan mengambil perhatian cadangan-cadangan daripada tujuh negara untuk memansuhkan secara mutlak hukuman mati dan/atau ratifikasikan pilihan kedua protokol kepada ICCPR (Ukraine, Australia, Jerman, Sweden, Finland, Perancis dan Montenegro). Semasa semakan sebelum ini pada 2013, Malaysia tidak menyokong sebarang cadangan yang menyasarkan pemansuhan hukuman mati. Cadangan tunggal yang disokong ialah cadangan daripada Mesir untuk “Mengekalkannya sebagai contoh yang baik dalam mematuhi perlindungan undang-undang mengelilingi pemakaian hukuman mati.” Majlis Hak Asasi Manusia PBB, *Report of the Working Group on the Universal Periodic Review, Malaysia, Addendum – Views on Conclusions and/or Recommendations, Voluntary Commitments and Replies Presented by the State Under Review [A/HRC/40/11/Add.1]*, 2019; UPR Malaysia (sesi ke-31), Senarai cadangan-cadangan yang bertema (*thematic*); UPR Malaysia (sesi ke-17), Senarai cadangan-cadangan yang bertema (*thematic*). Informasi lanjut atas keraguan (*hesitations*) berkenaan pemansuhan *infra*, sub-seksyen “Satu pusingan-U atas pemansuhan hukuman mati?”.

## METODOLOGI

Laporan ini adalah berdasarkan penyelidikan yang mendalam<sup>46</sup> dan temu bual-temu bual semi struktur (*semi-directive*) yang dijalankan dari Julai 2019 hingga Februari 2020. Temu bual-temu bual dengan orang yang dikenakan hukuman mati, keluarga-keluarga dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan telah dijalankan oleh pasukan *Anti-Death Penalty Asia Network* (ADPAN). Temu bual-temu bual dengan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) – dan seorang pakar psikiatri di hadapan mahkamah-mahkamah jenayah Malaysia dijalankan oleh pengarang laporan ini.

Sementara kerajaan kini adalah lebih terbuka kepada penerbitan data atas banduan-banduan hukuman mati, ianya masih menyekat secara kuat akses kepada mereka yang dikenakan hukuman mati. Kebenaran untuk memantau keadaan-keadaan penjara atau bercakap dengan banduan-banduan hukuman mati hanya diberikan kepada SUHAKAM, Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (ICRC), organisasi-organisasi keagamaan, peguam-peguam dan keluarga-keluarga.<sup>47</sup> Pasukan ADPAN telah berjaya untuk mengunjungi tiga orang yang berada di bawah hukuman mati, yang diwakili mereka dalam perkara undang-undang. Di antara mereka, dua lelaki warganegara Malaysia dan seorang perempuan warga asing daripada China. Kesemua mesyuarat-mesyuarat dijalankan dalam bahasa ibunda mereka dan kemudiannya diterjemahkan kepada Bahasa Inggeris oleh penemu duga. Ketiga-tiga kes tersebut adalah muktamad, dengan permohonan pengampunan yang masih berterusan. Data temu bual dikumpul melalui soal selidik yang telah diseragamkan.

Walaupun tiga orang ini bukan merupakan wakil keseluruhan populasi orang yang berada di bawah hukuman mati, temu bual-temu bual tersebut membekalkan informasi yang mungkin terpakai selain daripada situasi mereka sendiri. Temu bual-temu bual ini telah dikuatkan (*triangulated*) dengan temu bual-temu bual dengan orang atau institusi-institusi lain: SUHAKAM; doktor-doktor perubatan; organisasi-organisasi berasaskan keimaman yang memberikan kaunseling keagamaan kepada wanita dan lelaki beragama Muslim, Buddha atau Kristian yang dijatuhkan hukuman mati;

46 Lihat senarai lengkap dokumen yang dirunding dalam Lampiran 2.

47 Temu bual dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan nasional. Lihat juga *infra*, Sub-Seksyen “Interaksi manusia yang terhad” Lihat juga Jabatan Negara Amerika Syarikat – Biro Demokrasi, Hak Asasi Manusia dan Buruh, *Malaysia 2018 Human Rights Report*, 2019.

pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan hak-hak asasi manusia; dan sembilan saudara kepada orang-orang yang berada di bawah hukuman mati: ibu, kakak, abang atau kawan. Beberapa saudara orang yang dikenakan hukuman mati menangis semasa temu bual-temu bual tersebut, menunjukkan emosi yang kuat mereka mengenai situasi orang yang tersayang mereka. Sesetengah temu bual-temu bual dijalankan secara bersemuka, yang lain melalui telefon.

Atas alasan keselamatan, tiada temu bual-temu bual direkodkan. Nota-nota terperinci telah diambil semasa kesemua temu bual-temu bual tersebut. Demi memastikan keselamatan lelaki dan perempuan yang dijatuhkan hukuman mati yang telah ditemu bual, nama-nama responden-responden telah diubah dan tempat penahanan mereka tidak ditunjukkan.



# SEJARAH MALAYSIA DAN HUKUMAN MATI



Bahagian-bahagian berikut bertujuan untuk memberikan gambaran keseluruhan sejarah kegunaan hukuman mati di Malaysia semenjak abad ke-19. Keterangan arkeologi menunjukkan bahawa hukuman mati wujud di wilayah yang mengarang Malaysia moden seawal-awalnya pada abad ke-14. Penjajahan pada abad ke-19 dan ke-20 membawa kepada pemakaian perundangan British, termasuklah perundangan hukuman mati. Selepas kemerdekaan, hukuman mati kekal berkuatkuasa dan telah diperbadankan dalam perundangan jenayah kebangsaan yang baru. Semenjak zaman penjajahan, sejarah penggunaan hukuman mati telah dikaitkan kepada pemakaian teks khas.

## UNDANG-UNDANG HUKUMAN MATI DALAM NEGERI-NEGERI MALAYSIA PRA-PENJAJAHAN

Sebelum British tiba di Malaya, penduduk-penduduk pelbagai wilayah-wilayah kini membentuk Malaysia mengikuti sistem undang-undang berdasarkan undang-undang dan tradisi mereka sendiri, yang mana memperbadankan unsur-unsur Sharia atau undang-undang Islam. Sebutan undang-undang Islam terawal di Malaysia telah dikenal pasti atas batu bersurat di Terengganu, yang bertarikh seawal-awalnya pada 1303. Menurut penyelidik-penyelidik dan UNESCO, ukiran atas batu tersebut merupakan salah satu testimoni-testimoni yang tertua berkenaan pencapaian Islam sebagai agama negeri dalam wilayah tersebut.<sup>48</sup> Sesetengah ukiran berkait langsung kepada hukuman mati bagi perempuan yang berzina:

*“Orang berbuat bala cara laki-laki perempuan satitah.  
Dewata Mulia Raya jika merdeka bujang palu.  
Seratus ratun jika merdeka beristeri.  
Atawa perempuan bersuami ditanam hinggan  
Pinggang dihambalang dengan batu matikan.”*<sup>49</sup>

48 UNESCO, *Memory Of The World Register, Batu Bersurat, Terengganu (Inscribed Stone of Terengganu)*, Malaysia [Ref. No. 2008-37], 2009, boleh didapati di: [http://www.unesco.org/new/fileadmin/MULTIMEDIA/HQ/CI/CI/pdf/mow/nomination\\_forms/Malaysia+Terengganu.pdf](http://www.unesco.org/new/fileadmin/MULTIMEDIA/HQ/CI/CI/pdf/mow/nomination_forms/Malaysia+Terengganu.pdf) (kunjungan terakhir pada Januari 15, 2020). Lihat juga Nor M.R.M., Abdullah A.T., Ali A.K., *From Undang-Undang Melaka to Federal Constitution: the Dynamics of Multicultural Malaysia*, SpringerPlus 5, 1683 (2016), 5:1683.

49 UNESCO, *op. cit.*, 2009, m/s 2. Nor M.R.M., Abdullah A.T., Ali, A.K., *op. cit.*, 2016, m/s 2.

Pengaruh undang-undang Islam ditemui dalam teks-teks lain yang berikut, secara khususnya penyusunan undang-undang di Melaka pada abad ke-15, Undang-undang Melaka, yang memperuntukkan hukuman mati dalam beberapa kes, termasuklah murtad, pembunuhan (*“Sesiapa yang membunuh hendaklah dibunuh”*), dan penzinaan atau liwat.<sup>50</sup> Undang-undang Melaka kemudiannya telah disesuaikan dan dipakai dalam beberapa negeri-negeri Melayu, termasuklah Pahang, Johor dan Kedah.<sup>51</sup> Ketibaan British pada awal abad ke-19 membawa kepada penggantian undang-undang adat oleh perundangan British, yang mana juga memperuntukkan hukuman mati.

## HUKUMAN MATI SEBAGAI ALAT POLITIK SEMASA PENJAJAHAN BRITISH

Apabila Malaysia dibentuk, ianya terdiri daripada beberapa wilayah yang sebelum ini di bawah pemerintahan British: Malaya (sekarang Semenanjung Malaysia), pulau Singapura (kemerdekaan semenjak 1965) dan tanah jajahan Sarawak dan Sabah dalam Borneo Utara.

### Pengaruh dan kawalan British atas wilayah-wilayah (1819-1942)


Daripada 1819 dan seterusnya, British mencapai kawalan mereka ke atas Malaya melalui pelbagai cara: pemerintahan langsung koloni di Pulau Pinang, Melaka dan Singapura, diketuai oleh seorang gabenor di bawah penyeliaan Pejabat Tanah Jajahan di London; kawalan secara tidak langsung dalam sesetengah kesultanan; dan kawalan oleh keluarga-keluarga atau perniagaan-perniagaan di Borneo Utara.

Pengaruh British bermula pada 1819, apabila wakil British Sir Raffles menduduki pulau Singapura, dalam bahagian selatan semenanjung Malaya, yang mana dengan cepat menjadi pusat ekonomi dan politik yang utama. Perjanjian Inggeris-Belanda 1824, yang membahagikan Negeri-negeri Melayu antara Great Britain dan Belanda, memastikan hegemoni British atas wilayah-wilayah berikut: Great Britain memperolehi Melaka dan memerintah secara langsung tiga pelabuhan Negeri-negeri Selat, iaitu Pulau Pinang, Melaka, Singapura. Negeri-negeri Selat telah dipertimbangkan sebagai sebahagian Empayar India British: Piagam Keadilan 1826

50 Nor M.R.M., Abdullah A.T., Ali, A.K., *op. cit.*, 2016, m/s 3-4.

51 Ibrahim, 2010, in Nor M.R.M., Abdullah A.T., Ali, A.K., *op. cit.*, 2016, m/s 5.

Malaysia – Pada akhir abad ke-19



- "Negeri-negeri Selat" (pemerintahan langsung koloni)
- Kesultanan (kawalan secara tidak langsung)
- Kawalan oleh keluarga-keluarga atau perniagaan-perniagaan British

telah diperkenalkan dan undang-undang Muslim kekal berkuatkuasa dalam perkara perkahwinan dan penceraian.<sup>52</sup> Pada 1871, "Kanun Keseksaan Negeri-negeri Selat", Kanun Keseksaan yang pertama di Malaya, telah diperkenalkan di Pulau Pinang dan Melaka.<sup>53</sup> Kanun ini adalah berdasarkan Kanun Keseksaan India 1860 (IPC), yang digubal oleh British, yang berkhidmat sebagai model kepada sistem-sistem undang-undang untuk tanah-tanah jajahan British di Asia dan Afrika. IPC mengiktiraf hukuman mati bagi pelbagai jenayah-jenayah termasuklah melancarkan perang terhadap Permaisuri,<sup>54</sup> memberi atau memalsukan keterangan palsu melalui cara di mana seorang orang yang tidak bersalah disabitkan dan dilaksanakan<sup>55</sup> atau melakukan pembunuhan.<sup>56</sup>

Sementara Negeri-negeri Selat merupakan tanah jajahan di bawah pentadbiran langsung British, Negeri-negeri lain yang membentuk

Malaya telah diperintah oleh Sultan-sultan. Pada perawalan 1870-an, Great Britain mencapai pengaruh politik yang kuat atas beberapa kesultanan Melayu dengan memasuki perjanjian-perjanjian, di bawah mana kesultanan menerima penempatan residen-residen British sebagai pertukaran kepada perlindungan mereka. Secara rasminya, residen-residen British hanya mempunyai peranan penasihat kepada Sultan-sultan. Walau bagaimanapun, dalam masa yang singkat mereka menjadi pemerintah yang berkuatkuasa, walaupun mereka berjanji tidak akan mencelah dalam perkara keagamaan dan adat-adat dan peranan politik Sultan-sultan. Residen-residen British menasihati Sultan-sultan untuk menggubal undang-undang juga berdasarkan IPC.<sup>57</sup> Pada permulaan abad ke-20, Great Britain secara tidak langsung mengawal sembilan Negeri-negeri Melayu, termasuklah empat Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan lima Negeri-negeri Melayu tidak Bersekutu.<sup>58</sup> Seseengah mereka mengekalkan sedikit autonomi atas perkara-perkara tempatan tetapi ditadbir oleh Gabenor Negeri-negeri Selat, yang bertindak sebagai Pesuruhjaya Tinggi.<sup>59</sup> Pada 1936, satu Kanun Keseksaan yang baru, berdasarkan Kanun Keseksaan 1871, telah diperkenalkan dalam kesemua Negeri-negeri Melayu Bersekutu.<sup>60</sup>

Sementara itu, wilayah Sarawak, terletak di barat laut Pulau Borneo, diperintah oleh keluarga Inggeris (Dinasti "Brooke Raj") dan menjadi Negeri bebas di bawah perlindungan British pada akhir abad ke-19. Timur laut Borneo (kini Sabah) dikawal oleh British di bawah Syarikat Borneo Utara Sabah British. Sarawak dan Timur Laut Borneo menjadi tanah jajahan Mahkota British pada 1945. Kanun Keseksaan telah dilanjutkan kepada Persekutuan Tanah Melayu pada 1948.<sup>61</sup>

### Kegunaan hukuman mati semasa Darurat Malaya (1942-1957)

Semasa Perang Dunia Kedua, di antara Februari 1942 dan September 1945, Jepun menyerang wilayah-wilayah Malaya dan Borneo. Selepas kekalahan Jepun, British mencadangkan untuk membentuk suatu "Malayan Union", memperbadankan kesemua wilayah-wilayah, kecuali

52 Nor M.R.M., Abdullah A.T., Ali, A.K., *op. cit.*, 2016, m/s 6.

53 Nazeri N.M., "Criminal Law Codification and Reform in Malaysia: An Overview", *Singapore Journal of Legal Studies*, Disember 2010, m/s 375.

54 Kanun Keseksaan India 1860, Seksyen 121, boleh didapati di: [https://archive.org/stream/indianpenalcode00macpgoog/indianpenalcode00macpgoog\\_djvu.txt](https://archive.org/stream/indianpenalcode00macpgoog/indianpenalcode00macpgoog_djvu.txt) (kunjungan terakhir pada Januari 15, 2020).

55 *Ibid.*, Seksyen 194.

56 *Ibid.*, Seksyen-seksyen 302, 303, 305 dan 396.

57 Nor M.R.M., Abdullah A.T., Ali, A.K., *op. cit.*, 2016, m/s 6

58 Negeri-negeri Melayu Bersekutu merangkumi Negeri Pahang, Selangor, Perak dan Negeri Sembilan; Negeri-negeri Melayu tidak Bersekutu merangkumi Negeri Johor, Kedah, Kelantan, Perlis dan Terengganu.

59 Ahmad S.S.S., *Introduction to the Malaysian Legal System and Sources of Law*, 2014, boleh didapati di: [https://www.nyulawglobal.org/globalex/Sources\\_Law\\_Malaysia1.html](https://www.nyulawglobal.org/globalex/Sources_Law_Malaysia1.html) (kunjungan terakhir pada Januari 14, 2020).

60 Nazeri N.M., *op. cit.*, 2010, m/s 376.

61 *Ibid.*

Singapura, kepada tanah jajahan tunggal Mahkota. Cadangan ini telah ditolak oleh orang Melayu, yang mengkhawatiri bahawa ianya akan menurap jalan bagi pengurangan autonomi dalam Negeri-negeri dan untuk kewarganegaraan yang sama rata kepada semua. Sememangnya, beberapa juta orang Cina dan India telah memasuki wilayah tersebut untuk bekerja di antara 1900 dan 1941. Pihak-pihak berkuasa penjajah memihak kepada masyarakat yang berpecah belah (*compartmentalised society*), di mana komuniti Melayu, Cina dan India tinggal di kawasan setempat mereka, mengamalkan agama mereka sendiri, berucap dalam bahasa mereka sendiri, dan memajukan organisasi politik mereka sendiri.<sup>62</sup> Pada akhir abad ke-19, pendatang Cina membentuk lebih kurang separuh populasi Negeri-negeri Perak, Selangor dan Sungai Ujung.<sup>63</sup> Memastikan kewarganegaraan sama rata adalah isu politik utama untuk orang Melayu, yang khuatir akan menjadi populasi minoriti dalam negara mereka.

Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), yang diketuai oleh Ketua Menteri Johor Dato' Onn bin Jaafar, yang ditubuhkan pada 1946 sebagai tindak balas kepada cadangan ini. Pergolakan, mogok dan demonstrasi yang diketuai UMNO merebak dalam wilayah tersebut, memaksa British untuk berunding dengan organisasi tersebut. Pada 1948, perundingan-perundingan membawa kepada kelahiran Persekutuan Tanah Melayu, yang memperuntukkan jaminan khas hak-hak orang Melayu. Walau bagaimanapun, Parti Komunis Malaya (MCP) yang dikuasai orang Cina, bimbang bahawa Persekutuan tersebut akan membawa kepada ketidakseimbangan kaum, melancarkan operasi gerila terhadap pengurus-pengurus ladang British.

Pada 16 Jun 1948, berikutan kepada siri serangan yang berpanjangan di Negeri-negeri Pulau Pinang, Selangor dan Johor, tiga pengurus ladang getah Eropah ditembak mati oleh gerila MCP di utara Malaya. Kerajaan British mengisytiharkan darurat di Perak dan Johor, yang mana dilanjutkan kepada seluruh Malaya dalam beberapa hari. MCP telah diharamkan dan lebih daripada 1,000 orang telah ditangkap oleh pihak-pihak berkuasa British.<sup>64</sup> Bekas ahli-ahli MCP

62 "The Impact of British Rule", in *Encyclopaedia Britannica*, boleh didapati di: <https://www.britannica.com/place/Malaysia/The-impact-of-British-rule> (kunjungan terakhir pada Januari 14, 2020).

63 Bancian pertama mengambil tempat pada 1891. Andaya B., Andaya L., *A History of Malaysia*, Palgrave, Edisi ketiga, 2017, m/s 18.

64 Deery P., "Malaya 1948: Britain's Asian Cold War?", *Journal of Cold War Studies*, Jilid 9, No 1, Winter 2007, m/s 29.

membentuk Tentera Pembebasan Rakyat Malaya (MRLA), yang membawa kepada pemberontakan ganas. Peraturan-peraturan yang menindas telah diisytiharkan oleh British, mengakibatkan anjakan dan pengurangan seramai 650,000 orang.<sup>65</sup> Penerbitan yang "menghasut" diharamkan.<sup>66</sup> Ordinan Peraturan Kecemasan 1948 memberikan Pesuruhjaya Tinggi kuasa yang tidak terhad untuk membuat peraturan-peraturan dan menetapkan sekatan (*prescribe sanctions*), termasuklah hukuman mati – had tunggal adalah tiada peraturan yang dibuat Pesuruhjaya Tinggi boleh memberikan hak untuk menghukum tanpa perbicaraan.<sup>67</sup> Beberapa minggu selepas pengisytiharaan darurat, Pesuruhjaya Tinggi mengenakan hukuman mati mandatori atas pihak-pihak yang disabitkan dengan kesalahan senjata api.<sup>68</sup> Dalam percubaan untuk mengurangkan amaun makanan dan bekalan kepada pemberontak, hukuman mati dilanjutkan pada Jun 1950 kepada sesiapa yang disabitkan untuk pemerasan makanan atau duit bagi pihak pemberontak.<sup>69</sup> Tidak lama kemudian, beban buktian dalam perkara jenayah telah diterbalikkan: ianya adalah sekarang untuk suspek-suspek untuk membuktikan ketakbersalahan mereka<sup>70</sup>

Akibat peraturan-peraturan baru tersebut, 62 orang telah dilaksanakan dengan hukuman mati di bawah Peraturan-peraturan Darurat, dituduh dengan pemilikan senjata api dan amunisi secara menyalahi undang-undang, dalam tempoh 11 bulan yang pertama berikutan kepada pengisytiharaan darurat.<sup>71</sup> Dalam tempoh pertama ini, Majlis Eksekutif Persekutuan memanggil untuk pengenal perbicaraan terus: "[...] *Pengaturan kehakiman harus dibuat di mana, tanpa mengorbankan apa-apa prinsip keadilan British, kes yang jelas bagi pemilikan senjata api dan pembunuhan harus dibawa*

65 Renick R., "The Emergency Regulations of Malaya, Causes and Effects", *Journal of Southeast Asian History*, 1965, 6(2), m/s 35.

66 Akta Hasutan, 1948.

67 Ordinan Peraturan-Peraturan Darurat 1948 seperti yang as dipetik in Renick R., *op. cit.*, 1965, m/s 17.

68 TNA CO 717/161/1, "High Commissioner Malaya to Colonial Secretary, 2 July 1948", in French D., *The British Way in Counter-Insurgency, 1945-1967*, Oxford University Press, 2011, m/s 80.

69 TNA CAB 21/1681/MALC(50)23, "Federation Plan for the Elimination of the Communist Organization and Armed Forces in Malay, 24 May 1950", *ibid.*, m/s 80.

70 TNA CO 822/729, "Emergency Regulations Made Under the Emergency Powers Order-in-Council, Regulation 33", *ibid.*, m/s 80.

71 "Written answers on Arms (Unlawful Possession)", Hansard HD 18 Mei 1949, jilid 465 c20W, boleh didapati di: <https://api.parliament.uk/historic-hansard/written-answers/1949/may/18/arms-unlawful-possession> (kunjungan terakhir pada Januari 15, 2020).

kepada perbicaraan pada kadar segera, dan jika sabitan terjamin hukuman dilaksanakan dengan serta merta”<sup>72</sup> Apabila Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Henry Gurney, dibunuh pada 1951, kebanyakan ahli-ahli Majlis Eksekutif Persekutuan berkeras untuk membalas dendam dengan mempercepatkan prosiding undang-undang dan pelaksanaan-pelaksanaan. Walau bagaimanapun, cadangan-cadangan ini telah ditolak oleh pegawai-pegawai ketenteraan British, kerana mereka mempertimbangkan mereka sebagai “*hasil panik dan emosi (a result of panic and emotion)*.”<sup>73</sup> Reaksi ini dilihat sebagai telah mencegah suatu kegunaan hukuman mati yang lebih meluas sewaktu Darurat Malaya.<sup>74</sup> Walaupun begitu, sepanjang 12 tahun tempoh darurat, yang berlanjutan sehingga 1960, 226 orang telah dilaksanakan dengan hukuman mati bagi kesalahan-kesalahan pemberontakan.<sup>75</sup>

## KELAHIRAN PERSEKUTUAN BERBILANG ETNIK DAN TEMPOH PERTAMA SELEPAS KEMERDEKAAN (1957-1975)

### Perlembagaan Persekutuan dan Kemerdekaan

British secara amnya bersetuju dengan prinsip kemerdekaan negara. Pada 1955, UMNO, parti baharu Persatuan Cina Malaysia (MCA) dan Kongres India Malaya (MIC) bergabung tenaga untuk membentuk satu gabungan yang memenangi pilihan raya perundangan. Pilihan raya tersebut menandakan permulaan pakatan politik yang tetap, kekuatan utama yang mana adalah UMNO, yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman.

Pada Januari dan Februari 1956, suatu persidangan Perlembagaan telah diadakan di London, dihadiri oleh wakil-wakil orang Melayu, pakatan dan wakil-wakil British. Satu perjanjian telah dicapai dan “Perjanjian London” telah ditandatangani Tunku Abdul Rahman pada 8 Februari 1956. Daripada Mac 1956 hingga Februari 1957, Suruhanjaya Reid – satu pasukan yang terdiri daripada lima pakar undang-undang

antarabangsa yang diketuai oleh Hakim British William Reid – telah menggubal Perlembagaan Persekutuan Malaya. Ianya harus diingati bahawa Perlembagaan tersebut digubal sewaktu darurat: ianya memberikan kuasa yang dilanjutkan kepada kerajaan, seperti kuasa untuk menggunakan apa jua cara untuk memberhentikan penentangan politik.<sup>76</sup> Walaupun begitu, Perlembagaan tersebut merangkumi beberapa hak-hak asasi, termasuklah hak asasi kepada kehidupan. Walau bagaimanapun, sementara seksyen 5 secara nyata mengiktiraf hak asasi kepada kehidupan, ianya kemudiannya memperuntukkan kesahan hukuman mati: “*Tiada seorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang.*”<sup>77</sup> Menurut seksyen 162(1) Perlembagaan, undang-undang sedia ada kekal berkuatkuasa, termasuklah peraturan-peraturan Darurat British dan pengenaan hukuman mati mandatori bagi pembunuhan.<sup>78</sup>

Pada 31 Ogos 1957, Tunku Abdul Rahman berucap kepada populasi bahawa:

*“Sejak bertahun-tahun lepas rezeki kami telah dikaitkan dengan Great Britain dan kami mengingati secara khususnya persahabatan daripada dua perang dunia. Kami mengingati jua hasil-hasil persatuan kami; keadilan di hadapan undang-undang, warisan perkhidmatan awam yang cekap dan piawai hidup yang tertinggi di Asia. Oleh itu kami haruslah sentiasa mengingati dengan kesyukuran bantuan yang kami terima daripada Great Britain sepanjang perjalanan kami yang panjang kepada kebangsaan; suatu bantuan yang membentuk hari ini dengan pengisytiharaan Kemerdekaan Malaya. [...] Pada saat yang khushuk ini oleh itu saya menyeru kepada anda semua untuk mendedikasikan dirimu kepada perkhidmatan Malaya yang baharu: untuk bekerja dan berusaha dengan tangan dan otak untuk mencipta satu negara yang baru, diinspirasikan oleh keadilan dan kebebasan yang ideal – suatu cahaya dalam dunia yang terganggu. Keyakinan yang tinggi telah diletakkan dalam kami; mari kita menghadap bersama cabaran-cabaran bertahun-tahun. Dan dengan peringatan*

72 TNA CO 537/3692, “Minutes of an Extraordinary Meeting of the Federal Executive Council, 26 June 1948”, in French D., *op. cit.*, 2011, m/s 93.

73 TNA CO 1022/58, “Minutes, 21 November 1951”, in French D., *op. cit.*, 2011, m/s 93.

74 *Ibid.*, m/s 94.

75 Bonner D., *Executive Measures, Terrorism and National Security: Have the Rules of the Game Changed?*, Routledge, 2007, m/s 147, seperti yang dipetik in French D., *op. cit.*, 2011, m/s 93.

76 Lent J., “Human Rights in Malaysia”, *Journal of Contemporary Asia*, 14:4, 1984, m/s 442

77 Perlembagaan Persekutuan Malaysia, Seksyen 5(1).

78 Perlembagaan Persekutuan Malaysia, Seksyen 162(1) memperuntukkan bahawa: “Tertakluk kepada peruntukan yang berikut dalam Perkara ini dan Perkara 163, undang-undang yang sedia ada hendaklah, sehingga dimansuhkan oleh pihak berkuasa yang mempunyai kuasa untuk berbuat demikian di bawah Perlembagaan ini, terus berkuat kuasa pada dan selepas Hari Merdeka, dengan apa-apa ubah suai sebagaimana yang dibuat dalamnya di bawah Perkara ini dan tertakluk kepada apa-apa pindaan yang dibuat oleh undang-undang persekutuan atau undang-undang Negeri.”

masa lalu, dan dengan keyakinan pada masa hadapan, di bawah pemeliharaan Tuhan, kita akan berjaya.”<sup>79</sup>

Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu, “Sebuah Negara demokrasi yang berdaulat dan merdeka yang berasaskan prinsip kebebasan dan keadilan dan sentiasa mengutamakan kesejahteraan dan kesentosaan rakyatnya dan mengekalkan keamanan di antara segala bangsa,”<sup>80</sup> telah diisytiharkan.

Beberapa tahun kemudian, Borneo Utara, Sarawak dan Singapura bergabung dengan persekutuan yang baru. Borneo Utara dinamakan semula sebagai Sabah. Akta Malaysia 1963 mencipta Negara yang dipanggil Malaysia, terdiri daripada Malaya, Sabah, Sarawak dan Singapura. Perlembagaan telah dipinda pada 1963 untuk memasukkan Anggota Negara tambahan Persekutuan tersebut. Pada Ogos 1965, 2 tahun selepas penggabungan, Singapura menjadi sebuah Negara merdeka.

#### **Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 untuk melawan aktiviti-aktiviti komunis**

Pada 1960, berikutan kepada kekalahan kuasa-kuasa komunis, darurat telah diangkat, begitu juga dengan Peraturan-peraturan Darurat. Walau bagaimanapun, pada tahun yang sama, kerajaan Malaya meluluskan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA), atas alasan bahawa ianya masih diperlukan untuk melawan ancaman komunis yang masih tinggal dalam negara.<sup>81</sup> Timbalan Perdana Menteri pada ketika itu menyatakan dalam Parlimen bahawa:

*“Rang ini diperkenalkan adalah kerana darurat akan diangkat. Tetapi kerajaan tidak berniat untuk mengurangkan kewaspadaan terhadap musuh yang kekal sebagai ancaman dan yang mana sedang mencuba dengan penukaran untuk berjaya dengan kuasa senjata api. [...] ISA mempunyai dua tujuan. [...] Pertama, untuk melawan penukaran di seluruh negara, dan kedua untuk membolehkan langkah-langkah yang diperlukan diambil di kawasan sempadan untuk bertindak balas kepada pengganasan. Pengganasan yang dilengkapi senjata api masih wujud di sempadan Malaysia menunggu atau kekal dalam kewujudan sedang menunggu peluang untuk memulihkan*

79 Tunku Abdul Rahman, *Address at the proclamation of independence of Malaya, 1957*, boleh didapati di: [https://www.cvce.eu/content/publication/2015/10/20/1603372c-fc78-4d4b-b156-d737106ee1a2/publishable\\_en.pdf](https://www.cvce.eu/content/publication/2015/10/20/1603372c-fc78-4d4b-b156-d737106ee1a2/publishable_en.pdf) (kunjungan terakhir pada Februari 14, 2020).

80 Pemasyhuran Kemerdekaan Tanah Melayu 1957, perenggan 10.

81 Amnesty Antarabangsa, *Malaysia: The Internal Security Act (ISA)* [ASA 28/06/2003], 2003.

*pergelutan senjata api mereka terhadap rakyat Malaysia. Ini kekal sebagai ancaman berpotensi terhadap keselamatan negara yang tidak boleh diendahkan.”*<sup>82</sup>

Mengakui tentang “Kuasa-kuasa yang amat besar diberikan kepada kerajaan di bawah ISA”, Timbalan Perdana Menteri memberikan “Suatu janji yang bersungguh-sungguh kepada Parlimen dan negara bahawa [kuasa-kuasa ini] tidak akan digunakan untuk menyekat penentangan yang sah dan untuk mendiamkan perbezaan pendapat yang sah”<sup>83</sup>

Berbeza dengan Peraturan-peraturan Darurat 1948, ISA diniatkan untuk menjadi undang-undang tetap yang tidak boleh dimansuhkan oleh suatu akta Parlimen.<sup>84</sup> ISA dikritik dengan kuat, kerana peruntukannya membentuk suatu pelanggaran serius proses undang-undang yang sewajarnya. ISA memperuntukkan penahanan pencegahan. Pasukan keselamatan mempunyai kuasa untuk menggeledah dan menangkap, berdasarkan dengar cakap dan syak wasangka semata-mata, dan untuk menahan orang untuk 60 hari. ISA juga memperuntukkan bahawa penahanan awal boleh diikuti dengan penahanan 2 tahun tanpa perbicaraan di mahkamah, yang mana boleh dilanjutkan setiap 2 tahun pada budi bicara Menteri Dalam Negeri.<sup>85</sup> Sepanjang tahun-tahun ini, penggunaan ISA adalah meluas: 1,119 orang ditangkap dan ditahan di antara 1960 dan 1969, dan 1,713 antara 1970 dan 1979.<sup>86</sup> Lebih penting kepada topik kami, ISA mempreskripsikan hukuman mati mandatori bagi sesetengah kesalahan-kesalahan senjata api, seperti pemilikan senjata api. Seksyen 57(1) memperuntukkan bahawa:

*“(1) Mana-mana orang yang tanpa alasan yang sah, dan beban membuktinya adalah pada orang itu, di dalam mana-mana kawasan keselamatan membawa atau mempunyai dalam miliknya atau di bawah kawalannya —*

*(a) apa-apa senjata api tanpa kebenaran yang sah baginya; atau  
(b) apa-apa amunisi atau bahan letupan tanpa kebenaran yang sah baginya,*

82 Penyata Rasmi (Handsard) Malaysia, Dewan Rakyat, Bahagian 1, jilid II, 1960, in Nazeri N.M., *Child offender. Policies and the Emergency Rule*, 2008, m/s 3. Lihat juga *Human Rights Watch, Abdication of Responsibility: The Commonwealth and Human Rights*, 1991, m/s 36.

83 *Ibid.*

84 Lee, T., “Malaysia and the Internal Security Act: the Insecurity of Human Rights after September 11”, *Singapore Journal of Legal Studies*, Julai 2002, m/s 57.

85 Lent J., *op. cit.*, 1984, m/s 443.

86 Amnesty Antarabangsa, *Human Rights Undermined* [ASA 28/06/99], 1999, m/s 21.

melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dihukum mati.”

Hukuman mati mandatori untuk kesalahan-kesalahan keselamatan tidak dipakai serta merta. Hakikatnya, tiada pelaksanaan hukuman mati dilaporkan dari 1965 hingga pertengahan 1970-an. Walau bagaimanapun, peruntukkan ini akan digunakan secara meluas selepas itu, selepas pengisytiharan peraturan-peraturan keselamatan yang menindas.<sup>87</sup>

### Rusuhan pada 1969

Negara berbilang etnik baharu tersebut telah berhadapan dengan cabaran-cabaran yang serius dalam masa yang singkat. Organisasi-organisasi populasi ke arah perkauman telah ditubuhkan semasa penjajahan British, mengakibatkan ketidakseimbangan yang ketara. Orang Cina dilihat sebagai pengawal ekonomi, manakala orang Melayu secara umumnya pekerja yang lebih miskin. Untuk memberikan lebih sokongan kepada Bumiputera, Artikel 153 Perlembagaan Persekutuan mengiktiraf keperluan untuk melindungi suatu kedudukan khas kepada kumpulan-kumpulan tersebut, berkenaan kumpulan-kumpulan etnik lain yang menetap dalam negara tersebut.

Kerajaan telah mengambil “tindakan-tindakan afirmatif” memihak kepada Bumiputera berdasarkan Perlembagaan, pertama sekali dalam sektor pendidikan. Akta Pendidikan 1961 menubuhkan satu kurikulum umum di mana bahasa Melayu merupakan medium utama untuk arahan, dan kegunaan bahasa Melayu dan Inggeris adalah asas kepada sistem peperiksaan awam kebangsaan, mengecualikan bahasa Cina daripada pembaharuan tersebut. Tambahan lagi, selepas pemisahan Singapura daripada Malaysia, Universiti Nanyang Singapura menjadi satu universiti asing. Pada 1967, Menteri Pendidikan mewajibkan pengisuan sijil-sijil untuk pergi ke luar negara untuk pendidikan tinggi, yang mana adalah sukar diperolehi: kebanyakan orang Cina tidak mampu untuk memasuki universiti. Sebagai tindak balas kepada polisi

87 Lihat *infra*, Sub-Seksyen “Prosedur peraturan baharu bagi kesalahan-kesalahan keselamatan”.

ini, parti-parti politik Cina ditubuhkan, termasuklah Parti Tindakan Demokratik (DAP), yang menyokong memihak kesaksamaan etnik dan menentang prinsip pemisahan di antara Bumiputera dan bukan Bumiputera.<sup>88</sup> Walaupun pelan untuk menubuhkan universiti baru yang menggunakan bahasa Cina sebagai medium utama bagi arahan telah diluluskan oleh kerajaan beberapa minggu sebelum pilihan raya umum pada 1969, pilihan raya umum tersebut merupakan satu penarikan balik besar bagi Pakatan gabungan tersebut. Pakatan tersebut memenangi kurang daripada separuh undi popular, kehilangan undian-undian orang Cina kepada DAP dan bukan Bumiputera kepada Parti Islam Se Malaysia (PAS), satu parti Islam yang melihat keunggulan kaum Melayu sebagai asas kepada politik di Malaysia.<sup>89</sup> Rusuhan kaum meletus sehari selepas pilihan raya tersebut. Antara 100 (menurut polis) dan 600 orang (menurut data lain) telah dibunuh semasa rusuhan tersebut.<sup>90</sup> Darurat diisytiharkan, dan Perlembagaan dan Parlimen digantung sehingga 1971.<sup>91</sup> Kerajaan telah dikritik dengan kuat. Ketidakseimbangan profesional antara sebahagian besar komuniti Melayu luar bandar dan komuniti Cina bandar yang lebih telah dikenal pasti sebagai faktor kepada rusuhan 1969. Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman telah meletak jawatan dan digantikan oleh Tun Abdul Razak. Pakatan yang memerintah telah diperkembangkan dan dinamakan semula sebagai “Barisan Nasional”. Pada 1970, Rukun Negara telah diisytiharkan, dengan tujuan untuk memperkuatkan keharmonian dan perpaduan di antara kaum demi kejayaan dan kestabilan negara. Pada 1971, Perdana Menteri yang baru telah memajukan Dasar Ekonomi Baru (NEP), yang menyasarkan kesaksamaan ekonomi, dengan mengecilkan jurang ekonomi antara Bumiputera dan komuniti lain di Malaysia, sementara

88 Lihat Deklarasi Setapak, Kongres Kebangsaan DAP di Kuala Lumpur pada Julai 29, 1967.

89 Eldridge P.J., *The Politics of Human Rights in Southeast Asia*, Routledge, 2002, m/s 91. De Ting Hui L., *Chinese Schools in Peninsular Malaysia: The Struggle for Survival*, ISEAS Singapore, 2011, m/s 110-111.

90 *Time*, “Race War in Malaysia”, 23 Mei 1969, boleh didapati di <https://web.archive.org/web/20070518061525/http://www.time.com/time/magazine/article/0%2C9171%2C900859%2C00.html> (Kunjungan terakhir pada Januari 15, 2020). Universiti Merckeda telah dilarang daripada mengutip dana. Idea untuk mencipta sebuah universiti yang menggunakan bahasa Cina sebagai medium utamanya pada akhirnya ditinggalkan. Ting Hui L., *op. cit.*, 2011, m/s 112.

91 Amnesti Antarabangsa, *op. cit.*, 1999, m/s 4.

memajukan situasi komuniti Melayu di luar bandar.<sup>92</sup> Kuota etnik telah dikenakan pada beberapa aspek ekonomi dan pendidikan.<sup>93</sup> Walaupun beberapa perubahan telah dibuat sepanjang tahun-tahun lalu, promosi komuniti Bumiputera kekal sebagai asas kepada polisi kini Negara Malaysia.<sup>94</sup>

## PENINGKATAN DALAM PELAKSANAAN HUKUMAN MATI (1975-1996): LEBIH DARIPADA 350 ORANG DIGANTUNG DALAM 20 TAHUN

Sementara hukuman mati tidak dilaksanakan semenjak 1965, beberapa perundangan yang diterima pakai pada pertengahan 1970-an telah menyumbang kepada peningkatan pelaksanaan hukuman mati. Tahun 1975 merupakan satu titik perubahan dalam sejarah moden hukuman mati di Malaysia. Antara 1975 dan 1996, 358 orang telah dilaksanakan dengan hukuman mati dengan digantung, 150 daripada mereka adalah untuk jenayah-jenayah berkaitan dadah.<sup>95</sup> Pada 1992 sahaja, 39 pelaksanaan-pelaksanaan hukuman mati telah direkodkan.<sup>96</sup>

92 NEP tersebut menyasarkan pada "Mengurangkan dan pada akhirnya membasmi kemiskinan antara semua rakyat Malaysia, tidak kira kaum" dan pada "Menyusun semula masyarakat Malaysia untuk memperbetulkan ketidakseimbangan ekonomi di antara kumpulan-kumpulan kaum dan mengurangkan dan pada akhirnya membasmi pengenalpastian kaum dengan fungsi ekonomi" Jabatan Perdana Menteri, *Malaysia: 30 Years of Poverty Reduction, Growth and Racial Harmony*, 2004, m/s 2.

93 Sebagai contoh, 30% modal saham (*share capital*) disimpan untuk Bumiputera. Satu sistem kuota – 55% Bumiputera, 45% bukan Bumiputera – telah dilaksanakan bagi memasuki kepada universiti-universiti awam dalam negara. Lihat Barlow C., *Modern Malaysia in the Global Economy*, Edward Elgar Publishing, 2001, m/s 80; dan DeBernardi J., *Penang: Rites of Belonging in a Malaysian Chinese Community*, NUS Press, 2009, m/s 120.

94 Eldridge P.J., *op.cit.*, 2002, m/s 91 dan m/s 101.

95 *Malaysia Kini*, "Gov't reveals execution statistics: 358 hanged in 24 years", 2005, boleh didapati di: <http://madpet06.blogspot.com/2005/02/mkini-govt-reveals-execution.html> (kunjungan terakhir pada Januari 20, 2020).

96 Amnesty Antarabangsa Malaysia, "A Brief History of the Death Penalty in Malaysia", 2019, boleh didapati di: <https://www.amnesty.my/abolish-death-penalty/a-brief-history-of-the-death-penalty-in-malaysia/> (kunjungan terakhir pada Januari 17, 2020).

## Zaman Perdana Menteri Mahathir Mohamed 1981-2003: Hak-hak Asasi Manusia dan nilai Asia

Pada 1981, Mahathir Mohamed menjadi Perdana Menteri. Beliau menyokong memihak kepada "nilai Asia". Menurut konsep ini, nilai politik barat tidak serasi dengan masyarakat Asia kerana mereka mempromosikan individualisme dan melemahkan susunan sosial. Oleh itu, di Asia, hak-hak demokratik boleh dihadkan atas nama kepentingan negara. Perdana Menteri Mahathir Mohamed menyatakan pada 1995: "Jangan kita menjadi hamba kepada demokrasi. [...] Jika dengan mengamalkan sesetengah aspek-aspek demokrasi kita mengambil risiko untuk menyebabkan huru-hara dalam parti dan negara kita, kita kena memilih parti dan negara kita daripada demokrasi"<sup>97</sup> Kemajuan ekonomi harus dijadikan keutamaan daripada kenikmatan hak-hak asasi individu, Menurut Datuk Abdullah Badawi, Menteri Luar Negeri pada ketika itu: "Bagi kami, asas kepada negara demokratik dan yang berjaya kekal memerlukan pemerintahan yang kuat dan baik untuk masyarakat yang disiplin dan produktif, bagi penekanan berterusan atas kestabilan politik dan perkembangan ekonomi berkualiti dengan manusia pada pusat usaha pembangunan..."<sup>98</sup> Strategi ini telah diperbadankan dalam Deklarasi Bangkok 1993 bagi negara-negara Perhimpunan Bangsa-bangsa Asia Tenggara (ASEAN), yang memperuntukkan bahawa Parti-parti Negara adalah "Yakin bahawa progres ekonomi dan sosial mempermudah trend perkembangan ke arah demokrasi dan promosi dan perlindungan hak-hak asasi manusia."<sup>99</sup> Pengenaan dasar ini menjadi asas kepada pentadbiran Mahathir, sehingga krisis kewangan Asia pada 1997.<sup>100</sup>

97 Mahathir M., in Christie K., *Regime Security and Human Rights in Southeast Asia*, Political Studies, 1995, XLIII, m/s 215.

98 Peerenboom R., Petersen C. J., Chen A.H.Y., *op. cit.*, 2006, m/s 193.

99 ASEAN ditubuhkan pada 8 Ogos 1967 di Bangkok oleh Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand. Deklarasi Bangkok 1993, Mukadimah.

100 Tinio M.L., *Les Droits de l'Homme en Asie du Sud-Est*, L'Harmattan, 2004, m/s 39.



## PERANG TERHADAP DADAH DAN PENGENAAN HUKUMAN MATI MANDATORI BAGI JENAYAH-JENAYAH BERKAITAN DADAH

Walaupun Akta Dadah Berbahaya digubal pada 1952 semasa penjajahan, peningkatan dalam kegunaan dadah oleh komuniti Melayu dan India pada 1970-an dan 1980-an menjadi masalah nasional di Malaysia.<sup>101</sup> Pindaan perundangan kepada Akta Dadah Berbahaya telah diluluskan pada 1975,<sup>102</sup> mempreskripsikan hukuman mati sebagai hukuman budi bicara bagi pengedar dadah.<sup>103</sup> Pada 1977, definisi bagi pengedaran telah diperluaskan untuk merangkumi pemilikan dadah dan memperuntukkan anggapan statutori untuk mencapai unsur-unsur kesalahan pengedaran.<sup>104</sup> Beberapa kritikan telah diluahkan, memandangkan bahawa anggapan bersalah adalah bertentangan kepada prinsip-prinsip asas jurisprudens Malaysia dan jaminan undang-undang antarabangsa bahawa tertuduh mempunyai hak untuk dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah.<sup>105</sup> Pada 1983, kerajaan membuat pindaan lanjut kepada undang-undang dan memperkenalkan hukuman mati mandatori bagi pengedaran dadah di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya.<sup>106</sup> Sewaktu perbahasan Parlimen, kerajaan menunjukkan bahawa hukuman penjara seumur hidup dan sebatan tidak mempunyai kesan pencegahan yang dikehendaki, memandangkan bahawa aktiviti-aktiviti pengedaran dadah meningkat di antara 1980 dan 1983. Pengedar-pengedar dadah dianggap sebagai “*Peniaga kematian, kemusnahan dan kesengsaraan*”, dan tindakan mereka sebagai “*Tindakan penderhakaan*” yang tidak boleh diampunkan atau diberikan simpati.<sup>107</sup> Bagi kerajaan, hukuman mati mandatori merupakan satu cara untuk menamatkan penjatuhan hukuman yang tidak konsisten, kerana mahkamah yang paling tinggi di Malaysia – Mahkamah Persekutuan dan warisnya Mahkamah Agung

101 Harring S., “*Death, Drugs and Development: Malaysia’s Mandatory Death Penalty for Traffickers and the International War on Drugs*”, *Columbia Journal of Transnational Law*, Jilid 29, 1991, m/s 364-365.

102 Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1975.

103 Hukuman-hukuman lain merangkumi hukuman penjara seumur hidup dan/atau sebatan. Kamariah M., “*Amendments to the Dangerous Drugs Act*”, *Journal of Malaysian and Comparative Law*, 1988, m/s 134.

104 Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1977. Harring S., *op. cit.*, 1991, m/s 374.

105 Amnesti Antarabangsa, *The Death Penalty, No Solution to Illicit Drugs* [ACT 51/02/95], 1995, m/s 54-55.

106 Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1983.

107 Kamarudin A.R., “*The Misuse of Drugs in Malaysia: Past and Present*”, *Jurnal Antidadah Malaysia*, 2007, m/s 16.

– mencipta “*Hukuman mati andaian*” bagi pengedar-pengedar dadah, di mana mahkamah rendah mengenakan hukuman penjara seumur hidup.<sup>108</sup> Melalui hukuman mati mandatori, Parlimen telah mengikuti doktrin yang dicipta oleh badan kehakiman.

Menurut Akta tersebut, “*pengedaran*” merangkumi “*Pengilangan, pengimportan, pengeksportan, menyimpan, menyembunyikan, membeli, menjual, memberi, menerima, administrasi, pengangkutan, membawa, menghantar, memperolehi, membekalkan atau mengedarkan apa-apa dadah berbahaya*.”<sup>109</sup> Pindaan tersebut juga mengurangkan kuantiti dalam milikan yang perlu untuk menggunakan anggapan pengedaran: 15 gram heroin atau morfin, 1,000 gram candu atau 200 gram ganja.<sup>110</sup> Dasar Malaysia atas pengedaran dadah telah jelas dinyatakan oleh Perdana Menteri Mahathir Mohamed pada 1986:

“*Malaysia melihat masalah dadah sebagai ancaman besar kepada keselamatan dan kesejahteraan negara. Dadah telah digunakan pada masa dulu untuk menundukkan sebuah negara. Kami tidak ingin dijajah sekali lagi atau melemahkan keselamatan dan ekonomi kami. Berikutan kepadanya kami telah mengisytiharkan hukuman mati terhadap pengedar-pengedar dadah. Kita tidak memohon maaf untuk hukuman ini. Pengedar-pengedar sedang membunuh rakyat kami dan menyebabkan penderitaan yang tidak terhitung. Mereka patut mendapat hukuman mati, tidak kira warna*.”<sup>111</sup>

Pada 1987, penglibatan negara dalam kawalan narkotik meningkat apabila Perdana Menteri Mahathir Mohamed diundi sebagai Pengerusi Persidangan Antarabangsa Vienna atas Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Secara Menyalahi Undang-Undang.<sup>112</sup> Pada 1987 sahaja, 14 pelaksanaan hukuman mati telah direkodkan bagi pengedaran dadah.<sup>113</sup> Undang-undang anti dadah pada ketika itu adalah paling kuat dalam dunia.<sup>114</sup> Seperti yang diperhatikan oleh Kamariah pada 1988: “*Drugs became the Nation’s Number One Enemy*.”<sup>115</sup>

108 Harring S., *op. cit.*, 1991, p. 378; Kamariah M., *op. cit.*, 1988, p. 149.

109 Dangerous Drugs Act, Section 2.

110 Harring S., *op. cit.*, 1991, p. 375; Amnesty International, *op. cit.*, 1995, p. 53.

111 Mahathir Mohamed’s declaration during the 1987 Conference of Heads of State or Government of the Non-Aligned Movement in Harare, Zimbabwe, available at: <https://www.pmo.gov.my/ucapan/?m=p&p=mahathir&id=990> (last visited January 21, 2020).

112 Sodhy P., “*Malaysia and the United States in the 1980s*”, *Asian Survey*, Vol 27, No. 10, 1987, m/s 1081.

113 Amnesti Antarabangsa, *op. cit.*, 1995, m/s 54.

114 Pascoe D., *op. cit.*, 2019, m/s 128.

115 Kamariah M., *op. cit.*, 1988, m/s 156.

Pelaksanaan yang pertama mengambil tempat pada 1985, apabila warganegara Malaysia dilaksanakan dengan hukuman mati selepas dijatuhkan hukuman mati kerana membawa 79.93 gram heroin.<sup>116</sup> Pada 1986, Barlow dan Chambers merupakan warga asing yang pertama - seorang warga Australia dan seorang dengan dua kewarganegaraan iaitu British dan Australia - untuk digantung sampai mati bagi pengedaran dadah, meskipun dengan permintaan untuk pengampunan daripada Perdana Menteri Australia dan British.<sup>117</sup> Beberapa pelaksanaan hukuman mati lain diikuti. Daripada 1990 hingga 1992, sekurang-kurangnya lima orang telah dijatuhkan hukuman mati di bawah perundangan ini, bagi jenayah-jenayah yang dilakukan apabila mereka berada di bawah umur. Dua hukuman telah digantikan; organisasi-organisasi hak-hak asasi manusia tidak mengetahui sekiranya hukuman-hukuman lain telah dijalankan.<sup>118</sup> Semenjak 1991, perkadaran sabitan-sabitan di bawah seksyen 39B telah menurun disebabkan oleh pelbagai faktor-faktor: penambahan bilangan pembebasan, penciptaan oleh badan kehakiman pengecualian undang-undang lazim (*common law*) kepada hukuman mati mandatori,<sup>119</sup> dan pengguguran pertuduhan yang lebih kerap oleh pihak polis.<sup>120</sup> Sementara itu, lebih banyak suara telah bangkit untuk mengancam ketidakberkesanan hukuman mati mandatori untuk melawan dadah. Seperti yang digariskan oleh Harring pada 1991: “Perang dadah, seperti kebanyakan perang yang lain, berasal daripada polisi social dan politik yang gagal. Kegunaan dadah berakar umbi daripada masalah social. Menangani sebab-sebab masalah ini adalah berbeza daripada menjalankan perang dadah untuk bertempur dengan manifestasi mereka.”<sup>121</sup> Di antara 1991 dan 1995, bilangan pelaksanaan hukuman mati bagi jenayah-jenayah dadah telah menurun, dengan purata sebanyak enam pelaksanaan setiap tahun.

Dalam keseluruhannya, di antara 1975 dan 1996, pihak-pihak berkuasa Malaysia telah menggantung melebihi 150 orang yang disabitkan dengan kesalahan-kesalahan berkaitan dadah.<sup>122</sup>

116 Amnesti Antarabangsa, *op. cit.*, 1995, m/s 53.

117 *Ibid.*, m/s 53-54.

118 *Ibid.*, m/s 56.

119 Ini merangkumi, sebagai contoh, memutuskan defendan-defendan bersalah atas pemilikan tetapi bukan untuk pengedaran. Lihat Harring S., *op. cit.*, 1991, m/s 404.

120 *Ibid.*, m/s 400-401.

121 *Ibid.*, m/s 405.

122 Johnson D.T, Zimring F.E., *The Next Frontier. National Development, Political Change and the Death Penalty*, 2009, m/s 307.

### Prosedur peraturan baru bagi kesalahan-kesalahan keselamatan

Pada awal 1970-an, ISA merupakan peraturan tunggal yang terpakai kepada kesalahan-kesalahan pemilikan senjata api. Oleh kerana ISA pada asalnya diniatkan untuk melawan subversi, peraturan lain diluluskan untuk menangani kesalahan-kesalahan senjata api lain yang “lebih umum”. Pada 1971, Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) telah digubal. Peraturan yang baru ini memperuntukkan hukuman mati bagi pengedaran senjata api atau pelepasan senjata api dalam melakukan kesalahan-kesalahan yang dipriskripsikan. Dalam kes pemilikan senjata api secara menyalahi undang-undang, Akta yang baru tersebut mengecualikan hukuman mati dan menetapkan hukuman maksimum 14 tahun penjara, dengan anggapan bersalah.<sup>123</sup>

Pada 1975, kerajaan, di bawah justifikasi kebangkitan semula subversi komunis yang dikaitkan dengan komuniti Cina, memintas Parlimen dan mengisytiharkan Peraturan-Peraturan Perlu (Kes-Kes Keselamatan) (ESCAR).<sup>124</sup> Menteri Undang-Undang pada ketika itu, Tan Sri Abdul Kadir, menyatakan bahawa:

*“Agen-agen komunis dan juga komunis-komunis mereka sendiri telah datang ke kawasan-kawasan bandar dan mula membunuh orang. Komunis-komunis mencuba untuk menggendalakan pembangunan negara dengan menanam ketakutan dalam orang, dengan membunuh orang secara rawak. Ideologi mereka disebarkan dengan cepat. [...] Jika terdapat lebih banyak keamanan dan jika serangan berkurangan pada kawasan bandar, ESCAR akan dimansuhkan. Peraturan tersebut adalah langkah sementara dan ianya tidak akan kekal dan tidak akan digunakan pada masa depan.”*<sup>125</sup>

ESCAR mengubahsuaikan peraturan keterangan dan prosedur bagi perbicaraan “kesalahan-kesalahan keselamatan”, iaitu kesalahan-kesalahan berkaitan senjata api, bahan letupan dan amunisi, seperti yang diperuntukkan oleh salah satu perundangan sedia ada yang terpakai, termasuklah ISA dan Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat)

123 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat), Seksyen 9 memperuntukkan: “Seseorang yang berkawan, atau didapati ada bersama dengan seorang lain yang memiliki suatu senjata api dengan menyalahi undang-undang dalam hal keadaan yang menimbulkan anggapan yang munasabah bahawa dia telah mengetahui bahawa orang lain itu telah memiliki senjata api itu dengan menyalahi undang-undang hendaklah dihukum dengan pemenjaraan selama suatu tempoh yang boleh sampai empat belas tahun dan juga disebat tidak kurang daripada enam kali, melainkan jika dia membuktikan bahawa dia ada alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa orang lain itu telah tidak memiliki senjata api itu dengan menyalahi undang-undang.”

124 Lent J., *op. cit.*, 1984, m/s 444.

125 Nazeri N.M., *op. cit.*, 2008, m/s 3-4.

1971.<sup>126</sup> ESCAR membenarkan penangkapan individu-individu tanpa waran dan penahanan untuk soal siasat bagi tempoh melebihi 60 hari. Had-had tegas atas hak untuk memeriksa balas saksi-saksi telah dikenakan, melemahkan prinsip keadilan dan *equality of arms*. ESCAR juga telah meletakkan suatu anggapan bersalah pada tertuduh, sama seperti undang-undang anti dadah. Akibatnya, prosedur-prosedur ESCAR yang baru bermakna bahawa mereka yang dituduh dengan jenayah-jenayah kapital di bawah ISA, seperti dalam kes pemilikan senjata api, dikehendaki untuk membuktikan ketakbersalahan mereka untuk mengelakkan hukuman mati.<sup>127</sup> Peraturan baru ini adalah terpakai tidak kira umur tertuduh.<sup>128</sup>

Pada September 1977, hukuman mati atas Lim Heang Seoh, seorang lelaki 14 tahun yang dituduh dengan pemilikan senjata api secara menyalahi undang-undang di bawah seksyen 57(1) ISA menyebabkan bangkangan kebangsaan dan antarabangsa.<sup>129</sup> Hakim bicara adalah tegas. Beliau menyatakan bahawa:

*“lanya mesti dijelaskan bahawa mana-mana remaja, mana-mana orang yang telah mencapai umur tanggungjawab jenayah seperti yang dihuraikan dalam Seksyen 8 Kanun Keseksaan, iaitu 10 dan di bawah umur 18, adalah bertanggungjawab untuk dijatuhkan hukuman mati sekiranya disabitkan dibawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.”*<sup>130</sup>

Pergerakan anti hukuman mati yang pertama dalam Malaysia dilahirkan daripada kes ini.<sup>131</sup> Majlis Peguam Malaysia membantah dengan tegas dan sebulat suara menerima suatu resolusi yang meminta peguam-peguam untuk boikot perbicaraan-perbicaraan di bawah ESCAR, memandangkan bahawa *“Peraturan-peraturan adalah menindas dan bertentangan dengan kedaulatan undang-undang.”*<sup>132</sup> Satu kempen tandatangan yang besar telah dijalankan dan disertai oleh pihak-pihak pembangkang.<sup>133</sup> Pemboikotan kes-kes ISA dipatuhi

126 Munro-Kua A., *Authoritarian Populism in Malaysia*, MacMillan Press, 1996, m/s 96.

127 Amnesti Antarabangsa, *op. cit.*, 1999, m/s 35.

128 Peraturan 3(3) memperuntukkan: *“Apabila seseorang dituduh atau didakwa dengan kesalahan keselamatan, dia hendaklah tidak kira usia, ditangani menurut peruntukan dalam Peraturan-peraturan tersebut, dan Akta Mahkamah Juvenil 1947 tidak terpakai kepada orang tersebut.”* Akta Mahkamah Juvenil 1947 sememangnya melarang hukuman mati terhadap orang yang disabitkan dengan kesalahan jika dia adalah seorang juvenile apabila kesalahan itu dilakukan. Lihat Nazeri N.M., *op. cit.*, 2008.

129 Lent J., *op. cit.*, 1984, m/s 445.

130 Mr Justice Arulanandon, in Munro-Kua A., *op. cit.*, 1996, m/s 96.

131 Lihat *infra*, Sub-Seksyen “Pergerakan anti hukuman mati yang berkembang”. Nazeri N.M., *op. cit.*, 2008, m/s 1.

132 Lent J., *op. cit.*, 1984, m/s 445.

133 Munro-Kua A., *op. cit.*, 1996, m/s 97.

oleh kebanyakan peguam-peguam dan telah bertahan selama tiga tahun.<sup>134</sup> Hukuman pelajar lelaki tersebut pada akhirnya diringankan dan kanak-kanak tersebut diletak dalam pusat tahanan juvena.

ISA telah digunakan secara meluas sehingga pertengahan 1990-an, termasuklah untuk kesalahan-kesalahan biasa yang seharusnya didakwa di bawah Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971.<sup>135</sup>

Sementara ISA pada asalnya diniatkan untuk melawan pemberontakan komunis semata-mata, peraturan ini telah diubah kepada sesuatu untuk merangkumi semua keadaan (*catch-all*).<sup>136</sup> Penjenayah-penjenayah biasa telah ditangkap dan digantung sampai mati, seperti Botak Chin, seorang samseng yang dikenali ramai untuk beberapa rombongan bersenjata api di Kuala Lumpur. Penjenayah yang terkenal ini, yang melihat dirinya sebagai Robin Hood moden, telah ditangkap pada 1976. Beliau merupakan orang pertama untuk mengaku bersalah di bawah ISA untuk pemilikan pistol dan amunisi. Beliau digantung sampai mati pada Jun 1981.<sup>137</sup>

Peraturan-peraturan baru mengakibatkan 31 hingga 39 pelaksanaan-pelaksanaan hukuman mati – angka berubah bergantung kepada pengarang – dan 64 hukuman mati bagi pemilikan senjata api secara menyalahi undang-undang daripada 1976 hingga 1984.<sup>138</sup> Wanita pertama yang dilaksanakan hukuman mati di bawah ISA adalah seorang tukang jahit bernama Thye Siew Hong yang dituduh sebagai ahli kumpulan komunis. Beliau digantung sampai mati pada Mac 1983 bersebelahan dengan suami beliau, yang juga telah disabitkan.<sup>139</sup> Statistik tambahan yang diberikan kerajaan mendedahkan bahawa seramai 12 orang yang lain juga telah digantung sampai mati bagi kesalahan-kesalahan keselamatan di antara 1984 dan 1993.<sup>140</sup> Menurut sesetengahnya, seperti peguam DAP Karpal Singh, perundangan ESCAR lebih kerap digunakan terhadap komuniti Cina<sup>141</sup>

134 *Ibid.*, m/s 98.

135 Ini adalah salah satu hujahan peguam DAP Karpal Singh. Donoghue T., *Karpal Singh, Tiger of Jelutong. The Full Biography 1940-2014*, Marshall Cavendish Editions, 2014.

136 Munro-Kua A., *op. cit.*, 1996, m/s 89.

137 Donoghue T., *op. cit.*, 2014.

138 Menurut Lent, 31 pelaksanaan hukuman mati dijalankan di antara 1976 dan 1984. Lent J., *op. cit.*, 1984, m/s 445. Menurut Donoghue, pada Mac 1963, Timbalan Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri melaporkan pelaksanaan hukuman mati seramai 39 orang di antara 1980 dan 1983 bagi kesalahan-kesalahan di bawah ISA. Donoghue T., *op. cit.*, 2014.

139 Donoghue T., *op. cit.*, 2014.

140 *Malaysia Kini*, “Gov’t reveals execution statistics: 358 hanged in 24 years”, 2005, boleh didapati di: <http://madpet06.blogspot.com/2005/02/mkini-govt-reveals-execution.html> (Kunjungan akhir pada Januari 20, 2020).

141 Donoghue T., *op. cit.*, 2014.

## SUATU DINAMIK YANG BARU (1997-2018)

Sementara kerajaan telah menjustifikasikan undang-undang yang menindas dengan keperluan untuk memajukan pembangunan ekonomi, krisis kewangan Asia pada 1997 telah mengubahnya. Semenjak pelaksanaan NEP, Malaysia mempunyai ekonomi yang paling dinamik dan berkembang pesat di Asia.<sup>142</sup> Beberapa tahun selepas perkembangan ekonomi, Malaysia diancam oleh krisis kewangan dalam wilayah dan wacananya atas nilai Asia telah kehilangan kesahannya. Di negara-negara jiran, suatu gelombang demokrasi telah tersebar, menurap jalan bagi pembaharuan politik dan perundangan.<sup>143</sup> Di Malaysia, perbezaan besar kekayaan dalam komuniti Melayu telah menjadi semakin jelas.<sup>144</sup> Perbezaan pandangan yang kuat atas dasar awam muncul di antara Perdana Menteri Mahathir Mohamed dan Timbalan Perdana Menteri beliau, Anwar Ibrahim, yang menyokong suatu rejim yang kurang authoritarian.<sup>145</sup> Pada 1998, Anwar Ibrahim telah diberhentikan daripada jawatannya dan ditangkap untuk liwat dan rasuah di bawah ISA. Antara September 1998 dan awal 1999, sekurang-kurangnya 27 orang lain yang ditangkap di bawah ISA, termasuklah rakan-rakan politik, kawan-kawan dan ahli-ahli pergerakan pelajar Anwar.<sup>146</sup> Nallakaruppan, seorang kawan kepada Anwar Ibrahim, dituduh dengan pemilikan amunisi secara menyalahi undang-undang, satu kesalahan yang boleh dihukum mati. Beberapa pemerhati melihat penahanan ini sebagai satu cara untuk menambah tekanan atas Anwar.<sup>147</sup> Peguam Nallakaruppan menyatakan bahawa beliau telah ditawarkan dengan pengurangan tuduhan-tuduhannya sekiranya beliau bersetuju untuk memberikan keterangan palsu terhadap Anwar Ibrahim. Tuduhan-tuduhan beliau

142 Amnesti Antarabangsa, *op. cit.*, 1999, m/s 4.

143 Di Indonesia, Presiden Suharto meletak jawatan pada 1998 selepas 32 tahun dalam kuasa.

144 Amnesti Antarabangsa, *op. cit.*, 1999, m/s 4.

145 Anwar pernah menyatakan bahawa: "Saya menekankan isu sivil masyarakat, kebebasan asas dan kepercayaan serta kebijaksanaan bahawa orang awam, dengan pendedahan kepada pendidikan dan pengetahuan, sepatutnya boleh dilaksanakan." Anwar in Langlois A.J., *The Politics of Justice and Human Rights: Southeast Asia and Universalist Theory*, Cambridge University Press, 2001, m/s 15. Ianya harus diperhatikan bahawa dasar-dasar ekonomi yang disokong Mahathir telah meyebabkan ekonomi untuk berbangkit semula, bertentangan dengan kebanyakan negara-negara Asia lain.

146 Amnesti Antarabangsa, *op. cit.*, 1999, m/s 25-26.

147 Hwang I., *Personalized Politics: The Malaysian State Under Mahathir*, ISEAS, 2003, m/s 304; Singh D., *Southeast Asian Affairs*, ISEAS, 2000.

pada akhirnya dikurangkan pada 1999. Perbicaraan Anwar yang dipolitikan dan sabitan-sabitan yang berikutan bagi liwat dan rasuah telah dilihat oleh komuniti antarabangsa sebagai tanda-tanda penurunan demokrasi di Malaysia.<sup>148</sup> Reformasi, suatu pergerakan bantahan dilancarkan selepas penangkapan Anwar Ibrahim, tersebar ke seluruh negara dan membawa masyarakat sivil dengan lebih rapat.<sup>149</sup> Perdana Menteri Mahathir Mohamed kekal dalam kuasa sehingga peletakan jawatan beliau secara sukarela pada 2003.

### Pergerakan anti hukuman mati yang meningkat

Semenjak pertengahan 1990-an, hak-hak asasi manusia menjadi satu isu yang semakin menonjol dalam perbahasan awam di Asia. Menteri-menteri ASEAN mengiktiraf kepentingan penubuhan mekanisme serantau hak-hak asasi manusia dan telah memulakan beberapa mesyuarat-mesyuarat untuk mempertingkatkan dialog atas subjek ini.

Perbahasan atas hukuman mati telah meningkat dan pergerakan anti hukuman mati telah diperkuatkan. Sementara Majlis Peguam Malaysia mengambil resolusi anti hukuman matinya pada 1986, ianya adalah pada 2006 bahawa pendirian awamnya memihak kepada pemansuhan hukuman mati menjadi semakin kelihatan. Resolusi-resolusi anti hukuman mati telah secara kerap diterimapakai semenjak itu. Pada 2009, SUHAKAM mencadangkan pemansuhan hukuman mati: "*SUHAKAM melihat hukuman mati sebagai hukuman yang zalim, tidak berperikemanusiaan dan menjatuhkan maruah. Suatu kajian yang serius diperlukan dari segi kerelevanan dan keberkesannya di Malaysia sebagai suatu bentuk hukuman terhadap pembalasan dan pencegahan. Secara ringkasnya, Kerajaan harus mempertimbangkan moratorium atas hukuman mati atau menggantikan hukuman mati dengan hukuman penjara seumur hidup, terutamanya bagi mereka yang telah menunggu pelaksanaan hukuman mati untuk melebihi 5 tahun. Dalam jangka panjang, Suruhanjaya mencadangkan pemansuhan hukuman-hukuman kapital.*"<sup>150</sup> Semenjak 2009, SUHAKAM telah diakreditkan dengan status A, bermakna bahawa ianya telah mematuhi secara penuh dengan Prinsip-prinsip berkenaan dengan Status Institusi Nasional,

148 Eldridge P., *op. cit.*, 2002, m/s 11. Beberapa negara, termasuk Filipina dan Amerika Syarikat, menyatakan kekesalan atas pensabitan ini. Pada, Amnesti Antarabangsa mengisytiharkan beliau sebagai banduan yang berhati nurani.

149 Eldridge P., *op. cit.*, 2002, m/s 99.

150 SUHAKAM, *Laporan Tahunan 2009 – Jawatankuasa Hak Asasi Manusia Malaysia*, 2010.

menggambarkan, antara lain, kebebasan dan kesaksamaannya.<sup>151</sup> SUHAKAM merupakan salah satu Institusi Hak Asasi Manusia Nasional yang paling aktif atas pemansuhan hukuman mati.

Semenjak itu, pergerakan pemansuhan, yang diketuai Majlis Peguam Malaysia dan SUHAKAM,<sup>152</sup> menjadi semakin berstruktur. Pada 2010, kempen memihak Yong Vui Kong, seorang warganegara Malaysia yang dikenakan hukuman mati pada umur 19 tahun kerana membawa keluar 47.27 gram heroin di Singapore, adalah disokong kuat oleh warga Malaysia dan Singapura dan pihak-pihak pembangkang: lebih daripada 100,000 tandatangan dikumpul dalam masa sebulan.<sup>153</sup> Hukuman mati Yong Vui Kong pada akhirnya diangkat pada 2013, selepas pindaan-pindaan kepada undang-undang anti dadah Singapura.

Pergerakan pemansuhan telah disertai dan disokong secara aktif oleh sebilangan pihak-pihak nasional, serantau dan antarabangsa. Di peringkat nasional, beberapa aktiviti-aktiviti pemansuhan telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Hak Sivil Kuala Lumpur dan Dewan Perhimpunan Cina Selangor, Malaysia Menentang Hukuman Mati dan Penyeksaan (MADPET), Peguam untuk Kebebasan, SUARAM dan Persatuan Kebangsaan Hak Asasi Manusia (HAKAM). Di peringkat antarabangsa, gerakan tersebut disokong oleh Amnesti Antarabangsa, the *Death Penalty Project*, Pengurangan Kemudaratan Antarabangsa, Together Against the Death Penalty (ECPM) dan *World Coalition Against the Death Penalty*. Di peringkat serantau, *Anti-Death Penalty Asia Network (ADPAN)*, yang pada permulaannya diketuai oleh Amnesti Antarabangsa, telah ditransformasikan pada 2012 kepada suatu rangkaian bebas: membina berdasarkan kewujudan rangkaian yang berstruktur di Malaysia, ibu pejabat ADPAN telah ditubuhkan di Kuala Lumpur, memperkuatkan tindakan pemansuhan dalam negara. Peningkatan gerakan anti hukuman mati membawa kepada organisasi oleh ECPM, dalam kerjasama dengan ADPAN dan Majlis Peguam Malaysia, Kongres Regional menentang Hukuman Mati Kedua di Kuala Lumpur pada 2016. Usaha-usaha kearah pemansuhan ini telah diperkukuhkan oleh kerja advokasi dengan ahli-ahli Parlimen, diketuai oleh ADPAN, ECPM, dan ahli-ahli Parlimen untuk Tindakan Global, dalam

151 Pakatan Global bagi Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan, status Pentauliahian setakat of 8 Ogos 2018.

152 Lihat aktiviti-aktiviti banyak yang dijalankan oleh SUHAKAM di ECPM, *Abolition of the Death Penalty: A Practical Guide for NHRIs*, 2019, m/s 70-71.

153 *The Online Citizen*, "Vui Kong's family pleads at Istana", 2010, boleh didapati di: <https://www.theonlinecitizen.com/2010/08/24/breaking-news-vui-kongs-family-pleads-at-istana/> (Kunjungan terakhir pada Januari 20, 2020).

kerjasama dengan Kementerian Keadilan. Beberapa perbincangan, perundingan dan temu bual dianjurkan dengan ahli-ahli Parlimen Malaysia, di Malaysia dan di luar negara. Satu seminar serantau telah diadakan di Kuala Lumpur pada 2018 dengan wakil-wakil Parlimen daripada Australia, Filipina, Malaysia, Pakistan dan Papua-New-Guinea. Pada 2018, Gabungan Menentang Hukuman Mati Malaysia telah dilahirkan: pada permulaannya terdiri daripada tiga organisasi-organisasi (Jawatankuasa Hak Sivil Kuala Lumpur dan Dewan Perhimpunan Cina Selangor, SUARAM dan Amnesti Antarabangsa Malaysia), Gabungan tersebut telah semenjak itu berkembang dengan kemasukan ahli-ahli (peguam-peguam Abdul Rashid Ismail, Sherrie Razak Dali dan Andrew Khoo).<sup>154</sup>

Sementara itu, sebilangan laporan dan kajian telah diterbitkan, menggambarkan kecacatan dan salah laksana keadilan yang banyak dalam pentadbiran hukuman mati.<sup>155</sup> Pada 2018, satu kajian oleh Institusi Pulau Pinang, yang dijalankan atas 289 kes mahkamah, mendedahkan bahawa 28% penghakiman daripada Mahkamah Tinggi dan 50% penghakiman daripada Mahkamah Rayuan atas kes-kes hukuman mati telah dibalikkan oleh mahkamah-mahkamah yang lebih tinggi masing-masing.<sup>156</sup> Kekerapan dan keputusan-keputusan mahkamah atas kes-kes hukuman mati yang tidak konsisten menggambarkan keberangkalan yang tinggi pelaksanaan hukuman mati yang salah dan salah laksana keadilan.<sup>157</sup>

### Penurunan dalam pelaksanaan hukuman mati dan tanda-tanda perubahan sikap

Semenjak 1997, bilangan pelaksanaan hukuman mati telah menurun dengan ketara. Di antara 1997 dan 2015, Amnesti Antarabangsa melaporkan secara purata terdapat dua pelaksanaan hukuman mati yang direkodkan setiap tahun, dengan tiada pelaksanaan hukuman mati yang direkodkan di antara 1998-1999, 2003-2005 dan 2012.<sup>158</sup>

154 Baca temu bual-temu bual mereka m/s dan m/s (*formulation à revoir*)

155 Lihat sebagai contoh, laporan-laporan SUHAKAM, Amnesti Antarabangsa, ADPAN, MADPET atau ECPM.

156 Chee Han L., Chow Ying N., Arivananthan H., *High Incidence of Judicial Errors in Capital Punishment Cases in Malaysia*, Institusi Pulau Pinang, 2018, m/s 9.

157 *Ibid.*

158 Amnesti Antarabangsa Malaysia, "A Brief History of the Death Penalty in Malaysia", 2019, boleh didapati di: <https://www.amnesty.my/abolish-death-penalty/a-brief-history-of-the-death-penalty-in-malaysia/> (kunjungan terakhir pada Januari 17, 2020). Lihat juga Johnson D.T., Zimring F.E., "Death penalty lessons from Asia", *The Asia-Pacific Journal*, Jilid 7, Isu 39, 2009; dan Pascoe D., *op. cit.*, 2019, m/s 129-130.

Walaupun begitu, sekurang-kurangnya 13 orang telah dilaksanakan dengan hukuman mati pada 2016 dan 2017.<sup>159</sup>

Hukuman mati diperkenalkan ke dalam undang-undang Malaysia buat kali terakhir pada 2003 untuk orang yang disabitkan kesalahan rogol yang mengakibatkan kematian dan rogol kanak-kanak. Semenjak itu, pembuat keputusan telah bermula untuk mengiktiraf ketidakberkesanan hukuman mati dalam melawan pengedaran dadah dan untuk mengkritik pemakaian hukuman mati. Selepas melihat hukuman mati sebagai simbol pencegahan kegunaan dadah dan jenayah berkaitan dadah buat masa yang lama, seorang ahli parti pemerintah menyatakan sewaktu perbahasan Parlimen pada 2005 bahawa “Hukuman mati mandatori [...] tidak berkesan dalam mengekang pengedaran dadah”<sup>160</sup>

Pada 2006, Kementerian Keadilan menyatakan bahawa ianya menyokong pemansuhan hukuman mati kerana “Tiada seorang yang mempunyai hak untuk mengambil nyawa orang lain, walaupun orang tersebut adalah pembunuh”<sup>161</sup> Pada 2010, Menteri dalam Pejabat Perdana Menteri yang bertanggungjawab untuk hal ehwal Undang-undang dan Parlimen mengisytiharkan penentangan beliau terhadap hukuman mati. Beliau menyatakan: “Jika ianya adalah salah untuk mengambil nyawa seseorang, kerajaan tidak harus berbuat demikian juga”.<sup>162</sup> Walau bagaimanapun, beliau membuat pemansuhan bersyarat atas sokongan awam.<sup>163</sup> Hakikatnya, meskipun dengan kejayaan kempen Vui Kong, ia telah selalu dikatakan bahawa orang awam menyokong kegunaan hukuman mati mandatori, yang mana akan menjadi halangan kepada sebarang pembaharuan atas hukuman mati di Malaysia.<sup>164</sup> Pada 2013, laporan atas sikap dan pandangan warganegara Malaysia terhadap kegunaan hukuman mati menyimpulkan bahawa “Ia akan terdapat sedikit penentangan awam kepada pemansuhan hukuman mati bagi pengedaran dadah, pembunuhan, dan kesalahan-kesalahan senjata api. Sokongan

159 Amnesty Antarabangsa, *op. cit.*, 2019, m/s 16.

160 Malaysia Kini, “229 Executed for Drug Trafficking in Past 30 Years”, in Pengurangan Kemudaran Antarabangsa, “I’m a Believer... Singapore’s use of the death penalty for drugs defended using faith-based evidence”, 2009.

161 Petikan dalam “Malaysians Against the Death Penalty and Torture blog”, in Johnson D.T., Zimring F.E., *op. cit.*, 2009.

162 Chee Han L., Chow Ying N., Arivananthan H., *op. cit.*, 2018.

163 Hood R., Hoyle C., *The Death Penalty. A Worldwide Perspective*, Oxford University Press, 2008, m/s 106.

164 Lehfrend S., Jabbar P., in Hood R., *The Death Penalty in Malaysia. Public Opinion on the Mandatory Death Penalty for Drug Trafficking, Murder and Firearms Offences*, The Death Penalty Project, m/s iii-iv.

awam untuk pemansuhan hukuman mati bagi pembunuhan juga adalah lebih rendah berbanding yang mungkin diandaikan, jadi tidak harus dianggap sebagai halangan yang pasti kepada pemansuhan mutlak”<sup>165</sup>

Pada 2013, kerajaan Malaysia menunjukkan perubahan sikap terhadap hukuman mati ketika semakan UPR. Ia menyatakan “Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk mengakujaji suatu kajian atas pembaharuan komprehensif atas pentadbiran keadilan jenayah di Malaysia, termasuklah atas hukuman mati. [...] Hanya beberapa kes mengakibatkan tertuduh dikenakan hukuman mati. Sehubungan dengan ini, ia kelihatan adil untuk menyimpulkan bahawa wujudnya pada satu tahap suatu inisiatif kesedaran atau trend menentang pemakaian atau pelaksanaan hukuman mati.”<sup>166</sup> Anjakan ini disahkan beberapa kali selepas itu, termasuklah pada 2016 oleh Nancy Shukri, Menteri Undang-Undang pada ketika itu, yang menyatakan pada Kongres menentang Hukuman Mati di Oslo bahawa: “Terdapat tanda-tanda positif di Malaysia dan suatu momentum yang stabil terhadap kemungkinan perubahan dalam perundangan hukuman mati”<sup>167</sup>

Beberapa pindaan telah dibuat kepada kerangka undang-undang. Pada 2012, ISA telah dimansuhkan, mengakibatkan penyingkiran hukuman mati mandatori bagi pemilikan senjata api secara menyalahi undang-undang.<sup>168</sup> Pada 2017, Akta Dadah Berbahaya telah dipinda untuk memansuhkan, di bawah beberapa syarat, keperluan mandatori untuk hukuman mati bagi jenayah-jenayah dadah. Pembaharuan ini telah membenarkan hakim-hakim untuk menggugurkan budi bicara mereka

165 *Ibid.*, m/s 43.

166 Majlis Hak Asasi Manusia PBB, *op. cit.*, 2013, perenggan 47.

167 *The Star Online*, “Nancy: Malaysia One Step Closer to Amending Death Penalty”, 2016, boleh didapati di: <https://www.thestar.com.my/news/nation/2016/06/22/nancy-malaysia-one-step-closer-to-abolishing-death-penalty/> (Kunjungan terakhir pada Mac 5, 2020).

168 Semenjak penggubalannya pada 1960, lebih daripada 4,000 telah ditahan di bawah ISA untuk melawan ancaman komunis yang kekal, untuk menjustifikasikan harmoni antara etnik atau untuk melawan penganas. Amnesty Antarabangsa, 2003. Meskipun dengan pemansuhan ISA, penahanan tanpa tempoh tertentu tanpa perbicaraan yang diperuntukkan ISA akan kekal, memandangkan akta tersebut telah digantikan dengan undang-undang keselamatan lain yang gagal mematuhi piawaian-piawaian hak-hak asasi manusia antarabangsa dan mungkin mengakibatkan penyeksaan atau layanan buruk. Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) (SOSMA) yang diperkenalkan pada April 2012, membenarkan pihak polis untuk menahan suspek-suspek tanpa membenarkan komunikasi dengan orang luar (*incommunicado*) untuk 48 jam dan membenarkan penahanan tanpa tuduh atau akses kepada mahkamah bagi tempoh sehingga 28 hari. Akta Pencegahan Keganasan (POTA) memperuntukkan penahanan tanpa tempoh tertentu suspek-suspek penganas tanpa pertuduhan, perbicaraan atau semakan kehakiman.

dan mengambil kira faktor mitigasi dalam menjatuhkan hukuman. Walau bagaimanapun, budi bicara ini hanya boleh dilaksanakan jika: 1) orang yang disabitkan telah membantu agensi penguatkuasaan dalam menggendalakan aktiviti-aktiviti pengedaran dadah dalam atau di luar Malaysia; dan 2) tiada keterangan pembelian dan penjualan bahan terkawal pada ketika orang yang disabitkan ditangkap; atau 3) tiada penglibatan ejen perangkap;<sup>169</sup> atau 4) penglibatan orang yang disabitkan adalah terhad kepada peranan seorang kurier.<sup>170</sup> Syarat-syarat ini adalah sukar untuk dipenuhi. Jika mereka tidak dipenuhi, hukuman mati kekal adalah mandatori. Dalam kes-kes yang lain, hukuman adalah pemenjaraan dan sebatan. Ianya juga harus diambil perhatian bahawa pindaan telah mengekalkan anggapan kesalahan pengedaran dadah jika defendan-defendan dijumpai dengan dadah pada quantiti yang spesifik. Tambahan pula, pindaan tersebut, yang berkuatkuasa pada Mac 2018, tidak terpakai secara retroaktif: mereka yang dikenakan hukuman mati bagi pengedaran dadah sebelum tarikh tersebut tidak mendapat manfaat daripada pindaan kepada undang-undang tersebut, bertentangan dengan norma-norma undang-undang antarabangsa.<sup>171</sup> Oleh itu, beberapa ratus lelaki dan wanita kini akan menunggu pelaksanaan hukuman mati bagi jenayah-jenayah yang tidak lagi boleh dihukum dengan hukuman mati.

Sementara bilangan orang yang telah dilaksanakan dengan hukuman mati menurun, hakim-hakim Malaysia terus mengenakan hukuman mati. Akibatnya, populasi orang yang menunggu pelaksanaan hukuman mati telah meningkat secara berterusan, daripada 245 orang pada 1996 kepada 1,280 pada 2019.<sup>172</sup>

169 Agen perangkap (*agent provocateur*) berkemungkinan merupakan polis pengintip atau pegawai-pegawai kastam, digunakan untuk menarik (*entice*) atau memprovokasi pelakuan kesalahan.

170 Peranan seorang kurier ditakrifkan sebagai mengangkut, membawa atau menghantar suatu bahan terkawal.

171 Perlindungan Hukuman Mati PBB No. 2 memperuntukkan bahawa: "Hukuman kapital hanya boleh dikenakan untuk jenayah di mana hukuman mati adalah dipriskripsikan oleh undang-undang pada pelakuannya, ianya difahami bahawa jika, selepas jenayah itu dilakukan, peruntukan dibuat oleh undang-undang bagi penenaan hukuman yang lebih ringan, pesalah-pesalah hendaklah mendapat manfaat daripadanya." "*Capital punishment may be imposed only for a crime for which the death penalty is prescribed by law at the time of its commission, it being understood that if, subsequent to the commission of the crime, provision is made by law for the imposition of a lighter penalty, the offender shall benefit thereby.*"

172 Liew Chin Tong, Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia, in *The Malaysian Insight*, "Rethinking the death penalty", 2018 boleh didapati di: <https://www.themalaysianinsight.com/s/105908> (kunjungan akhir pada Januari 20, 2020).

### **Fokus pada hukuman mati dan pandangan awam**

Oleh Roger Hood dan Saul Lehrfreund<sup>173</sup>

Pada 2013, *The Death Penalty Project*, dengan sokongan Majlis Peguam Malaysia dan Jawatankuasa Hak Asasi Manusia, menerbitkan satu soal selidik pandangan awam yang bertujuan untuk menaksir tahap sokongan untuk hukuman mati dan, secara khususnya, untuk hukuman mati mandatori.

Ini menunjukkan secara muktamad bahawa apabila menghadapi dengan membuat keputusan atas 12 "sinario" mewakili pelbagai contoh kes di mana orang telah disabitkan untuk pembunuhan, pengedaran narkotik atau melepaskan senjata api dengan niat apabila melakukan pelbagai jenayah-jenayah – bagi kesemuanya di mana hukuman undang-undang adalah hukuman mati mandatori – hanya 1.2 peratus contoh-contoh daripada 1,535 warganegara memilih kematian sebagai hukuman yang sesuai bagi kesemua kes yang mereka diminta menjadi hakim. Setakat bahawa ianya adalah berkaitan dengan kes pengedaran dadah, hanya satu daripada 12 responden-responden yang memilih kematian sebagai hukuman bagi kesemua empat contoh-contoh pengedaran dadah, seperti mana undang-undang memerlukan mereka untuk berbuat demikian. Hakikatnya, kematian jarang dipilih apabila keadaan mitigasi wujud dan walaupun apabilamereka diminta untuk "menghakimi" kesalahan yang sangat serius dalam percubaan untuk mengimport heroin dalam amaun yang besar, hanya 30% yang fikir orang yang disabitkan padan dengan hukuman mati: walaupun 74% telah menyatakan bahawa mereka memihak hukuman mati bagi pengedaran heroin. Dalam enam kes pembunuhan, 91% menyatakan bahawa mereka menyokong hukuman mati, tetapi perkadaran paling tinggi warganegara yang memilih hukuman mati apabila dibentangkan dengan fakta kes adalah 65%, bagi kes teruk rompakan-bunuh oleh perompak yang pernah disabitkan dua kali. Dalam dua daripada tiga senario di mana terdapatnya keadaan mitigasi, kurang daripada seperempat mengenakan hukuman mati. Oleh itu

173 Pengarang *The Death Penalty Project in Malaysia. Public Opinion on the Mandatory Death Penalty for Drug Trafficking, Murder and Firearm Offences, The Death Penalty Project*, 2013.

“menyatakan” bahawa memihak kepada hukuman mati adalah tidak bersamaan dengan memilih kematian sebagai hukuman yang sesuai bagi semua, atau pun majoriti, keadaan. Hasil penyelidikan ini telah diterima secara meluas di Malaysia dan harus diingati apabila orang merujuk kepada pandangan awam sebagai justifikasi mereka untuk menentang cadangan-cadangan untuk memansuhkan hukuman kapital.

## “MALAYSIA BARU” (2018-2020)

### Momentum ke arah pemansuhan mutlak hukuman mati

Pada Mei 2018, buat kali pertama sejak kemerdekaan negara, Malaysia mengalami pertukaran kerajaan. Pakatan Harapan, yang diketuai oleh bekas Perdana Menteri Mohamad Mahathir, memenangi pilihan raya dengan komitmen untuk “*Membuat rekod [Malaysia] hak-hak asasi manusia disanjung dunia*” dan untuk memansuhkan undang-undang yang menindas, termasuklah semua akta yang memperuntukkan kematian mandatory melalui penggantungan.<sup>174</sup> Pada Julai 2018, kerajaan mengenakan satu moratorium atas pelaksanaan-pelaksanaan hukuman mati. Pada Ogos 2018, hukuman mati atas Muhammad Lukman Mohamad, yang disabitkan kerana memiliki, memproses dan mengedar minyak ganja kepada pesakit-pesakit kanser, telah memprovokasi satu gelombang bantahan dalam negara dan antarabangsa.<sup>175</sup>

Pada September 2018, Perdana Menteri berjanji di Perhimpunan Agung PBB bahawa “*Malaysia Baru akan menyokong dengan tegas prinsip-prinsip yang dipromosikan oleh PBB dalam penglibatan-penglibatan antarabangsanya*”, yang mana merangkumi “*Prinsip kebenaran, hak-hak asasi manusia, kedaulatan undang-undang, keadilan, kesaksamaan, tanggungjawab dan akauntabiliti, dan juga kelestarian*”<sup>176</sup> Beberapa minggu kemudian, pada 10 Oktober 2018,

174 Prinsip-prinsip 26 dan 27, in Pakatan Harapan, *Rebuilding our Nation, Fulfilling our Hopes*, 2018, m/s 60-61.

175 Lihat sebagai contoh *The New York Times*, “*Malaysia to Repeal Death Penalty and Sedition Law*”, 2018, boleh didapati di: <https://www.nytimes.com/2018/10/11/world/asia/malaysia-death-penalty-repeal.html> (kunjungan terakhir pada Februari 18, 2020).

176 *New Straits Times*, “*Dr M Pledges to Uphold UN Principles in New Malaysia*”, 2018, boleh didapati di: <https://www.nst.com.my/news/nation/2018/09/415933/dr-m-pledges-uphold-un-principles-new-malaysia> (kunjungan terakhir pada Januari 20, 2020).

pada peristiwa Hari Menentang Hukuman Mati Sedunia, kerajaan telah berjanji untuk memansuhkan secara rasmi hukuman mati bagi kesemua jenayah-jenayah. Pada akhir Oktober, dan buat kali pertamanya, kerajaan Malaysia mengambil tindakan dalam situasi di mana warganegaraanya dikenakan hukuman mati di luar negara dan mencelah sebelum pihak-pihak berkuasa Singapura untuk memberhentikan pelaksanaan hukuman mati ke atas salah satu bangsanya.<sup>177</sup>

Pada Disember 2018, negara mengundi buat kali pertama memihak kepada Resolusi PBB atas pemansuhan hukuman mati.

### Satu pusingan-U atas pemansuhan hukuman mati?

Sementara gerakan pemansuhan mengalu-alukan dengan ramah pengumuman-pengumuman kerajaan, segelintir pertubuhan-pertubuhan sivil, pergerakan pembangkang dan keluarga mangsa-mangsa telah meluahkan ketidakpuasan yang kuat, menyeru untuk demonstrasi menentang pemansuhan.<sup>178</sup> Beberapa soal selidik atas hukuman mati telah dijalankan oleh media, dengan peratusan orang yang menentang pemansuhan hukuman mati berubah daripada 45% kepada 82%, menggambarkan polarisasi yang kuat atas pandangan awam berkenaan perkara ini.<sup>179</sup> Penentangan tegas ini untuk pemansuhan tidak dijangka oleh pihak-pihak berkuasa, dan membawa kepada perubahan dasar.

Pada Mac 2019, kerajaan menyatakan bahawa ianya hanya merancang untuk memansuhkan hukuman mati mandatori bagi 11 kesalahan di bawah Kanun Keseksaan dan Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971, memberikan kebebasan kepada mahkamah untuk memutuskan hukuman mati. Tiada pindaan lanjut dibuat kepada Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) yang dijangkakan, walaupun 72% daripada mereka yang dihukum mati telah disabitkan atas alasan ini pada

177 *New Straits Times*, “*Despite Pleas, Malaysian Prabu Pathmanathan Executed in Singapore*”, 2018, boleh didapati di: <https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2018/10/425084/despite-pleas-malaysian-prabu-pathmanathan-executed-singapore> (kunjungan terakhir pada Februari 18, 2020).

178 *The Star Online*, “*Ummah Threatens to March if Govt Goes Ahead with Death Penalty Abolition*”, 2019, boleh didapati di: <https://www.thestar.com.my/news/nation/2019/02/12/ummah-threatens-to-march-if-govt-goes-ahead-with-death-penalty-abolition> (kunjungan terakhir pada Mac 05, 2020).

179 *The Star Online*, “*45% Against Total Abolition of Death Penalty*”, 2018, boleh didapati di: <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/10/13/45-against-total-abolition-of-death-penalty> (kunjungan terakhir pada Mac 05, 2020); 2018, boleh didapati di: <https://www.nst.com.my/news/nation/2018/10/420315/online-poll-reveals-majority-netizens-opposed-death-penalty-abolition> (kunjungan terakhir pada Mac 05, 2020).



2018 semata-mata.<sup>180</sup> Menurut pemerhati-pemerhati, pembalikan komitmen-komitmen adalah disebabkan tekanan daripada parti pembangkang, khususnya MCA.<sup>181</sup> Organisasi-organisasi hak-hak asasi manusia meluahkan kekecewaan mereka yang mendalam.<sup>182</sup> Satu Jawatankuasa Khas Kajian Hukuman Gantian kepada Hukuman Mati Mandatori telah ditubuhkan dan telah menghantar laporannya, tetapi kesimpulannya masih belum lagi dibuka kepada orang awam pada ketika laporan ini ditulis.

Pada Februari 2020, gabungan Pakatan Harapan runtuh, diperlemahkan oleh pergelutan dan kontroversi dalaman. Peletakan jawatan oleh Perdana Menteri Mahathir Mohamed secara mendadak adalah mengejutkan. Pada Mac 2020, pencalonan Muhyiddin Yassin, seorang nasionalis Melayu yang disokong oleh UMNO, mencipta ketidaktentuan yang belum pernah berlaku mengenai pembaharuan-pembaharuan yang dimulakan oleh kerajaan terdahulu, secara khususnya berkenaan pemansuhan hukuman mati.

Kes-kes hukuman mati terus diturunkan. Pada 2018 semata-mata, angka rasmi menunjukkan bahawa 190 orang telah dikenakan hukuman mati dalam tahun tersebut, termasuklah 136 untuk kesalahan-kesalahan berkaitan dadah (72%), 48 untuk pembunuhan (25%), 3 untuk kesalahan-kesalahan senjata api (2%) dan 3 untuk menculik dan membunuh (2%).<sup>183</sup>

---

180 Amnesti Antarabangsa, *op. cit.*, 2019, m/s 23.

181 SUARAM, *Human Rights Report 2018: Civil and Political Rights*, 2019, m/s 132.

182 *The Star Online*, "Pakatan's Human Rights Reforms a 'profound disappointment', Says Human Rights Watch", 2019, boleh didapati di: <https://www.thestar.com.my/news/nation/2019/05/08/pakatan-human-rights-reforms-a-profound-disappointment-says-human-rights-watch> (kunjungan terakhir pada Januari 20, 2020).

183 Amnesti Antarabangsa, *op. cit.*, 2019, m/s 23.

# PERJALANAN YANG PANJANG MELALUI SISTEM KEADILAN JENAYAH



Di antara masa penahanan untuk jenayah hukuman mati dan sementara menunggu untuk keputusan permohonan pengampunan, orang yang dijatuhkan hukuman mati menjalani suatu proses yang panjang melalui sistem keadilan jenayah. Penyelidikan yang dijalankan dalam beberapa tahun ini dan temu bual-temu bual telah menunjukkan bahawa setiap langkah-langkah ini berkemungkinan untuk mengakibatkan kegagalan keadilan. Lebih-lebih lagi, tempoh masa untuk proses ini, secara khususnya masa yang diambil untuk menunggu respons kepada permohonan pengampunan, yang mana boleh mengambil masa melebihi 10 tahun, adalah amat mencabar.

## SUATU SISTEM KEADILAN JENAYAH YANG TIDAK SEMPURNA

Prosedur jenayah Malaysia untuk kes-kes kapital mempunyai empat fasa utama: penangkapan, reman, perbicaraan – yang mana mungkin merangkumi tiga peringkat prosedur – dan proses pengampunan.

**Rajah 5:** Fasa utama sistem keadilan jenayah



### Fasa-fasa penangkapan dan reman

Menurut Perlembagaan dan undang-undang Malaysia, orang yang ditangkap dalam negara mempunyai beberapa hak, seperti hak untuk dimaklumkan secepat mungkin alasan penangkapan mereka, hak untuk berunding dan dibela oleh peguam pilihannya,<sup>184</sup> atau hak untuk berkomunikasi dengan saudara atau kawan untuk memaklumkan lokasi semasa mereka.<sup>185</sup> Meskipun dengan rangka undang-undang tersebut, organisasi-organisasi hak-hak asasi manusia telah berulang kali mendedahkan penyekatan kritikal terhadap akses kepada peguam, yang mana menghalang orang yang ditangkap

184 Perlembagaan Persekutuan, Seksyen 5(3); Kanun Prosedur Jenayah, Seksyen 28(A).

185 Kanun Prosedur Jenayah, Seksyen 28(A).

bagi jenayah-jenayah hukuman mati daripada menerima bantuan perundangan yang berkualiti sebelum tuduhan-tuduhan dibuat.<sup>186</sup> Situasi bagi warga asing ataupun warganegara Malaysia yang tidak boleh bertutur dalam Bahasa Malaysia juga adalah membimbangkan: kadang kala mereka tidak menerima interpretasi profesional semasa penyiasatan, dan temu bual-temu bual merupakan asas kepada keseluruhan proses jenayah yang seterusnya.<sup>187</sup>

Menurut undang-undang, pihak polis boleh menahan seseorang dalam jagaan tanpa waran sehingga 24 jam untuk menyempurnakan siasatan,<sup>188</sup> tetapi fasa reman ini boleh dilanjutkan kepada tujuh hari, boleh diperbaharui sekali jika kesalahan tersebut boleh dihukum dengan hukuman penjara selama empat belas tahun atau lebih, termasuklah dalam kes-kes hukuman mati.<sup>189</sup> Pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan melaporkan bahawa tempoh ini secara hakikatnya boleh menjadi lebih lama daripada apa yang diperuntukkan oleh undang-undang, disebabkan oleh amalan “Reman Berantai”, di mana pihak polis menangkap semula seseorang bagi kesalahan yang berbeza atau serupa apabila tamatnya perintah reman.<sup>190</sup> Beberapa kes-kes kezaliman pihak polis telah dilaporkan semasa tempoh penahanan ini. Menurut pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan Malaysia, Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), bilangan orang yang telah diseksa atau dilayan dengan teruk dan yang mati dalam penjagaan polis adalah agak tinggi. Di antara 2014 dan 2018, 59 orang telah mati semasa tahanan polis.<sup>191</sup>

### Prosiding dalam mahkamah

Terdapat tiga peringkat-peringkat untuk mahkamah di Malaysia. Pada peringkat pertama, sementara beberapa mahkamah mempunyai bidang kuasa terhadap kes-kes jenayah, hanya Mahkamah Tinggi sahaja yang mempunyai bidang kuasa untuk menjatuhkan hukuman

186 Amnesti Antarabangsa, *op. cit.*, 2019, m/s 30. Lihat juga ADPAN, ECPM, *The Advocates for Human Rights*, MADPET, Dewan Perhimpunan Cina KL dan Selangor, Pengurangan Kemudaratan Antarabangsa dan Gabungan Menentang Hukuman Mati Sedunia, *Malaysia – 31st session of the working group on the Universal Periodic Review*, 2018, m/s 7.

187 *Ibid.*, m/s 7.

188 Kanun Prosedur Jenayah, Seksyen 28(3).

189 Kanun Prosedur Jenayah, Seksyen 117(2)(b).


190 Lihat sebagai contoh, SUARAM, *Malaysia: Human Rights Report 2017 Overview*, 2017, m/s 14. Lihat juga Amnesti Antarabangsa, *op. cit.*, 2019, m/s 30.

191 SUARAM, *op. cit.*, 2019, m/s 18: 18 orang mati di bawah penahanan polis pada 2014, 12 pada 2015, 15 pada 2016, 10 pada 2017 dan 4 pada 2018. Angka-angka ini tidak merangkumi angka-angka kematian dalam pusat imigrasi atau penjara.

mati.<sup>192</sup> Mahkamah Rayuan (peringkat kedua) mendengar kes-kes rayuan daripada Mahkamah Tinggi. Mahkamah Persekutuan (peringkat ketiga) mendengar kes-kes rayuan daripada Mahkamah Rayuan. Di Malaysia, hukuman mati boleh dikenakan pada mana-mana peringkat dalam prosiding jenayah: Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan. Adalah biasa bagi hukuman mati untuk dijatuhkan oleh Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan, walaupun seseorang itu telah dibebaskan mahkamah yang lebih rendah.

Peruntukan terperinci mengenai prosedur-prosedur rayuan dan pelaksanaan hukuman mati adalah terkandung di Seksyen 281 Kanun Prosedur Jenayah Malaysia.

**Rajah 6:** Peringkat-peringkat prosiding mahkamah dalam kes-kes hukuman mati



Terdapat beberapa laporan terkini ini yang telah menunjukkan banyak kekurangan terhadap hak untuk percakapan adil di mahkamah-mahkamah jenayah di Malaysia. Adalah didapati bahawa perwakilan undang-undang adalah berkualiti rendah. Tambahan pula, sementara pemerasan pengakuan adalah kesalahan

<sup>192</sup> Dalam perkara jenayah, peringkat pertama dibahagikan di antara Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen (yang mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan semua kesalahan jenayah kecual yang boleh dihukum mati) dan Mahkamah Majistret (bagi kesalahan yang lebih kecil). Untuk bidang kuasa Mahkamah Tinggi, lihat Akta Mahkamah Kehakiman 1964, Seksyen 22.

jenayah yang boleh dihukum dengan hukuman penjara dan denda, pengakuan atau pernyataan paksaan adalah digunakan dengan kerap dalam kes-kes pendedaran dadah oleh pendakwa raya untuk memperkuatkan keterangan mereka terhadap defendan-defendan.<sup>193</sup> Tambahan pula, anggapan kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya dan Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat)<sup>194</sup> adalah bercanggah secara langsung dengan prinsip asas anggapan ketakbersalahan, yang merupakan salah satu asas untuk keadilan jenayah. Perkara 11(1) Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejangat memperuntukkan: “Semua orang yang dituduh dengan kesalahan keseksaan mempunyai hak untuk dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah menurut undang-undang dalam percakapan awam di mana beliau mempunyai kesemua jaminan yang diperlukan untuk pembelaannya” Di Malaysia, orang telah dikenakan hukuman mati hanya sebab mereka gagal untuk membuktikan bahawa mereka adalah tidak bersalah.<sup>195</sup>

Kekurangan proses yang sewajarnya di Malaysia adalah bercanggah dengan Perlindungan PBB 1984 yang memperuntukkan bahawa “Hukuman mati hanya boleh dikenakan apabila kesalahan orang yang dituduh adalah berdasarkan keterangan yang jelas dan menyakinkan yang tidak meninggalkan sebarang ruang untuk penjelasan alternatif kepada fakta-fakta”.<sup>196</sup> Dalam suatu sistem undang-undang di mana seseorang dianggap bersalah dalam melakukan suatu kesalahan yang membawa hukuman mati, yang boleh dipaksa untuk membuat pengakuan dan tidak selalunya diwakili oleh peguam yang berkualiti, sememang terdapatnya risiko ketara bahawa orang yang tidak bersalah akan dihukum mati, dan suatu keberangkalian yang tinggi

<sup>193</sup> Amnesty Antarabangsa, *op. cit.*, 2019, m/s 30. Berkenaan hukuman-hukuman yang terpakai kepada pemerasan paksa, lihat Kanun Keseksaan, Seksyen-seksyen 330 (Pemerasan pengakuan dengan menyebabkan kecederaan secara niat), 331 (Pemerasan pengakuan dengan menyebabkan kecederaan teruk dengan niat) dan 348 (penahanan secara salah untuk pemerasan pengakuan).

<sup>194</sup> Bercanggah dengan Akta Dadah Berbahaya, yang memperuntukkan anggapan bersalah dalam kes-kes hukuman mati, Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) memperuntukkan anggapan bersalah dalam kes-kes pemilikan senjata api-api secara menyalahi undang-undang, tetapi kesalahan ini tidak membawa hukuman mati. Lihat Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat), Seksyen 9.

<sup>195</sup> Lihat sebagai contoh ADPAN, *Malaysia: Reza Mohammed Shah Bin Ahmed Shah*, 2011; *The Advocates for Human Rights and Harm Reduction International, Report to the 17th Session of the Working Group on the Universal Periodic Review*, United Human Rights Council, 2013, perenggan 15.

<sup>196</sup> Perlindungan Hukuman Mati PBB No. 4 Lihat, antara lain, beberapa laporan-laporan Amnesty Antarabangsa atas kes-kes hukuman mati; Chee Han L., Chow Ying N., Arivananthan, H., *op. cit.*, 2018.

perbuatan salah yang tidak boleh dikembalikan semula. Seperti yang dinyatakan oleh peguam Malaysia yang ditemu bual: “Bagaimana anda boleh membawa kembali orang yang telah mati?”

### **Kekurangan informasi atas proses pengampunan**

*“It is all in limbo”*

*Peguam, yang bercakap berkenaan satu kes yang sedang menunggu keputusan permohonan pengampunan.*

Suatu permohonan untuk pengampunan adalah pilihan terakhir bagi seseorang yang dikenakan hukuman mati. Jika prosiding-prosiding ini berjaya, hukuman mereka boleh diringkankan menjadi hukuman penjara, suatu pengampunan sepenuhnya atau diberikan penggantungan pelaksanaan hukuman mati sementara.<sup>197</sup> Kuasa untuk memberi pengampunan adalah dilaksanakan, atas nasihat Lembaga Pengampunan,<sup>198</sup> oleh Raja Malaysia (Yang di-Pertuan Agong) dalam kes-kes persekutuan dan keselamatan, dan oleh pemerintah-pemerintah Negeri dalam kes-kes lain.<sup>199</sup> Sementara Perkara 42 Perlembagaan dan Seksyen-seksyen 300 dan 301 Kanun Prosedur Jenayah Malaysia memberikan beberapa informasi berkenaan komposisi Lembaga Pengampunan dan kuasa untuk tunda atau menggantikan hukuman-hukuman, proses pengampunan adalah amat legap. Tiada undang-undang atau peraturan-peraturan yang menghuraikan prosedur permohonan pengampunan atau kriteria-kriteria yang digunakan dalam prosedur tersebut. Sesetengah keluarga-keluarga menjelaskan bahawa mereka tiada pengetahuan bahawa mereka mempunyai kaedah yang terakhir ini. Mohamed, yang mempunyai abang yang sedang menunggu pelaksanaan hukuman mati selama 20 tahun, baru sahaja mengetahui bahawa kaedah ini wujud, selepas dimaklumkan oleh satu pertubuhan

197 Pascoe D., *op. cit.*, m/s 134; dan Kanun Prosedur Jenayah, Seksyen-seksyen 281(C) dan 281(D).

198 Perkara 42 Perlembagaan memperuntukkan: “Yang di-Pertuan Agong berkuasa memberi ampun, tunda hukum dan lega hukum berkenaan dengan segala kesalahan yang telah dibicarakan oleh mahkamah tentera dan segala kesalahan yang dilakukan di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya; dan Raja atau Yang di-Pertua Negeri sesuatu Negeri berkuasa memberi ampun, tunda hukum dan lega hukum berkenaan dengan segala kesalahan lain yang dilakukan dalam Negerinya.”

199 Ada sembilan Negeri-negeri lain dengan pemerintah-pemerintah turun temurun (Sultan-sultan Negeri, atau Yang di-Pertuan Besar). Ada empat Negeri-negeri yang tidak mempunyai pemerintah-pemerintah. Dalam Negeri-negeri ini, pengampunan dilaksanakan oleh gabenor-gabenor Negeri yang dilantik (Yang di-Pertua Negeri). Lihat Pascoe D., *op. cit.*, 2019, m/s 133.

bukan kerajaan. Anna, isteri kepada seorang lelaki yang dijatuhkan hukuman mati pada 10 tahun yang lalu, juga baru-baru ini dimaklumkan berkenaan hak untuk memohon pengampunan oleh satu pertubuhan bukan kerajaan. Beliau menjelaskan bahawa beliau telah hilang arah dalam proses tersebut: “Prosesnya adalah tidak jelas. Tiada prosedur atau garis panduan untuk dirujuk”. Undang-undang juga tidak memperuntukkan hak kepada peguam dalam prosedur pengampunan. Tambahan lagi, tiada had masa statutori bagi pendengaran permohonan pengampunan: Peguam Negara meminta pertemuan dengan raja atau gabenor sebelum suatu mesyuarat Lembaga Pengampunan dimulakan, tetapi ianya adalah raja atau gabenor yang memutuskan sama ada dan bila mesyuarat tersebut akan dijalankan. Ianya boleh mengambil masa beberapa tahun bagi Lembaga Pengampunan untuk bertemu, walaupun dalam tahun-tahun kebelakangan ini Lembaga Pengampunan telah bermesyuarat dengan lebih kerap.<sup>200</sup>

Apabila permohonan dihantar, tiada informasi akan diberikan kepada banduan-banduan atau keluarga mereka sehingga keputusan diketahui. Sesetengah orang pun tidak pasti sama ada petisyen pengampunan tersebut telah diterima. Amirah, kawan kepada seseorang yang ditahan bagi penggunaan dadah, berkata: “Saya telah menghantar dokumen-dokumen berkaitan dengan petisyen pengampunan tersebut kepada Kementerian Dalam Negeri. Mereka menyatakan bahawa mereka akan mengemukakan kepada Lembaga Pengampunan. Tetapi apabila saya pergi sana dan periksa, Lembaga menyatakan bahawa mereka belum menerima apa-apa daripada Kementerian.” Michelle, seorang warga asing daripada China, telah ditangkap pada 2010 dan rayuan terakhirnya telah dimuktamadkan pada 2015. Beliau menfailkan permohonan pengampunan sendiri, selepas rayuannya: “Saya tidak boleh menulis dalam bahasa mereka, jadi saya menulis petisyen saya dalam bahasa cina. Saya tidak tahu apa yang terjadi kepada petisyen saya.”

Pada 2018, Jabatan Penjara melaporkan bahawa 165 orang dijatuhkan hukuman mati di antara 2007 dan 2017 telah dikurangkan hukuman oleh Lembaga Pengampunan daripada pelbagai Negeri.<sup>201</sup> Ini adalah kadar pengampunan yang agak tinggi. Pascoe menganggarkan bahawa 55-63% kes-kes hukuman mati yang dimuktamadkan telah

200 *Ibid.*, m/s 153-154.

201 *The Star Online*, “165 on Death Row Escaped the Gallows From 2007 to 2017”, 2018, boleh didapati di: <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/06/28/165-on-death-row-escaped-the-gallows-from-2007-to-2017/> (kunjungan terakhir pada Februari 10, 2020).

diberikan pengampunan di antara 1991 dan 2016.<sup>202</sup> Berdasarkan kajian beliau, beliau menjelaskan bahawa kebanyakan pengampunan “*Berkemungkinan adalah berdasarkan tingkah laku baik, ketakwaan keagamaan, dan penyesalan nyata sepanjang tempoh lama yang dihabiskan untuk menunggu pelaksanaan human mati.*”<sup>203</sup> Pascoe menyatakan bahawa penangguhan lama dalam menunggu pelaksanaan hukuman mati berkemungkinan telah digunakan oleh pihak-pihak berkuasa sebagai justifikasi untuk memberikan pengampunan, kerana ianya boleh menambah penyesalan dan perubahan sikap banduan-banduan. Walau bagaimanapun, kerahsiaan proses pengampunan mempunyai akibat-akibat yang serius ke atas keadaan mental banduan-banduan dan keluarga mereka, seperti yang akan dibincangkan dalam seksyen yang berikut.

## PENUNGGUAN YANG TIDAK MENENTU: 63 ORANG TELAH MENUNGGU PELAKSANAAN HUKUMAN MATI MELEBIHI 10 TAHUN

“*Saya telah berusia, dan saya tidak mempunyai masa yang banyak untuk hidup. Saya cuma berharap kami boleh mendapat informasi mengenai proses pengampunan*”

– Rina, ibu kepada seorang lelaki yang ditahan sejak 2003

**Rajah 7:** Tempoh proses keadilan jenayah dalam kes-kes kapital



Tempoh masa dalam penjara selalunya adalah “tidak habis-habis”<sup>204</sup> Penahanan sebelum perbicaraan boleh mengambil masa yang agak panjang. Amnesti Antarabangsa menganggarkan bahawa majoriti daripada mereka yang dijatuhkan hukuman mati telah menghabiskan di antara 2 dan 5 tahun dalam penahanan sebelum

202 Pascoe D., *op. cit.*, 2019, m/s 136


203 *Ibid.*, m/s 139.

204 *Ibid.*, m/s 154.

bicara.<sup>205</sup> Sekiranya orang kena tuduh merayu terhadap keputusan tersebut sehingga Mahkamah Persekutuan, masa yang diambil antara sabitan awal dan rayuan akhir boleh mengambil sehingga 10 tahun.<sup>206</sup> Ini disahkan oleh peguam-peguam yang ditemu bual bagi laporan ini. Menurut perbincangan-perbincangan dengan SUHAKAM, ianya adalah umum bagi banduan-banduan hukuman mati untuk menunggu 10 hingga 12 tahun bagi keputusan pengampunan. Oleh itu, jumlah tempoh untuk prosiding-prosiding jenayah dalam kes-kes hukuman mati boleh mengambil masa sehingga 27 tahun.

Tempoh penahanan dalam penjara di bawah hukuman mati boleh mengambil masa yang amat lama. Seperti yang dinyatakan oleh Pascoe, “*Dengan bukan kedua-kedua pembebasan atas rayuan mahupun pengampunan adalah diberikan sekerap yang diperlukan untuk mengurangkan bilangan banduan-banduan hukuman mati, corak kini bagi kebanyakan banduan-banduan terkutuk sekali adalah kelewatan yang tidak menentu.*”<sup>207</sup> Pada 2019, Amnesti Antarabangsa melaporkan bahawa 453 orang dijatuhkan hukuman mati (36% banduan-banduan hukuman mati) telah menghabiskan di antara 6 dan 10 tahun dalam penjara-penjara Malaysia, menunggu pelaksanaan hukuman mati. 49 orang (4%) telah berada dalam penungguan pelaksanaan hukuman mati di antara 11 dan 15 tahun, dan 14 people (1%) melebihi 15 tahun.<sup>208</sup> Satu orang, yang ditahan di penjara Simpang Renggam, telah dijatuhkan hukuman mati pada 1922, 27 tahun pada ketika penerbitan laporan Amnesti Antarabangsa.

**Rajah 8:** % orang yang menunggu pelaksanaan hukuman mati di Malaysia, mengikut tahun hukuman mati (Februari 2019)<sup>209</sup>



205 Amnesti Antarabangsa, *op. cit.*, 2019, m/s 24.

206 SUARAM, *Human Rights Report 2016: Civil and Political Rights*, 2016, m/s 173.

207 Pascoe D., *op. cit.*, 2019, m/s 132.

208 Informasi berdasarkan Amnesti Antarabangsa, *op. cit.*, Annex 2, 2019, m/s 52-56.

209 *Ibid.*

Banduan-banduan, keluarga-keluarga dan institusi-institusi yang ditemu bual menunjukkan bahawa kegelisahan dalam menunggu keputusan pengampunan adalah paling teruk. Ali, yang sedang menunggu pelaksanaan hukuman mati selama 12 tahun, menyatakan: “Menunggu untuk petisyen pengampunan saya berasa seperti digantung tanpa diduga.” Beliau pernah cuba untuk membunuh diri sebanyak dua kali sejak dipenjarakan.<sup>210</sup>

---

210 Lihat maklumat lanjut atas kesihatan mental banduan-banduan hukuman mati *infra*, Sub-Seksyen “Sindrom Penungguan Pelaksanaan Hukuman Mati: Kedukaan psikologi yang keterlaluan bagi orang yang dijatuhkan hukuman mati”.

## TEMU RAMAH DENGAN **ANDREW KHOO**

**Peguam, ahli terpilih Majlis Peguam Malaysia, Pengerusi Bersama Jawatankuasa Undang-Undang Perlembagaan**

### **Apakah peranan Majlis Peguam Malaysia dalam perlawanan terhadap hukuman mati?**

Majlis Peguam Malaysia adalah perbadanan utama peguam-peguam yang beramal di semenanjung Malaysia. Keahlian kami kini adalah lebih kurang 20,000. Salah satu matlamat Badan Peguam Malaysia menurut perundangan penubuhan kami, Akta Profesion Undang-Undang 1976, adalah untuk menegakkan kedaulatan undang-undang dan kausa keadilan, tanpa ketakutan atau pemihakan. Sebagai sebahagian daripada matlamat-matlamat ini, Badan Peguam Malaysia menerangkan undang-undang kepada orang awam, dan untuk men-celah dalam kes-kes dengan ketidakadilan yang nyata. Penjelasan dan pendidikan pada kebiasaannya adalah dalam bentuk kenyataan akhbar, 'op-eds' dan artikel lain yang diterbitkan kedua-dua dalam cetakan dan media dalam talian. Ahli Badan Peguam Malaysia juga telah ditemu bual pada televisyen, radio dan atas talian untuk menyebarkan pandangan kami berkenaan pemansuhan hukuman mati. Campur tangan boleh dalam bentuk secara pengucapan terus, bertulis atau memberikan sokongan kepada kerajaan Malaysia, atau memulakan atau mengambil bahagian dalam prosiding undang-undang di mahkamah-mahkamah Malaysia. Ahli-ahli Badan Peguam Malaysia yang mengamalkan undang-undang jenayah menawarkan diri mereka sebagai kaunsel dalam kes-kes hukuman kapital sebagai sebahagian daripada sistem perwakilan undang-undang yang dikendalikan oleh mahkamah-mahkamah. Badan Peguam Malaysia juga telah berusaha untuk membendung atau menengguhkan pelaksanaan banduan-banduan hukuman mati kedua-dua di Malaysia dan di Singapura, termasuklah dengan membuat rayuan lisan saat akhir kepada kerajaan Malaysia dan juga mengemukakan petisyen kepada Suruhanjaya Tinggi Singapura di Kuala Lumpur.

### **Apakah tindakan-tindakan utama yang diambil oleh Badan Peguam, dan oleh anda secara khususnya?**

Badan Peguam Malaysia telah pada beberapa kejadian sepanjang tahun-tahun lepas menerima pakai resolusi-resolusi di

Mesyuarat-Mesyuarat Agung Tahunan, meminta kerajaan Malaysia untuk memansuhkan secara mutlak hukuman mati. Mereka telah disahkan semula beberapa kali. Selanjut kepada resolusi-resolusi tersebut, Badan Peguam Malaysia telah kedua-duanya menganjurkan dan mengambil bahagian dalam forum-forum awam, seminar dan bengkel-bengkel di mana kedaulatan undang-undang, akses kepada keadilan, pembaharuan undang-undang jenayah dan hukuman mati telah dibincangkan. Badan Peguam Malaysia juga telah membangkitkan isu ini dalam dialog-dialog dan perbincangan-perbincangan dengan kerajaan, kehakiman, polis dan pegawai-pegawai daripada jabatan penjara.

Badan Peguam Malaysia telah berterusan untuk menekankan isu hukuman mati, dan juga hukuman mati mandatori, pada pelbagai mesyuarat-mesyuarat dan persidangan-persidangan hak-hak asasi manusia antarabangsa, termasuklah ketiga-tiga kitaran Semakan Berkala Sejagat Malaysia oleh Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 2008, 2013 dan 2018. Saya adalah pengarang/penyunting ketiga-tiga hujahan bertulis Badan Peguam Malaysia kepada proses Semakan Berkala Sejagat tersebut. Dalam setiap satunya, saya telah menekankan ketidakadilan hukuman mati, selaras dengan pendirian Badan Peguam Malaysia. Saya telah menjadi sebahagian daripada kebanyakan usaha-usaha pertubuhan sivil untuk memansuhkan hukuman mati di Malaysia.

Lebih kebelakangan ini, pada 2017, apabila kerajaan pada ketika itu mencadangkan untuk meminda Akta Dadah Berbahaya 1952 untuk memberikan budi bicara kehakiman dalam mengenakan hukuman mati bagi pengedaran dadah, saya adalah sebahagian daripada wakil peguam-peguam yang memberikan taklimat kepada pembangkang parlimen atas kelemahan cadangan-cadangan kerajaan. Ini menyebabkan kerajaan untuk menarik balik sesetengah peruntukan-peruntukan yang tidak menyenangkan. Pada 2018, selepas kerajaan yang baharu mengambil alih pemerintahan di Malaysia, saya menulis kepada beberapa menteri-menteri kerajaan yang baru tersebut untuk meminta mereka untuk memansuhkan secara mutlak hukuman mati di Malaysia. Ini adalah di atas dan di luar manifesto kerajaan baharu tersebut berjanji untuk memansuhkan sahaja hukuman mati mandatori. Pada 10 Oktober 2018 kerajaan Malaysia bersetuju untuk memansuhkan secara mutlak hukuman mati. Sedihnya, walau bagaimanapun, dalam beberapa bulan keputusan tersebut telah dibalikkan berikutan kepada tekanan politik domestik.



Saya diundang untuk menjadi sebahagian daripada wakil bersama Kesatuan Eropah-United Kingdom yang melawat Taiwan pada Mac 2019 untuk melobi kerajaan Taiwan untuk memansuhkan hukuman mati. Lawatan kami diterima dengan galakkan. Pada Februari 2019 saya diundang untuk berucap di salah satu panel-panel Kongres Dunia Menentang Hukuman Mati Ke-7 di Brussels, Belgium. Pada Oktober 2019, saya kembali kepada Taiwan untuk berucap berkenaan peranan pertubuhan sivil dalam memansuhkan hukuman mati di Sesi Ke-50 *International Federation of Human Rights*. Saya juga telah berucap di pelbagai persidangan-persidangan, mesyuarat-mesyuarat, forum-forum, seminar-seminar dan bengkel-bengkel atas pemansuhan hukuman mati di Belgium, Kanada, Indonesia, Nepal, Switzerland, Thailand dan Amerika Syarikat, dan di Malaysia. Saya telah berucap kepada kerajaan, suruhanjaya hak-hak asasi manusia, agensi-agensi penguatkuasa undang-undang, peguam-peguam dan persatuan undang-undang, pelajar-pelajar universiti dan orang awam. Saya juga telah menghadiri temu bual radio dan media secara atas talian.

**Adakah Badan Peguam Malaysia mempunyai sebarang peranan khusus semasa perundingan pasukan petugas (Task Force)?**

Badan Peguam Malaysia telah diundang untuk mencalonkan satu wakil untuk menjadi ahli pasukan petugas. Saya telah dicalonkan dan kemudiannya dilantik oleh Perdana Menteri. Pasukan petugas tersebut telah menjalankan pelbagai mesyuarat-mesyuarat dewan bandar di seluruh negara, perbincangan-perbincangan kumpulan fokus dan mengundang pandangan dan hujahan bertulis daripada peguam-peguam, para sarjana, organisasi-organisasi pertubuhan sivil dan individu-individu yang mempunyai kepentingan. Kami juga telah menemu ramah banduan-banduan hukuman mati. Pasukan petugas tersebut juga telah menjalankan soal selidik atas talian. Pada akhirnya, pasukan petugas menghasilkan satu laporan dan cadangan yang telah dihantar kepada kerajaan Malaysia pada Februari 2020.

## TEMU RAMAH DENGAN KHAIZAN SHARIZAD BT AB RAZAK (SHERRIE)

**Pembuat Filem dan Peguam**

**Bagaimanakah anda mula mewakili banduan hukuman mati?**

Saya telah membantu rakan kongsi bekas firma guaman saya Amer Hamzah Arshad, yang merupakan kaunsel senior undang-undang jenayah.

**Anda telah mengikuti banduan hukuman mati untuk beberapa tahun. Daripada sudut pandangan anda, bagaimanakah penahanan, terutamanya penahanan yang berpanjangan, mempengaruhi keadaan psikologi mereka?**

Daripada pandangan saya, ia bergantung kepada individu tersebut. Mereka yang saya telah hubungi kekal dengan harapan penuh berkenaan peluang mereka untuk dibebaskan. Ia juga bergantung kepada sokongan keluarga dan kawan-kawan yang diterima mereka sama ada melalui lawatan fizikal ataupun panggilan telefon.

**Adakah perwakilan banduan-banduan yang dijatuhkan hukuman mati mengubah cara perkerjaan anda sebagai peguam?**

Tidak sebenarnya kerana akses kepada keadilan bagi kumpulan yang terpinggir melintasi kesalahan-kesalahan jenayah yang berbeza. Pengetahuan mereka berkenaan hak-hak dan kebolehan mereka untuk diwakili oleh peguam biasanya adalah rintangan yang paling besar. Kebanyakan mereka yang telah saya bekerja dengan adalah daripada kumpulan yang berpendapatan lebih rendah dan kurang pendidikan. Pada ketika mereka ditangkap, apa yang diberitahu kepada mereka oleh polis dan apa sebenarnya hak undang-undang mereka, adalah pada kebiasaannya tidak jelas. Terdapatnya jurang maklumat salah yang besar dan/atau tekanan untuk mengaku suatu jenayah yang mungkin mereka tidak lakukan.

Pengalaman saya dalam membantu orang yang menghadapi hukuman mati adalah lebih mengerikan kerana akibat akhir sekiranya rayuan dan/atau pengampunan tidak dibenarkan merupakan suatu hukuman yang tidak boleh ditarik balik. Ianya adalah pada akhirnya suatu sistem keadilan yang tidak sempurna yang kita usahakan.

**Anda telah mengarahkan bersama satu dokumentari, Menunggu Masa, mengenai seorang lelaki yang telah secara salah dijatuhkan hukuman mati untuk pembunuhan dan berada pada hukuman mati melebihi 15 tahun sekarang. Pesanan apa yang anda ingin sampaikan melalui dokumentari tersebut?**


Kami ingin menekankan kesan hukuman mati. Ianya tidak hanya menjejaskan tertuduh, tetapi juga keluarga dan orang sekelilingnya. Untuk 15 tahun isteri Mainthan, yang mana merupakan suri rumah tangga dengan empat kanak-kanak muda, dikehendaki untuk mencari pekerjaan untuk menjadi pencari nafkah tunggal, bukan hanya sahaja untuk dirinya tetapi dan kanak-kanak beliau tetapi juga untuk menjaga ibubapa Mainthan apabila mereka masih hidup. Kami juga ingin untuk menunjukkan bagaimanakah sokongan dan galakan keluarganya adalah penting kepada beliau dan betapa beliau mengambil berat mengenai kesejahteraan isteri dan anak-anaknya meskipun berada pada hukuman mati (on death row).

Kami ingin menunjukkan bagaimanakah sistem keadilan adalah tidak sempurna dan bahawa meskipun dengan kewujudan kesemua keraguan dalam kes ini, Mainthan masih disabitkan dan sabitan beliau masih dikekalkan pada rayuan beliau kepada Mahkamah Persekutuan, manakala tiga tertuduh bersama yang lain, yang memberikan pembelaan konsisten yang serupa dengan Mainthan, telah dibebaskan oleh Mahkamah Persekutuan.

Kami ingin menekankan bahawa terdapat banyak celah-celah dalam kes tersebut, meskipun dengan kewujudan keterangan baharu. Sebagai contoh, mangsa yang dikatakan di tempat kejadian adalah masih hidup: beliau membentangkan diri beliau di Mahkamah Persekutuan semasa permohonan semakan, Mahkamah Persekutuan menolak permohonan semakan tersebut.

Pada peringkat ini, Mainthan telah melupuskan kesemua peringkat undang-undang dan pilihan akhirnya untuk mengelak penggantungan (escape the gallows) adalah keputusan lembaga pengampunan, yang kini sedang ditunggu.

# KEADAAN-KEADAAN PENAHANAN ORANG YANG DIHUKUM MATI YANG AMAT KEKURANGAN



“Semua banduan-banduan hendaklah dilayan dengan hormat sebagai seorang manusia dengan maruah dan nilai. Tiada banduan yang harus tertakluk kepada, dan semua banduan-banduan harus dilindungi daripada, penyeksaan dan layanan atau hukuman lain yang zalim, tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah, yang mana tiada apa jua keadaan yang boleh digunakan sebagai justifikasi”

– Peraturan 1, Peraturan Minimum Standard PBB bagi Layanan terhadap Tahanan (juga dikenali sebagai “Peraturan Nelson Mandela”)

Perlembagaan Malaysia tidak melarang penyeksaan atau layanan atau hukuman yang zalim, tidak berperikemanusiaan dan menjatuhkan maruah. Malaysia masih belum meratifikasikan Konvensyen Menentang Penyeksaan mahupun Protokol Pilihan kepada Konvensyen Menentang Penyeksaan (OPCAT), yang mewajibkan Negara-negara untuk menubuhkan suatu Mekanisme Pencegahan Nasional (NPM) yang bebas untuk meninjau tempat-tempat di mana orang dilucutkan dengan kebebasan mereka.<sup>211</sup> NPM adalah satu alat yang penting dalam pencegahan penyeksaan dan layanan buruk dalam penjara-penjara, kerana ianya “keeps an outside eye” terhadap keadaan-keadaan penjara dan membekalkan cadangan-cadangan awam. Setakat kini, tiada NPM yang ditubuhkan di Malaysia, dan hanya SUHAKAM dan ICRC yang diberikan kuasa untuk meninjau keadaan-keadaan penahanan, bergantung kepada kes-kes tertentu.<sup>212</sup>

## TEMPAT-TEMPAT TAHANAN ORANG-ORANG YANG DIJATUHKAN HUKUMAN MATI DI MALAYSIA

Situasi orang-orang yang dijatuhkan hukuman mati adalah tertakluk kepada Peraturan Penjara 2000.<sup>213</sup> Walaupun banduan-banduan hukuman mati boleh ditempatkan dalam penjara yang sama dengan banduan-banduan yang lain, mereka tinggal di blok yang berasingan dan dalam sel individu. Banduan-banduan hukuman mati adalah

211 Larangan penyeksaan adalah, walau bagaimanapun, suatu norma undang-undang adat antarabangsa yang terpakai walau sekiranya negara-negara tidak meratifikasikan Konvensyen tersebut. Lihat *International Criminal Tribunal for the Former Yugoslavia* (2018), *The Prosecutor v. Anto Furundzija*, No. Kes IT-95-17/1-T.

212 United States Department of State – Bureau of Democracy, Human Rights and Labor, *op. cit.*, 2019.

213 Peraturan Penjara 2000, P.U.(A) 325/2000.

dibahagikan kepada 26 penjara-penjara di Malaysia, kebanyakannya adalah terletak di semenanjung.<sup>214</sup> Seseengah penjara-penjara menempatkan melebihi 100 orang yang dijatuhkan hukuman mati. Sebagai contoh, penjara lelaki Kajang menempatkan melebihi 240 orang yang dijatuhkan hukuman mati.<sup>215</sup> Wanita adalah ditahan di sembilan institusi. Menurut data 2019 Amnesti Antarabangsa, orang yang dijatuhkan hukuman mati ditempatkan di penjara-penjara berikut:<sup>216</sup>

**Jadual 3:** Penjara-penjara yang menempatkan banduan-banduan yang sedang menunggu pelaksanaan hukuman mati (Februari 2019, Amnesti Antarabangsa)

Penjara	Banduan-banduan lelaki	Banduan-banduan perempuan	Penjara	Banduan-banduan lelaki	Banduan-banduan perempuan
<b>Peninsular Malaysia</b>			<b>East Malaysia</b>		
Kajang	243	34	Kota Kinabalu	36	3
Tapah	71	50	Puncak Borneo	28	4
Simpang Renggam	100	0	Sandakan	30	0
Pokok Sena	71	22	Limbang	12	0
Kluang	86	0	Sibu	10	1
Seberang Perai	72	11	Miri	8	0
Sungai Buloh	56	0	Tawau	7	0
Pengkalan Chepa	48	7	Labuan	3	0
Bentong	50	0			
Taiping	48	0			
Sungai Udang	36	9			
Perlis	34	0			
Marang	29	0			
Alor Setar	27	0			
Johor Bahru	23	0			
Pulau Pinang	12	0			

214 89% banduan-banduan hukuman mati ditempatkan di penjara-penjara di semenanjung Malaysia. Amnesti Antarabangsa, *op. cit.*, 2019, m/s 18.

215 *Ibid.*, m/s 18.

216 *Ibid.*, Lampiran 2.

## BANDUAN-BANDUAN ATAS HUKUMAN MATI, TIADA PEMBAHARUAN PENJARA

Keadaan-keadaan penahanan banduan-banduan – untuk kedua-dua banduan-banduan yang menunggu pelaksanaan hukuman mati dan banduan-banduan biasa – adalah dianggap secara meluas sebagai kasar (*harsh*) di Malaysia.<sup>217</sup> Dalam laporan tahunan SUHAKAM 2018, Pengerusi Tan Sri Razali Ismail menulis: “Keadaan-keadaan tahanan tidak sepatutnya menjadi suatu hukuman tambahan, dan saya meratap keadaan yang menyedihkan sesetengah penjara-penjara dan pusat-pusat tahanan kami yang melanggar beberapa piawai-piawai PBB”<sup>218</sup> Penjara yang terlampau penuh telah dilaporkan secara meluas, khususnya yang dekat dengan bandar utama: 20 daripada 37 penjara-penjara dilaporkan adalah terlampau penuh oleh kerajaan.<sup>219</sup> Populasi penjara meningkat tiga kali ganda di antara 2002 dan 2019, kebanyakan adalah akibat dasar anti dadah.<sup>220</sup> Menurut kerajaan, 56% daripada jumlah populasi penjara adalah dipenjarakan bagi kesalahan-kesalahan dadah.<sup>221</sup> Setakat Disember 2019, kadar keseluruhan penghunian penjara adalah 142%: sementara kapasiti rasmi sistem penjara adalah 52,000, jumlah populasi penjara adalah 74,000.<sup>222</sup>

Penahanan seseorang adalah amat mahal bagi Negara Malaysia: kos sehari bagi seorang banduan adalah dalam lingkungan di antara 38 hingga 41 ringgit (bersamaan dengan 8.46 hingga 9.13 euro), termasuklah kos-kos untuk kemudahan dan gaji pegawai-pegawai

217 Jabatan Negara Amerika Syarikat – Biro Demokrasi, Hak Asasi dan Buruh, *op. cit.*, 2019.

218 SUHAKAM, Laporan Tahunan 2018 – Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, 2019, m/s ix.

219 Jabatan Negara Amerika Syarikat – Biro Demokrasi, Hak Asasi dan Buruh, *op. cit.*, 2019.

220 Menurut Kajian Penjara 28,804 orang ditahan dalam penjara pada 2002, lawan 74,000 pada Disember 2019. *Prison Studies, World Prison Brief: Malaysia, 2019*, boleh didapati di: <https://www.prisonstudies.org/country/malaysia> (kunjungan terakhir pada Januari 23, 2020).

221 *Malay Mail*, “Minister: Putrajaya Aims to Reduce Prison Population, not Build more Jails”, 2019, boleh didapati di: <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2019/03/09/minister-putrajaya-aims-to-reduce-prison-population-not-build-more-jails/1730804> (kunjungan terakhir pada 24, 2020). Majlis Hak Asasi Manusia PBB, *Summary of Stakeholders’ submissions on Malaysia, Report of the Office of the United Nations High Commissioner for Human Rights [A/HRC/WG.6/31/MYS/3]*, 2018, perenggan 50.

222 *Malay Mail*, “Profit-Driven Private Prisons not the Solution to Overcrowding in Malaysian Prisons, Say Rights Groups and MPs”, 2019, boleh didapati di: <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2019/12/10/profit-driven-private-prisons-not-the-solution-to-overcrowding-in-malaysian/1817673> (kunjungan terakhir pada Januari 23, 2020).

penjara.<sup>223</sup> Dengan kekurangan sumber kewangan yang mencukupi, Negara tidak dapat memenuhi keperluan banduan-banduan. Situasi yang terlampau penuh adalah masalah yang besar untuk diselesaikan, kerana ianya mempunyai kesan atas kesemua aspek lain kehidupan dalam penjara, seperti infrastruktur, kebersihan, kualiti dan kuantiti makanan, atau akses kepada penjagaan kesihatan. Menurut SUHAKAM, lebih daripada 800 orang telah mati di dalam penjara di antara 2015 dan 2017: 319 orang mati di dalam penjara pada 2017, 269 pada 2016 dan 252 pada 2015.<sup>224</sup> Pada 2017, satu petisyen telah difailkan oleh banduan-banduan yang ditahan di penjara Sungai Buloh, mengadu mengenai makanan dan air yang tercemar, penyebaran meluas penyakit dan kekurangan rawatan perubatan.<sup>225</sup> Penjara ini menempatkan lebih daripada 50 orang yang dijatuhkan hukuman mati.<sup>226</sup>

Pihak-pihak berkuasa adalah sedia maklum dengan kesukaran-kesukaran ini dan telah memulakan pembaharuan pada 2019 yang bertujuan untuk menambah baik keadaan di dalam penjara. Walau bagaimanapun, keutamaan pembaharuan tersebut adalah untuk mengurangkan situasi yang terlampau penuh.<sup>227</sup> Orang-orang yang dijatuhkan hukuman mati oleh itu adalah tidak dianggap sebagai keutamaan dalam pembaharuan tersebut, memandangkan bahawa mereka tinggal di dalam sel-sel yang berasingan.<sup>228</sup> Sementara

223 *Malay Mail*, “Profit-Driven Private Prisons not the Solution to Overcrowding in Malaysian Prisons, Say Rights Groups and MPs”, 2019, boleh didapati di: <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2019/12/10/profit-driven-private-prisons-not-the-solution-to-overcrowding-in-malaysian/1817673> (kunjungan terakhir pada Januari 23, 2020).

224 SUHAKAM, Laporan tahunan 2017 – Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, 2018, m/s 81.

225 Jabatan Negara Amerika Syarikat – Biro Demokrasi, Hak Asasi Manusia dan Buruh, *op. cit.*, 2019.

226 Setakat Februari 2019, penjara Sungai Buloh menampung 56 orang yang dijatuhkan hukuman mati. Amnesti Antarabangsa, *op. cit.*, 2019, m/s 18.

227 Pada Disember 2019, Timbalan Menteri Dalam Negeri sebagai contoh mengarahkan Jabatan Penjara untuk memulakan kajian kebolehlaksanaan untuk memperkenalkan penjara-penjara yang didorong oleh keuntungan untuk kesalahan-kesalahan kecil dalam negara. Inisiatif ini membangkitkan kebimbangan serius daripada CSOs dan ahli-ahli Parlimen. *Malay Mail*, “Profit-Driven Private Prisons not the Solution to Overcrowding in Malaysian Prisons, Say Rights Groups and MPs”, 2019, boleh didapati di: <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2019/12/10/profit-driven-private-prisons-not-the-solution-to-overcrowding-in-malaysian/1817673> (kunjungan terakhir pada Januari 23, 2020).

228 Menurut SUHAKAM, tiga kumpulan utama disasarkan untuk pembaharuan tersebut: banduan-banduan reman yang tidak dapat membayar wang jaminan; pengguna-pengguna dadah; dan orang yang ditahan bagi kesalahan-kesalahan imigresen. Temu bual dengan wakil-wakil SUHAKAM, Februari 2020. Lihat *infra*, Sub-Seksyen “Kegunaan kurungan bersendirian bagi banduan-banduan hukuman mati”.

pembaharuan menyasar untuk menambah baik sesetengah aspek-aspek keadaan kehidupan kesemua tahanan, termasuklah mereka yang sedang menunggu pelaksanaan hukuman mati (nutrisi, akses kepada ubat, sumber perubatan dan sebagainya), pembaharuan tersebut tidak termasuk sebarang peruntukkan khas untuk menjadikan keadaan-keadaan banduan-banduan hukuman mati lebih mudah diterima.

Lelaki dan wanita yang sedang menunggu pelaksanaan hukuman mati dikelaskan sebagai banduan-banduan berisiko tinggi atas alasan hukuman mati mereka. Mereka ditahan dalam keadaan-keadaan yang sama, tanpa mengira keperibadian, tingkah laku, umur atau keadaan mental mereka. Bagi Jabatan Penjara, lelaki dan perempuan yang dijatuhkan hukuman mati dianggap sebagai kumpulan homogen. Oleh itu, orang-orang yang pernah cuba membunuh diri, mereka yang berkelakuan ganas terhadap banduan-banduan atau pegawai-pegawai, mereka yang pernah cuba melarikan diri daripada penjara, orang-orang berumur 21 atau 60: kesemuanya adalah dilayan dengan sama rata sehingga hukuman-hukuman mereka dibatalkan, diampunkan atau dilaksanakan. Isu ini telah dibangkitkan di bengkel pembaharuan penjara pada September 2019 dengan pertubuhan masyarakat sivil. Walau bagaimanapun, setakat kini, ianya kelihatan masih belum diambil kira oleh pihak-pihak berkuasa.

## KEGUNAAN KURUNGAN BERSENDIRIAN BAGI BANDUAN-BANDUAN HUKUMAN MATI

*“Tiada perhubungan manusia di sini. Ianya amat sukar”*

— Michelle, dijatuhkan hukuman mati pada 2015

Peraturan Penjara 2000 memperuntukkan layanan yang tegas terhadap banduan-banduan hukuman mati, termasuklah akses yang terhad kepada pelawat-pelawat luar dan aktiviti-aktiviti rekreasi.

### Penahanan dalam sel-sel individu untuk 23 jam setiap hari

Dalam semua penjara-penjara, banduan-banduan hukuman mati ditempatkan dalam kuarters yang berasingan daripada banduan-banduan lain. Sel mestilah dikunci pada setiap masa, menurut Peraturan Penjara 176(4): *“Sel atau bilik itu tidak boleh tidak berkunci kecuali di bawah penyeliaan pegawai penjara dan ia hendaklah*

*diperiksa dengan menyeluruh dan digeledah setiap hari semasa dihuni oleh banduan hukuman mati.”* Sel-sel mereka adalah di bawah pengawasan kerap, seperti yang diperuntukkan dalam Peraturan Penjara 176(2): *“Seseorang banduan yang dijatuhi hukuman mati hendaklah dikurung dalam sel berasingan yang diasingkan daripada semua banduan lain dan diletakkan di bawah penyeliaan berterusan pegawai penjara pada waktu siang dan malam.”* Kekurangan privasi ini terpakai kepada seluruh sel, termasuklah kemudahan-kemudahan kebersihan. Tandas-tandas terletak di dalam sel-sel dan diletakkan agar boleh dilihat daripada luar sel, membenarkan ketiadaan privasi untuk banduan-banduan.<sup>229</sup>

Menurut orang-orang yang dijatuhkan hukuman mati dan SUHAKAM, banduan-banduan hukuman mati menghabiskan 23 jam setiap hari dalam sel-sel individu mereka yang dikunci. Di sana, lelaki dan wanita yang dijatuhkan hukuman mati hampir tiada apa-apa untuk dibuat, sepanjang hari, setiap hari. Ali, yang sedang menunggu pelaksanaan hukuman mati selama 12 tahun, menyatakan: *“Untuk 23 jam, kita berada dalam sel kita sendiri dan kita membuat aktiviti sendiri. Kita boleh membaca, bersembayang atau mendengar muzik”.* Sememangnya, berbeza dengan banduan-banduan yang tidak dijatuhkan hukuman mati, banduan-banduan hukuman mati secara umumnya dibenarkan untuk menyimpan buku, satu pemain MP3 dan/atau alatan sembahyang.

Walaupun bagaimanapun, mereka yang dijatuhkan hukuman mati adalah dilarang bekerja *“However, those sentenced to death are prohibited from working”* *“Kecuali bagi menjaga diri dan pakaiannya dalam keadaan yang elok dan tempat yang dia dikurung itu bersih”*.<sup>230</sup> Sebagai tambahan, mereka tidak mempunyai akses kepada pendidikan atau program-program pemulihan. Ianya harus diingati bahawa kebanyakan mereka adalah muda: 397 daripada mereka yang dijatuhkan hukuman mati adalah di antara 21 dan 30 tahun. Orang-orang muda ini, dan juga orang yang lebih tua, menghabiskan hari-hari mereka tanpa sebarang aktiviti untuk menghabiskan masa atau melepaskan tekanan akibat dikurung dalam sel sementara menunggu pelaksanaan hukuman mati.

Kebanyakan kaunselor-kaunselor keagamaan telah meluahkan keraguan mereka mengenai tujuan penahanan-penahanan ini. Seperti

229 SUHAKAM, *The Right to Health in Prison. Results of a Nationwide Survey and Report*, 2017, m/s 75.

230 Peraturan Penjara 2000, Peraturan 181.

yang dinyatakan seorang kaunselor keagamaan: "Saya fikir matlamat utama pemulihan adalah untuk membuat banduan-banduan memahami perbuatan kesalahan mereka, untuk berasa kesal dan untuk menjadi baik semula. Tiada program pemulihan bagi mereka yang sedang menunggu pelaksanaan hukuman mati. Adakah sebab mereka semestinya akan mati pada akhirnya? Mengapa kerajaan tidak memberikan mereka peluang untuk belajar dan menjadi berguna semula? Sesetengah mereka telah tinggal dalam penjara melebihi 10 tahun." lanya harus diingati bahawa pemulihan dan kesemua banduan-banduan adalah adalah asas kepada misi Jabatan Penjara di Malaysia.<sup>231</sup> Penahanan penghuni-penghuni hukuman mati yang tidak menentu dalam keadaan-keadaan sebegitu adalah jelas bukan satu tindak balas yang mencukupi kepada pemulihan dan pemsyarakatan yang berpotensi orang-orang ini –orang-orang yang berkemungkinan dilepaskan pada suatu hari nanti, sama ada atas sebab rayuan atau permohonan pengampunan yang berjaya<sup>232</sup> atau kerana perundangan jenayah yang lebih ringan.

**Satu hari biasa dalam kehidupan Michelle,  
dijatuhkan hukuman mati pada 2015  
dan kini berada di bawah penahanan:**

"Saya biasanya bangun pada 5 pagi, membuat sedikit senaman regangan dalam sel, memberus gigi, menyegarkan badan dan bersembahyang. Sekitar 7 pagi, warden akan menjalankan pusingan kiraan dan lepas itu saya akan bersarapan. Sarapan terdiri daripada dua keeping roti dan milo, kadang kala biskut. Sesetengah hari Isnin, guru agama Buddha datang melawat kami, dan kami dibenarkan untuk duduk di lorong untuk mendengar ajaran tersebut. Tetapi mereka tidak datang setiap minggu. Mereka datang sekali dalam dua minggu. Selain daripada itu, saya hanya tinggal di dalam sel.

231 Misi Jabatan Penjara adalah "Membentuk insan produktif melalui pemulihan efektif, persekitaran kondusif dan pengintegrasian strategic." Ia mempunyai lima objektif, antara lain: "Pemulihan: Memastikan program pemulihan yang bersesuaian serta efektif ke atas semua kategori banduan/penghuni/tahanan; pemsyarakatan: Memastikan program pemsyarakatan (social reintegration) ke atas banduan/penghuni/tahanan dilaksanakan dengan berkesan." Laman web Jabatan Penjara, boleh didapati di: [http://www.prison.gov.my/portal/page/portal/english/visi\\_en](http://www.prison.gov.my/portal/page/portal/english/visi_en) (kunjungan terakhir pada Februari 20, 2020).

232 Seperti yang disebut di atas, perkadaran pengampunan adalah melebihi 55%. Lihat supra, Sub-Seksyen "Kekurangan informasi atas proses pengampunan".

Kadangkala saya menulis. Saya tidak boleh pergi ke perpustakaan, tetapi sana pun tidak ada banyak buku. Saya minta sepupu saya untuk membawa kepada saya MP3 dengan muzik dan gambar-gambar keluarga, tetapi saya belum menerima lagi. Saya juga telah minta peguam saya untuk membawa kepada saya buku-buku dan majalah-majalah lama. Saya ada sedikit dalam sel saya dan saya telah membaca berulang kali. Tiada banyak benda yang boleh dibuat sebenarnya. Pada kebanyakan masa, saya melamun dan berfikir tentang kehidupan saya dan keluarga saya. Pada siang hari, saya dibenarkan untuk meninggalkan sel untuk suatu tempoh masa, kadangkala 45 minit, kadangkala lebih daripada itu. Tetapi kami masih berada dalam bangunan tersebut, dalam dewan utama. Saya cuma berjalan sekitar. Kadangkala saya bercakap dengan orang lain. Warden membuat kiraan semula pada waktu petang, sebelum makan malam"

**Interaksi manusia yang terhad**

Banduan-banduan hukuman mati menghabiskan kebanyakan masa mereka secara bersendirian dalam sel mereka, berbeza dengan banduan-banduan lain. Tambahan lagi, orang yang dijatuhkan hukuman mati tidak boleh dilawat oleh pelawat-pelawat luar, dengan pengecualian bagi ahli-ahli keluarga, peguam-peguam mereka dan kaunselor-kaunselor keagamaan. Syarat-syarat lawatan adalah dihadkan dengan tegas. Segala perbincangan, termasuklah dengan kaunselor-kaunselor keagamaan, mestilah mengambil tempat dalam "penglihatan dan pendengaran" pegawai penjara.<sup>233</sup> Tempoh lawatan saudara-mara tidak boleh melebihi 45 minit setiap minggu. Menulis sepucuk surat menggantikan lawatan daripada saudara-saudara.<sup>234</sup> Keluarga-keluarga lelaki dan wanita yang dijatuhkan hukuman mati menunjukkan bahawa mereka secara umumnya tidak mempunyai kesukaran untuk melawat saudara-mara mereka. Mereka ada satu buku log bersaiz poket yang mereka mesti bawa bersama pada setiap lawatan. Kebenaran-kebenaran untuk melawat adalah dibenarkan,

233 Peraturan Penjara 2000, Peraturan 177(2).

234 *Ibid.*, Peraturan 179(4): "Banduan sedemikian hendaklah menerima lawatan daripada saudara-maranya selama empat puluh lima minit tiap-tiap minggu atau menulis satu surat sebagai ganti."

kecuali apabila terdapat banyak pelawat pada satu masa. Ini pernah berlaku sekali kepada Chan, ibu kepada seorang lelaki yang dijatuhkan hukuman mati, yang tidak dapat bertemu anak beliau. Komunikasi dengan banduan-banduan mengambil tempat dalam satu bilik melalui pondok telefon dengan cermin tingkap yang telus, dalam kehadiran seorang pegawai. Mohamed, abang kepada seseorang yang dijatuhkan hukuman mati, menjelaskan bahawa ini mengehendak topik-topik perbualan. Beliau berkata: *“Memandangkan ada pegawai-pegawai yang mendengar perbualan, kita hanya bercakap mengenai apa yang perlu. Kita tidak bercakap tentang politik atau apa-apa di luar.”* Semua keluarga-keluarga menunjukkan bahawa mereka mempunyai hubungan yang agak baik dengan pengawal-pengawal Penjara.

Walaupun sesetengah banduan-banduan menerima lawatan setiap minggu, majoriti daripada mereka yang dijatuhkan hukuman mati tidak mempunyai keluarga yang tinggal berhampiran dengan penjara tersebut. Nayla, kakak kepada banduan hukuman mati, menjelaskan bahawa situasi ekonomi keluarga-keluarga banduan-banduan hukuman mati adalah satu halangan kepada lawatan penjara. Beliau menunjukkan bahawa adik beliau memintanya untuk menghubungi keluarga banduan yang lain yang berasa amat terasing dan sengsara. Beliau berkata: *“Apabila saya menghubungi mereka dan tanya mereka kenapa mereka tidak melawat saudara mereka, mereka memberitahu saya bahawa mereka tidak ada duit. Jadi, saya beri mereka duit untuk melawat penjara.”*

Peguam-peguam yang ditemu bual juga menunjukkan bahawa mereka tiada kesukaran untuk bertemu dengan orang yang sedang menunggu pelaksanaan hukuman mati. Peguam-peguam hanya perlu memaklumkan lawatan mereka dua hari lebih awal untuk dibenarkan untuk bertemu anakkuam mereka. Peguam-peguam menyatakan bahawa secara umumnya tidak terdapat had masa apabila bercakap dengan anakkuam mereka. Peringkat keselamatan bergantung kepada penjara: anakkuam mungkin atau tidak digari; dalam sesetengah kes, warden berada di luar bilik, dengan pintu terbuka, dan tidak boleh mendengar perbualan, sementara untuk yang lain, warden tinggal dalam bilik. Kehadiran berterusan pengawal-pengawal adalah bercanggah dengan piawaian-piawaian tahanan antarabangsa, yang memperuntukkan bahawa perundingan-perundingan dengan penasihat undang-undang boleh berada dalam kelihatan tetapi bukan dalam pendengaran pekerja penjara<sup>235</sup>

235 Peraturan Nelson Mandela, Peraturan 61(1).

### **Peranan utama organisasi-organisasi keagamaan**

Bagi banduan-banduan hukuman mati, suatu harapan adalah lawatan organisasi-organisasi keagamaan yang datang untuk berdoa dan memberikan kaunseling kepada banduan-banduan. Kaunselor-kaunselor keagamaan yang ditemu bual menunjukkan bahawa mereka mempunyai hak untuk memasuki dewan-dewan penjara. Mereka menjalankan sesi-sesi kumpulan yang terdiri daripada 20 hingga 30 orang, setiap minggu atau setiap dua minggu, untuk satu hingga dua jam, bergantung kepada penjara. Mereka menjelaskan bahawa mereka mengajar banduan-banduan mengenai konsep-konsep keagamaan. Sebagai contoh, satu kumpulan agama Buddha akan membantu mereka belajar tentang Dharma dan konsep sebab dan akibat, untuk meningkatkan renungan diri dan mempromosikan empati dan belas kasihan. Mereka biasanya dibenarkan untuk memberikan beberapa salinan teks-teks keagamaan. Pengajaran keagamaan melangkaui pembelajaran agama: orang bercakap mengenai kedukaan emosi mereka, keadaan kehidupan yang buruk, meminta kaedah untuk menghubungi keluarga-keluarga mereka, meminta peguam-peguam atau memerlukan bantuan dalam menulis permohonan pengampunan. Satu kaunselor keagamaan menjelaskan: *“Kadangkala apabila mereka bercakap, mereka akan mengalami gangguan jiwa dan menangis.”*

Kumpulan-kumpulan keagamaan yang bekerja dalam penjara menunjukkan bahawa kebanyakan orang sememangnya telah merenung mengenai kehidupan mereka dan akan berkelakuan sebaliknya sekiranya mereka diberikan satu lagi peluang. Kebanyakan kaunselor-kaunselor keagamaan yang ditemu bual mempersoalkan kekurangan perikemanusiaan situasi mereka yang dijatuhkan hukuman mati, yang mana meninggalkan sedikit ruang untuk pemulihan. Seperti yang dikatakan oleh satu kaunselor: *“Apa yang benar-benar akan membolehkan seseorang kembali ke pangkal jalan adalah perubahan konsep. Pengurangan yang berpanjangan, memutuskan sambungan seseorang daripada masyarakat dan kemesraan akan membawa kepada masalah sosial”.*



Situasi warga-warga asing, yang mana mewakili 43% daripada mereka yang dijatuhkan hukuman mati, adalah amat membimbangkan. Menurut data yang tersedia, kebanyakan mereka datang daripada negara-negara Asia lain (Indonesia, Iran, India, Filipina, Thailand, dan sebagainya) atau daripada Afrika (kebanyakan Nigeria)<sup>236</sup> – kebanyakan daripada mereka tidak bercakap dalam Bahasa Malaysia. Disebabkan situasi ini, mereka tidak dapat berkomunikasi dengan pengawal-pengawal ataupun pekerja perubatan. Mereka juga tidak dapat menyertai sesi-sesi kumpulan keagamaan. Sesetengah penjara, walau bagaimanapun, membenarkan perbincangan individu singkat di antara kaunselor keagamaan dengan banduan-banduan hukuman mati sekiranya mereka boleh memahami satu sama lain. Sebagai contoh, jika kedua-dua mereka bercakap dalam bahasa Cina, sesetengah penjara membenarkan 30 minit perbincangan individu di antara mereka. Walau bagaimanapun, ini cuma adalah kes-kes jarang dan kebanyakan pesalah-pesalah warga asing, seperti yang daripada Negeria, Iran atau India, tiada sesiapa untuk berkomunikasi dengan. Untuk warga asing, lawatan ke penjara oleh saudara-mara mereka adalah amat jarang. Keluarga Michelle tinggal di China. Beliau berkata: “Keluarga saya tidak melawat saya secara kerap. Dalam 5 tahun yang lepas, ibu saya telah melawat saya dua kali. Dia sudah berusia, ia adalah sukar bagi dia untuk bergerak.” Walaupun Michelle membeli kad-kad telefon untuk menelefon ibu dan anak setiap minggu, beliau menjelaskan bahawa pengasingan beliau adalah ekstrem dan menyebabkan penderitaan yang tidak boleh ditahan: “*Sebagai warga asing, saya tidak ada sesiapa di sini. Berada begitu jauh daripada rumah dan daripada keluarga saya menyakitkan saya. Saya berasa sunyi dan tidak berharapan. Tiada apa di sini yang membantu saya untuk melalui masa-masa yang sukar ini. Berfikir tentang ibu dan anak saya membuatkan saya berasa lebih baik. Saya ada gambar mereka, saya melihatnya setiap masa.*”

Sebagai tambahan, had-had lain juga dikenakan terhadap warga-warga asing. Ianya harus diperhatikan bahawa semua buku mesti ditapis sebelum mereka sampai kepada lelaki dan perempuan yang disabitkan: kerana pekerja penjara tidak memahami kandungan buku-buku yang ditulis dalam bahasa lain, banduan-banduan hukuman mati mungkin tidak menerima buku dalam bahasa mereka sendiri, walaupun secara teori ini adalah dibenarkan. Tambahan lagi,

<sup>236</sup> Amnesty Antarabangsa, *op. cit.*, (2019), m/s 19.

sementara undang-undang Malaysia memperuntukkan hak untuk memaklumkan kedutaan atau konsulat apabila warga asing ditangkap atau ditahan, supaya dapat membantu penghuni-penghuni dalam prosiding undang-undang mereka, kaunselor-kaunselor keagamaan melaporkan bahawa beberapa banduan-banduan memberitahu mereka bahawa mereka menghadapi kesukaran untuk menghubungi konsulat mereka.<sup>237</sup> Ini boleh sebahagiannya dijelaskan oleh kesilapan dalam pengenalanpastian dan atribusi kewarganegaran.<sup>238</sup>

### **Pengasingan yang tidak menentu**

Keadaan lelaki dan perempuan di bawah hukuman mati bermaksud pengurungan bersendirian yang tidak menentu, yang ditakrifkan sebagai pengurungan yang tidak menentu yang melebihi 22 jam sehari tanpa perhubungan manusia yang bermakna. Amalan ini adalah dilarang oleh piawaian-piawaian hak-hak asasi manusia antarabangsa. Peraturan 43 Peraturan Nelson Mandela memperuntukkan: “*Tiada keadaan di mana had atau sekatan disiplin bererti penyeksaan atau layanan atau hukuman yang zalim, tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah yang lain. Amalan-amalan berikut, secara khususnya, hendaklah dilarang: (a) Pengurungan bersendirian yang tidak menentu...*”<sup>239</sup> Secara tambahan, Pelapor Khas atas Penyeksaan dan Layanan atau Hukuman Lain Yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah telah berulang kali menekankan bahawa kegunaan pengurungan bersendirian haruslah dilarang sama sekali untuk banduan-banduan hukuman mati berdasarkan hukuman mereka.<sup>240</sup> Pada 2012, Pelapor Khas selanjutnya menyatakan: “Pengurungan bersendirian

<sup>237</sup> Perkara 36(1)(c) Konvensyen Vienna mengenai Perhubungan Konsular memperuntukkan: “Pegawai konsular berhak melawat seorang rakyat Negara penghantar yang berada dalam penjara, dalam jagaan atau tahanan, berbual dan berutus surat dengannya dan mengaturkan representasi guamannya.” Konvensyen ini telah diratifikasikan oleh Malaysia melalui Akta Perhubungan Konsular (Konvensyen Vienna) 1999.

<sup>238</sup> Amnesty Antarabangsa melaporkan kesukaran-kesukaran sebegini. Lihat Amnesty Antarabangsa, *op. cit.*, 2019, nota 47, m/s 19.

<sup>239</sup> Peraturan Nelson Mandela, Peraturan 43.

<sup>240</sup> Pada 2013, Pelapor Khas atas Penyeksaan melaporkan: “Tiada banduan, termasuklah mereka yang menjalani hukuman seumur hidup dan banduan-banduan hukuman mati, hendaklah ditahan dalam pengurungan bersendirian hanya atas alasan graviti jenayah tersebut.” Pelapor Khas atas Penyeksaan dan Layanan atau Hukuman Lain Yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah, *Interim Report of the Special Rapporteur on Torture and Other Cruel, Inhumane or Degrading Treatment or Punishment* [A/68/295], 2013, perenggan 61. Pelapor Khas atas Penyeksaan dan Layanan atau Hukuman Lain Yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah, *Interim Report of the Special Rapporteur on Torture and Other Cruel, Inhuman or Degrading Treatment or Punishment* [A/63/175], 2007, m/s 25.

yang digunakan atas penungguan pelaksanaan hukuman mati adalah melalui definisi berpanjangan dan tidak menentu dan oleh itu membentuk satu layanan atau hukuman yang zalim, tidak berperikemanusiaan, menjatuhkan maruah ataupun penyeksaan.”<sup>241</sup> Apabila SUHAKAM menyuarakan kebimbangannya mengenai amalan ini kepada pihak-pihak berkuasa, mereka bertindak balas dengan menafikan penggunaan pengurungan bersendirian: “Pengurungan bersendirian tidak wujud dalam penjara-penjara Malaysia. Sel-sel berasingan yang disediakan untuk banduan-banduan hukuman mati bukan pengurungan bersendirian tetapi satu sel penghunian tunggal seperti yang dinyatakan dalam Peraturan Penjara bagi tujuan sekuriti; untuk keselamatan dan sekuriti banduan dan banduan-banduan lain.”<sup>242</sup>

## INFRASTRUKTUR YANG BERKUALITI RENDAH

Walaupun lelaki dan wanita yang dijatuhkan hukuman mati adalah dikunci dalam sel-sel hampir sepanjang hari, akses kepada cahaya dan pengudaraan adalah sangat lemah dalam sel-sel sesetengah penjara. Pada 2017, SUHAKAM menerbitkan satu laporan selepas melawat beberapa penjara-penjara dan kuarters hukuman mati. SUHAKAM mengambil perhatian bahawa, dalam sel-sel orang yang dijatuhkan hukuman mati, “Tingkap tidak cukup besar untuk membolehkan banduan-banduan untuk membaca atau bekerja dengan cahaya semula jadi, dan tidak dibina untuk membenarkan kemasukan udara segar”, berbeza dengan banduan-banduan lain yang tidak dihukum mati.<sup>243</sup> Dalam Laporan Tahunan 2017, SUHAKAM memerhatikan bahawa, dalam Penjara Tapah, banduan-banduan hukuman mati tidak dibenarkan untuk bersenam di bawah cahaya matahari atas alasan keselamatan: oleh itu mereka tidak pernah mempunyai akses langsung kepada udara segar.<sup>244</sup> Perbincangan-perbincangan mendedahkan bahawa situasi tidak

241 Pelapor Khas atas Penyeksaan dan Layanan atau Hukuman Lain Yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah, *Interim Report of the Special Rapporteur on Torture and Other Cruel, Inhuman or Degrading Treatment or Punishment* [A/67/279], 2012, perenggan 48.

242 SUHAKAM, *op. cit.*, 2017, m/s 73-74.

243 *Ibid.*, m/s 74 and m/s 89.

244 SUHAKAM, *op. cit.*, 2018, m/s 86.

berubah. Pengudaraan yang teruk dalam sel-sel juga digariskan oleh SUHAKAM pada 2017 di dalam penjara Alor Setar.<sup>245</sup> Situasi ini juga digariskan oleh Ali, seorang banduan di penjara Pokok Sena: beliau menjelaskan bahawa kadangkala beliau perlu menanggalkan pakaian dalam sel beliau kerana haba. Memandangkan banduan-banduan hukuman mati tidak dibenarkan untuk meninggalkan sel mereka, mereka tinggal untuk tempoh 23 jam sehari dalam bilik di mana tandas mereka juga adalah terletak, tanpa udara segar. Tambahan pula, lampu buatan dalam bilik-bilik tidak membenarkan banduan-banduan untuk membaca tanpa tidak memudaratkan penglihatan mereka.<sup>246</sup>

Keadaan-keadaan ini bercanggah secara langsung dengan Peraturan 14(a) Peraturan Nelson Mandela, yang mana memperuntukkan bahawa, dalam semua tempat di mana orang dikehendaki untuk hidup, “Tingkap-tingkap hendaklah cukup besar untuk membenarkan banduan-banduan untuk membaca atau bekerja dengan cahaya semula jadi dan hendaklah begitu dibina agar membolehkan kemasukan udara segar sama ada atau tidak terdapatnya pengudaraan buatan.”

## KEPERLUAN WANG

“Segalanya memerlukan duit”

– Michelle, dijatuhkan hukuman mati pada 2015

Menurut Peraturan 180 Peraturan Penjara, “Seseorang banduan di bawah hukuman mati hendaklah disediakan dengan pakaian, makanan dan kelengkapan tempat tidur dan apa-apa artikel lain sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.” Dalam amalan, penjara sememangnya membekalkan makanan dan tilam, tetapi ini adalah terhad, dan barang-barang lain yang diberikan adalah langka. Temu bual-temu bual mendedahkan bahawa makanan yang dibekalkan oleh pentadbiran Penjara adalah tidak baik dari segi kualiti dan quantiti, dan kadangkala disediakan di dalam keadaan kebersihan yang buruk. Menurut satu pertubuhan bukan kerajaan yang ditemu bual, amaun yang diperuntukkan untuk makanan bagi

245 *Ibid.*, m/s 86.

246 SUHAKAM, *op. cit.*, 2017, m/s 75.

tahanan-tahanan adalah rendah: According to an NGO interviewed, the amount allocated for food for detainees is low: 14 ringgit untuk tiga hidangan, atau sekitar 3.02 euro setiap hari. Makanan kadangkala diperkayakan dengan produk ladang daripada program pertanian yang dilaksanakan oleh banduan-banduan lain.<sup>247</sup> Untuk mencegah percubaan bunuh diri, banduan-banduan yang dijatuhkan hukuman mati dihidangkan dengan makanan tanpa tulang. Seperti yang dijelaskan Ali, “Makanan biasanya tiada rasa”. Akibatnya, beliau dikehendaki untuk membayar lebih untuk bayaran yang lebih baik. Keluarga-keluarga melaporkan bahawa orang yang ditahan di penjara-penjara Kajang dan Poko Sena adalah tidak dibenarkan untuk menerima makanan daripada luar. Banduan-banduan boleh membeli produk-produk yang dijual dalam penjara oleh pentadbiran, tetapi ini memerlukan duit.

Sebagai tambahan, bekalan kebersihan (sabun, syampu, berus gigi, dan ubat gigi), sesetengah peralatan tempat tidur (bantal) dan kad-kad telefon perlu dibayar oleh banduan-banduan mereka sendiri pada kiosk yang terletak dalam penjara. Banduan-banduan hukuman mati mendedahkan bahawa hanya satu cawan besar (*kole*) dibekalkan kepada mereka, yang mana adalah digunakan untuk meminum, membersihkan dan kegunaan tandas. Lebih-lebih lagi, sementara pentadbiran penjara membekalkan tuala wanita untuk wanita, bilangannya adalah tidak cukup untuk menampung keperluan mereka. Seperti yang dijelaskan Michelle: “Kami diberikan dua, kadangkala tiga tuala wanita sebulan. Jika kami perlukan apa-apa tambahan, kami kena beli” Pembayaran untuk barang-barang adalah satu cabaran, memandangkan bahawa banduan-banduan hukuman mati tidak dibenarkan bekerja.

## AKSES YANG TERHAD KEPADA CAHAYA DAN MAKANAN SEBAGAI LANGKAH-LANGKAH DISIPLIN

Banduan-banduan yang ditemu bual mencadangkan bahawa langkah-langkah disiplin tambahan akan diambil apabila banduan menyebabkan masalah. Menurut seorang banduan yang ditemu bual, masalah itu mungkin kerana seorang adalah terlalu bising,

<sup>247</sup> Seperti yang disebutkan di atas, peraturan-peraturan melarang kerja oleh banduan-banduan hukuman mati.

atau di sebaliknya seorang yang “suka menentang” (*rebellious*), yang enggan makan atau membuat apa-apa – secara ringkas, seorang yang mengalami tekanan jiwa.

Dalam kes-kes sebegini, banduan-banduan hukuman mati akan dihantar kepada sel-sel khas dipanggil Bilik Gelap, di mana mereka langsung tiada akses kepada cahaya matahari dan akses kepada makanan adalah terhad. Sememangnya, Peraturan Penjara memperuntukkan bahawa, dalam kes-kes sebegini, senaman di luar hanya dibenarkan sekiranya “diperakui oleh Pegawai Perubatan sebagai benar-benar perlu bagi kesihatan”<sup>248</sup> Kurungan atas diet yang terhad tidak boleh melebihi 21 hari.<sup>249</sup> Peraturan 129 memperuntukkan: “Pengurangan dalam sel hukuman tidak boleh melebihi daripada agregat sembilan puluh hari dalam satu tahun bagi mana-mana satu banduan.”<sup>250</sup>

## AKSES KEPADA PENJAGAAN KESIHATAN YANG TIDAK MENCUKUPI

Menurut SUHAKAM, hampir kesemua penjara-penjara mempunyai klinik-klinik dalam premis-premis mereka, dengan seorang doktor yang dibantu oleh seorang atau lebih penolong ahli perubatan, dan banduan-banduan hukuman mati mempunyai akses yang tidak terhad kepada klinik-klinik tersebut. Walau bagaimanapun, temu bual-temu bual mendedahkan bahawa klinik-klinik tersebut hanya mempunyai bajet yang tidak mencukupi dan hanya mempunyai sumber yang terhad, dari segi ubat, sumber manusia, atau bekalan perubatan. Situasi ini mempunyai impak ke atas lelaki dan wanita yang dijatuhkan hukuman mati. Mereka mencadangkan bahawa akses kepada ubat adalah amat terhad dan bahawa mereka hanya menerima *paracetamol*, tidak kira penyakit apa. Kaunselor-kaunselor keagamaan mengesahkan bahawa hanya sedikit yang dilakukan untuk memberikan mereka akses kepada ubat yang berkualiti. Mereka melaporkan beberapa contoh kepada pasukan ADPAN: “Ada satu kali, seorang banduan mendekati saya. Beliau memberitahu saya bahawa beliau sedang mengalami masalah gastrik. Beliau meminta saya untuk berdoa untuk beliau kerana beliau tidak dapat memperoleh

<sup>248</sup> Peraturan Penjara 2000, Peraturan 130.

<sup>249</sup> *Ibid.*, Peraturan 126.

<sup>250</sup> *Ibid.*, Peraturan 129.

ubat itu.” Seorang lain menyatakan: “Salah seorang banduan datang dan bercakap dengan saya. Beliau menghidapi asma. Malah apabila beliau bernafas, anda boleh mendengarkannya. Tetapi warden-warden tidak mengambil kisah mengenainya. Tiada agensi yang datang untuk memeriksa kesihatan mereka.”

lanya juga harus dinyatakan bahawa tidak terdapat akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan pakar jantung, seperti akses kepada pakar ginekologi, untuk menampung keperluan spesifik wanita. Ini adalah bercanggah dengan Peraturan PBB untuk Layanan terhadap Tahanan Wanita dan Langkah-langkah tanpa Pemenjaraan bagi Pesalah Wanita, juga dikenali sebagai Peraturan Bangkok<sup>251</sup>

## SINDROM HUKUMAN MATI: TEKANAN PSIKOLOGI EKSTREM TERHADAP ORANG YANG DIJATUHKAN HUKUMAN MATI

*“Penahanan berpanjangan individu-individu yang dijatuhkan hukuman mati adalah tidak berperikemanusiaan dan memudaratkan kesihatan mental mereka”*

— Dr Suarn Singh, bekas Ketua Perkhidmatan Psikiatri Kementerian Kesihatan Malaysia dan pakar psikiatri di hadapan mahkamah-mahkamah jenayah Malaysia

Lelaki dan wanita yang dijatuhkan hukuman mati hidup dalam keadaan-keadaan yang teruk: pengurungan bersendirian yang berlarutan, sel-sel tanpa udara, pencahayaan terhad, kekurangan pekerjaan, kekurangan harapan untuk masa depan, perhubungan dengan pelawat dari luar yang terhad, dan sebagainya. Kajian-kajian saintifik melaporkan bahawa keadaan-keadaan penahanan orang yang menunggu pelaksanaan hukuman mati, secara khususnya pengurungan bersendirian, menghasilkan perkadaran yang lebih tinggi masalah kesihatan psikiatri dan psikologi berbanding pemenjaraan “biasa”. Masalah-masalah ini merangkumi paranoia, halusinasi visual dan pendengaran, pemusnahan diri, pemikiran membunuh diri,<sup>252</sup>

251 Peraturan 10(1) Peraturan Bangkok sebagai contoh memperuntukkan: “Perkhidmatan penjagaan kesihatan jantung spesifik sekurang-kurangnya bersamaan kepada yang tersedia dalam komuniti hendaklah dibekalkan kepada banduan wanita”.

252 Haney C., “Mental Health Issues in Long-Term Solitary and ‘Supermax’ Confinement”, *Crime and Delinquency*, 49: 124, 2003.

kemurungan yang melemahkan,<sup>253</sup> kemarahan, kepahitan, kebosanan, tertekan, kehilangan rasa realiti dan penumpuan yang terjejas.<sup>254</sup> Penyakit-penyakit psikologi ini dikenali sebagai “*sindrom hukuman mati*”.<sup>255</sup> Di peringkat antarabangsa, sementara penahanan atas hukuman mati melebihi 10 tahun semata-mata tidak membentuk suatu tindakan penyeksaan atau layanan atau hukuman yang zalim, tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah, penahanan berpanjangan yang disebabkan oleh keadaan-keadaan teruk penahanan adalah suatu pelanggaran larangan penyeksaan.<sup>256</sup>

Kaunselor-kaunselor keagamaan yang bekerja di penjara melaporkan beberapa kes di mana orang mempunyai halusinasi, nampak hantu. Percubaan membunuh diri oleh orang yang dijatuhkan hukuman mati telah dilaporkan banduan-banduan yang ditemu bual. Ali, yang berada pada hukuman mati untuk 12 tahun, telah cuba untuk mengantung dirinya sebanyak dua kali. Beliau mencadangkan bahawa penghuni-penghuni lain juga pernah mencuba untuk bunuh diri. Fenomena ini juga digariskan dalam laporan SUHAKAM pada 2017: “Semasa suatu lawatan, Suruhanjaya memerhati seorang banduan hukuman mati perempuan yang menghantuk kepalanya berulang kali terhadap pintu sel”<sup>257</sup> Ali melaporkan bahawa tahanan-tahanan mengalami penyakit psikiatri yang berlainan jenis. Beliau memberikan satu contoh: “*Seseorang meletakkan najisnya pada dinding. Saya tidak tahu kenapa.*”

Menurut banduan-banduan yang ditemu bual, akses kepada rawatan kesihatan mental dan penjagaan psikiatri adalah tidak wujud,

253 Abramson L., Seligman M., Teasdale J., “*Learned Helplessness in Humans: Critique and Reformulation*”, *Journal of Abnormal Psychology*, 87: 49, 1978.

254 Scharff Smith P., “*The Effects of Solitary Confinement on Prison Inmates. A Brief History and Review of the Literature*”, *Crime and Justice*, Jilid 34, No. 1. *The University of Chicago Press*, 2006, m/s 476 dan m/s 488.

255 Fenomena hukuman mati digunakan untuk menghuraikan kesan-kesan kemudatan akibat keadaan-keadaan hukuman mati, termasuklah pendedahan kepada pengurungan bersendirian untuk tempoh yang dilanjutkan dan kegelisahan mental yang dialami banduan-banduan semasa menunggu kematian mereka; sindrom hukuman mati digunakan untuk menghuraikan penyakit psikologi berbangkit yang boleh berlaku akibat fenomena hukuman mati. Harrison K., Tamony A., “*Death Row Phenomenon, Death Row Syndrome and their Affect on Capital Cases in the U.S.*”, *Internet Journal of Criminology*, 2010, m/s 1.

256 Pelapor Khas atas Penyeksaan dan Layanan atau Hukuman Lain Yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah, *op. cit.*, 2012: “Kegelisahan yang dicipta oleh ancaman mati dan keadaan-keadaan sekeliling pelaksanaan lain, mengenakan tekanan psikologi dan trauma yang kuat pada orang yang dijatuhkan hukuman mati. Pendiaman berpanjangan atas hukuman mati, bersama dengan keadaan-keadaan yang ditemani, membentuk pelanggaran larangan penyeksaan.”

257 SUHAKAM, *op. cit.*, 2017, m/s 74.

walaupun Peraturan 241(1) Peraturan Penjara memperuntukkan bahawa Pegawai Perubatan hendaklah memerhati dengan teliti keadaan mental banduan yang dijatuhkan hukuman mati. Sokongan yang mereka terima semata-mata adalah kaunseling keagamaan.

***Ringkasan keadaan-keadaan penahanan  
banduan-banduan hukuman mati:***

- Pengurangan selama 23 jam sehari dalam sel-sel individu
- Perhubungan manusia yang terhad
- Akses yang tidak mencukupi kepada udara segar dan cahaya semula jadi
- Kekurangan privasi
- Akses yang tidak mencukupi kepada perubatan
- Pengecualian daripada program-program pemulihan atau latihan
- Perbincangan-perbincangan dengan organisasi-organisasi keagamaan bagi mereka yang boleh bertutur dalam Bahasa Malaysia
- Tiada sokongan psikologi atau penjagaan psikiatri
- Langkah-langkah disiplin yang tidak berperikemanusiaan bagi orang yang mengalami tekanan
- Bagi warga asing: tiada akses kepada buku dalam bahasa asing, lawatan dan panggilan telefon yang terhad
- Pengkelasan secara umum terhadap banduan-banduan hukuman mati, tanpa mengambil kira umur, jantina, situasi kesihatan, jenis kesalahan, tingkah laku

# KELUARGA-KELUARGA ORANG YANG DIJATUHKAN HUKUMAN MATI: PERGELUTAN



“Saya tiada air mata yang tinggal untuk menangis”

— Anna, isteri seorang lelaki yang dijatuhkan hukuman mati

Perbicaraan-perbicaraan jenayah dan penahanan yang berpanjangan mempunyai akibat yang serius kepada keluarga-keluarga mereka yang dijatuhkan hukuman mati. Pada peringkat kewangan, sesetengah orang kena meminjam wang, kadangkala dengan menyalahi undang-undang, untuk membayar fi peguam-peguam. Kebanyakan sudah tiada sumber yang tinggal. Semasa penahanan, mereka yang kekal “di luar” juga mesti memperoleh sumber untuk menjaga keluarga mereka seorang diri. Anna, di mana suaminya telah berada pada hukuman mati untuk 10 tahun, menjelaskan: “Saya kena berjuang sendiri untuk membesarkan anak-anak saya. Saya tiba-tiba menjadi pencari nafkah tunggal, untuk memberikan kepada anak-anak saya pendidikan yang baik.” Anak Chan cuma berumur 19 tahun apabila ditangkap, 10 tahun lalu: “Saya hanya mempunyai anak lelaki saya, sebagai sumber pendapatan tunggal keluarga. Saya amat sedih apabila dia ditangkap pada umur 19 tahun. Sekarang saya kena berulang alik dari penjara, dan saya berjaya untuk teruskan hidup tanpa dia.”

Berulang alik daripada penjara adalah agak mahal, kerana keluarga-keluarga tidak semestinya tinggal berdekatan dengan penjara. Fatimah, ibu kepada seorang lelaki yang dijatuhkan hukuman mati 12 tahun lalu, menyatakan: “*Saya tidak mempunyai apa-apa kecuali dia. Saya bekerja setiap hari sebagai pembantu rumah di rumah orang lain. Apabila saya pergi ke penjara dari rumah saya, ianya mengambil masa hampir 2 jam.*” Pemisahan bukan sahaja suatu soal jarak di antara penjara dengan rumah keluarga. Tingkap cermin yang telus dalam bilik lawatan yang memisahkan banduan-banduan daripada keluarga-keluarga mereka juga mencipta kekurangan persentuhan tubuh (*body contact*). Bagi Chan, ianya adalah perkara paling sukar untuk dilalui. Beliau menyatakan: “*Saya cuma berhasrat boleh memeluk anak saya. Sudah sekian lama semenjak kali terakhir saya memeluk dia.*”

Kebanyakan orang merasa sukar untuk menerima seseorang kawan yang mempunyai saudara di bawah hukuman mati. Dalam sesetengah keluarga, saudara-maranya tidak mahu mendengar mengenai orang yang disabitkan. Seorang wanita di mana abangnya dijatuhkan hukuman mati melebihi 13 tahun lalu melaporkan bahawa ianya mengambil masa 2 tahun bagi dia untuk melawat abangnya buat kali pertama. Beliau menyatakan, “Keluarga saya tidak boleh menerima situasi ini. Suami saya tidak suka bercakap tentang [abang saya],

anak-anak saya juga.” Bagi sesetengah orang, ianya seolah-olah keluarga telah dicemarkan oleh sabitan kesalahan oleh seorang ahli keluarganya, dan ini juga berlaku kepada anak-anaknya. Anna menjelaskan bahawa banyak orang yang tidak melayan mereka seperti sebelum itu: “Sesetengah orang melayan kita seperti kita tidak berasal daripada keluarga yang baik. Saya tahu anak saya bergelut dalam sekolah selepas ayah mereka dipenjarakan.” Nayla, kakak kepada seorang lelaki yang dijatuhkan hukuman mati pada 2005, menyatakan bahawa beliau khuatir orang di dalam pejabat beliau mengetahui tentang situasinya. Beliau tidak ingin bercakap tentangnya semasa bekerja, walaupun kegelisahan beliau mempengaruhi prestasinya. Banyak ibu-bapa yang putus asa. Mohamed ialah abang kepada seorang lelaki atas hukuman mati selama 20 tahun. Beliau menjelaskan bahawa ibunya memberitahu beliau: “*Tiada keperluan untuk melawan, kerana sudah sekian lama dan tiada apa yang boleh kita lakukan.*” Fatiah, yang anaknya dijatuhkan hukuman mati pada 2003, mengesahkan: “*Keluarga saya terjejas secara emosi. Kesihatan saya adalah langsung tidak baik. Walau bagaimanapun, memandangkan saya telah bertemu [wanita yang kerja di dalam pertubuhan bukan kerajaan ini], saya telah bergelut dengan emosi secara perlahan. Beliau menasihati saya untuk melawan untuk anak saya. Beliau memberitahu saya bahawa beberapa orang Malaysia ingin melawan untuk keluarga mereka, terutamanya mereka yang menghadapi hukuman mati.*”

Selepas bertahun-tahun dalam penjara, keluarga-keluarga masih menaruh harapan. Sesetengah mengharapkan jawapan kepada permohonan pengampunan. Fatiah, yang terdesak untuk maklumat berkenaan permohonan pengampunan anak beliau, menyatakan: “*Dia telah ditangkap sejak 2003. Saya sudah berusia dan saya tiada masa yang banyak untuk hidup. Saya cuma inginkan sedikit maklumat berkenaan progress permintaan kami untuk pengampunan.*” Yang lain berhajat untuk pemansuhan oleh kerajaan, di mana pernyataan-pernyataannya pada permulaannya memberikan harapan yang baru. Dengan pengunduran kerajaan, harapan ini berubah menjadi kegelisahan yang baru. Semua sedang menunggu untuk mencari jawapan sama ada saudara-mara mereka akan mempunyai peluang yang baru untuk hidup dan memulihkan diri mereka. Fatimah menyatakan: “*Anak saya telah dipenjarakan cukup lama, hampir 12 tahun. Saya percaya dia sudah berubah, dan dia tidak lagi ingin membuat apa-apa yang berkaitan dengan jenayah. Hasrat saya adalah dia boleh keluar dan memulakan kehidupan yang baru.*”

# PELAKSANAAN-PELAKSANAAN YANG TERGESA-GESA DAN BERAHSIA





“... dia digantung pada leher sehingga mati ...”

— Kanun Prosedure Jenayah, Artikel 277

Kanun Prosedur Jenayah memperuntukkan bahawa pelaksanaan hukuman mati adalah melalui penggantungan.<sup>258</sup> Peruntukkan lain berkenaan pelaksanaan hukuman mati adalah dalam Peraturan 182 Peraturan Penjara, tetapi peraturan ini tidak memberikan butiran yang banyak. Ianya memperuntukkan bahawa orang yang bertanggungjawab untk pelaksanaan-pelaksanaan “hendaklah membiasakan diri mereka sendiri dengan arahan”<sup>259</sup> dan mesti memastikan bahawa pelaksanaan-pelaksanaan “dijalankan dengan cekap dan segera mengikut arahan-arahan”, dan bahawa peralatan pelaksanaan hukuman mati “Disenggarakan dalam keadaan baik dan tersesun.”<sup>260</sup> Tambahan pula, Peraturan 182(4) memperuntukkan bahawa hanya bilangan orang boleh yang terhad yang boleh menghadiri pelaksanaan-pelaksanaan tersebut: pegawai yang bertanggungjawab, pegawai perubatan dan pegawai dan pekerja penjara yang lain.

Tiada penjara khusus di mana pelaksanaan-pelaksanaan dijalankan di dalam negara. Pelaksanaan-pelaksanaan yang terakhir sebelum moratorium rasmi mengambil tempat pada 24 Mei 2017 pada 5.30 pagi di penjara Sungai Buloh. Dua orang telah digantung: seseorang dengan identiti yang tidak diketahui, dan Yong Kar Mun, seorang lelaki 48 tahun, seorang bekas penjual air mineral, disabitkan untuk penggunaan senjata api sewaktu rompak, satu kesalahan yang membawa hukuman mati mandatori. Yong Kar Mun telah berada di bawah hukuman mati sejak Mac 2009. Sebelum ini, Rames dan Suthar Batumalai, adik beradik yang disabitkan untuk kesalahan pembunuhan pada 2010 – satu kesalahan yang juga membawa hukuman mati mandatori – telah digantung di penjara Kajang, meskipun dengan rayuan pengampunan yang belum dilupuskan oleh Lembaga Pengampunan Negeri Sembilan. Pelaksanaan hukuman mati sementara menunggu tindakan undang-undang dan prosedur pengampunan sedang dijalankan adalah dilarang oleh piawai-piawai antarabangsa, termasuklah oleh Perlindungan Hukuman Mati No. 8 PBB, menurut yang mana hukuman mati tidak boleh dijalankan “menunggu rayuan atau prosedur atau prosiding lain berkaitan pengampunan atau peringanan hukuman.”

<sup>258</sup> Kanun Prosedure Jenayah, Artikel 277.

<sup>259</sup> Peraturan Penjara 2000, Peraturan 182(1).

<sup>260</sup> *Ibid.*, Peraturan 182(2).

Dalam ketiga-tiga kes yang terbaru ini, keluarga-keluarga diberikan sama ada informasi separa atau informasi salah mengenai hari pelaksanaan. Sementara pelaksanaan pada kebiasaannya mengambil tempat pada waktu subuh Jumaat,<sup>261</sup> keluarga Batumalai pada permulaannya dimaklumkan bahawa adik beradiknya akan dijatuhkan dengan hukuman mati pada 17 Mac (Jumaat), sebelum mereka dimaklumkan pada masa kurang daripada 24 jam bahawa mereka akan digantung pada 14 Mac 2017 (Selasa).<sup>262</sup> Yong Kar Mun telah dijatuhkan dengan hukuman mati 2 hari sebelum keluarganya menerima sepucuk surat daripada pihak-pihak berkuasa yang memaklumkan mereka bahawa hukuman mati akan dijalankan “*tidak lama lagi*”, tanpa tarikh yang spesifik.<sup>263</sup> Amalan makluman “saat terakhir” telahpun dikecam pada 2016, apabila keluarga-keluarga tiga lelaki tersebut diberi amaran untuk melawat saudara mereka hanya 2 hari sebelum pelaksanaan mereka.<sup>264</sup> Kegagalan untuk memaklumkan baduan-banduan hukuman mati secara tepat pada masanya tarikh pelaksanaan mereka telah dikenal pasti oleh Jawatankuasa Hak Asasi Manusia sebagai satu bentuk layanan yang teruk, yang mana menjadikan pelaksanaan tersebut bercanggah dengan larangan penyeksaan dan layanan atau hukuman yang zalim, tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah.<sup>265</sup> Institusi-insituti hak-hak asasi manusia kebangsaan dan antarabangsa dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan telah secara konsisten mengecam cara rahsia di mana pelaksanaan dijalankan di Malaysia.<sup>266</sup>

<sup>261</sup> SUARAM, *op. cit.*, 2019, m/s 133.

<sup>262</sup> Pejabat Hak Asasi PBB, “UN Human Rights Office Condemns Secretive Executions of Two Brothers in Malaysia”, 2017, boleh didapati di: <https://bangkok.ohchr.org/news/press/Malaybrothers.aspx> (kunjungan terakhir pada Februari 13, 2020).

<sup>263</sup> Amnesti Antarabangsa, “Two Men Hanged in Secretive Executions”, Penyata Awam [ASA 28/6434/2017], 2017.

<sup>264</sup> SUARAM, *op. cit.*, 2017, m/s 55.

<sup>265</sup> Jawatankuasa Hak Asasi Manusia, *op. cit.*, 2018, perenggan 40.

<sup>266</sup> Pejabat Hak Asasi Manusia PBB, *op. cit.*, 2017.

## KESIMPULAN

Objektif laporan ini adalah untuk memaklumkan pembuat dasar dan pihak-pihak sistem keadilan jenayah mengenai situasi lelaki dan wanita yang dijatuhkan dengan hukuman mati di Malaysia. Laporan ini telah menunjukkan bahawa, mengikut sejarah, semenjak penjajahan British, penggunaan hukuman mati di Malaysia telah dikaitkan dengan pemakaian perundangan yang khas. Dengan mengecualikan situasi orang-orang yang dijatuhkan dengan hukuman mati kerana membunuh, hampir semua orang yang dilaksanakan dengan hukuman mati telah disabitkan dengan kesalahan-kesalahan keselamatan (Peraturan-peraturan Darurat daripada 1948 ke 1960 di bawah penjajahan British, selepas itu di bawah ISA dan ESCAR daripada 1976 hingga 1993) atau bagi pengedaran dadah (Akta Dadah Berbahaya sejak 1975). Begitu juga, anggapan bersalah dalam kes hukuman mati dan penganan hukuman mandatori yang bertarikh balik kepada zaman pemerintahan British dan Darurat Malaya, satu tempoh yang secara khususnya mencabar dalam sejarah negara. Namun pelanggaran-pelanggaran prinsip asas kepada perbicaraan yang adil masih diterimapakai kini dalam perbicaraan yang mempunyai kesan yang tidak boleh diterbalikkan.

Walaupun pihak-pihak berkuasa mengiktiraf ketidakberkesanan hukuman mati dalam melawan kesalahan-kesalahan dadah seawal akhir 1990-an, 72% daripada 190 hukuman mati yang diturunkan oleh mahkamah-mahkamah Malaysia pada 2018 adalah berkaitan dengan kesalahan dadah. Pada ketika penulisan pada Mac 2020, 1,280 wanita dan lelaki ditahan di bawah hukuman mati berikutan kepada pensabitan mereka dalam perbicaraan yang gagal mematuhi piawaian-piawaian antarabangsa. 1,280 wanita dan lelaki yang dikurung dalam pengasingan yang ekstrem, tanpa aktiviti-aktiviti pada siang dan malam selain daripada memikirkan kekurangan harapan mereka. 1,280 lelaki dan wanita yang telah ditinggalkan daripada pembaharuan penjara yang sedang dibangunkan. Sesetengah orang telah berada di bawah hukuman mati melebihi 20 tahun. Selain daripada lawatan oleh sesetengah organisasi-organisasi keagamaan, tiada sokongan psikologi diberikan kepada mereka, walaupun tahanan-tahanan hukuman mati mempunyai patologi-patologi yang khusus, termasuklah kemurungan atau

## KATA PENGANTAR

Roger Hood dan Saul Lehrfreund<sup>267</sup>

halusinasi, dan kebanyakan telah cuba membunuh diri. Lanya mesti diingati bahawa setiap hukuman mati mempengaruhi ibu bapa, suami isteri, kakak adik, abang adik dan anak. Bagi banduan-banduan dan keluarga, ketidaktentuan dan tempoh proses pengampunan adalah tidak boleh ditahan.

Pada 2018, Parti Pakatan Harapan diundi berdasarkan janji untuk memansuhkan undang-undang yang menindas dan memansuhkan hukuman mati mandatori. Walau bagaimanapun, parti tersebut menarik balik separa daripada pendiriannya, pada akhirnya hanya mempertimbangkan penarikan balik beberapa peruntukkan yang memperuntukkan hukuman mati mandatori. Pada Mac 2020, pada ketika laporan ini ditulis, pelantikan Perdana Menteri yang baru yang disokong oleh UMNO mencipta ketidaktentuan yang besar mengenai pembaharuan-pembaharuan yang dijalankan oleh kerajaan sebelum ini, khususnya berkenaan syarat-syarat pemansuhan.

Berikutan kepada pengetahuan berkenaan ketidakberkesanan hukuman mati dalam melawan jenayah, keberangkalan salah laksana keadilan yang amat tinggi dalam prosiding-prosiding jenayah, dan keadaan-keadaan penahanan orang yang dijatuhkan hukuman mati yang mengerikan, Malaysia mesti mengambil pendirian yang tegas memihak kepada pemansuhan mutlak hukuman mati.

Kajian yang penting ini tiba pada masa apabila Malaysia kelihatan adalah bersedia untuk menamatkan ketidaktentuan dan pertikaian bertahun-tahun sama ada atau tidak untuk memansuhkan hukuman mati sepenuhnya, atau sekurang-kurangnya memperkenalkan pembaharuan yang ketara yang akan mengurangkan secara material skop perundangannya, penganan hukuman mati dan pelaksanaan, dan bilangan orang yang tertakluk kepada penawanan “hukuman mati”.

Satu keputusan yang berani untuk memansuhkan hukuman mati sama sekali dalam kesemua keadaan dan untuk segala jenayah akan menyampaikan isyarat yang berkuasa kepada negara-negara lain di Asia.

Walaupun pelaksanaan-pelaksanaan telah secara tetap dijalankan di Malaysia pada 80-an dan 90-an (secara purata 17 setahun di antara 1980 dan 1999), abad ke-21 bermula dengan penurunan secara material dalam kekerapannya, di mana laporan ini bersekutu dengan perkembangan ekonomi Malaysia dan penglibatan yang lebih besar dalam hal ehwal antarabangsa yang mencetuskan kebangkitan keprihatinan untuk hak-hak asasi manusia dan nilai demokrasi. Namun, Malaysia kekal sebagai salah satu daripada beberapa negara yang belum meratifikasikan Kovenan Antarabangsa Hak Sivil dan Politik (ICCPR), walaupun kerajaannya telah mendakwa bahawa kegunaan hukuman matinya mematuhi undang-undang antarabangsa hak asasi manusia, secara khususnya artikel 6 ICCPR tersebut. Namun suatu penilaian atas piawaian-piawaian yang diabadikan dalam ICCPR mendedahkan bahawa ini adalah jauh daripada kes tersebut (*far from being the case*). Undang-undang Malaysia mengekalkan hukuman mati bagi 32 kesalahan-kesalahan, dan ianya masih adalah hukuman mandatori bagi 12 daripadanya: ianya dikenakan hampir secara eksklusif bagi pembunuhan; bagi pengedaran narkotik dalam pelbagai amaun bergantung kepada dadah yang berkaitan (dengan pengecualian yang diperkenalkan

